



LAPORAN TAHUNAN

2015

BREAKING BARRIERS

HITTING NEW HIGHS





2016 Penerbitan
© Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) 2016

Hak Cipta Terpelihara. Artikel-artikel, ilustrasi dan isi kandungan ini tidak boleh diterbitkan semula secara keseluruhan atau sebahagian dalam sebarang bentuk atau apa-apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Pegawai Eksekutif/ Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia
ISSN 1675 - 1612

KANDUNGAN

Laporan Pengerusi Anggota Lembaga	4
Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif	8
Visi	10
Misi	10
Objektif	10
Dasar Kualiti	10
Slogan	10
Moto Perkhidmatan	10
Piagam Pelanggan	11
Fungsi LHDNM	12
Tanggungjawab LHDNM	12
Nilai Teras LHDNM	13
Anggota Lembaga	14
Pengurusan Atasan	16
Carta Organisasi	17
Pernyataan Tadbir Urus Korporat	18
KPI OBJEKTIF STRATEGIK LHDNM 2015	22
PENCAPAIAN KPI OBJEKTIF STRATEGIK LHDNM 2015	
Pencapaian KPI Objektif Strategik #1	26
Memungut Jumlah Cukai Yang Sepatutnya Secara Adil Dan Saksama	
Pencapaian KPI Objektif Strategik #2	34
Menanamkan Kepercayaan Orang Awam Terhadap Keadilan Dan Keunggulan Pentadbiran Sistem Percukaian	
Pencapaian KPI Objektif Strategik #3	43
Memperluaskan Asas Cukai	
Pencapaian KPI Objektif Strategik #4	50
Memodenkan Sistem Dan Prosedur Kerja Selaras Dengan Keperluan Semasa	
Pencapaian KPI Objektif Strategik #5	58
Melahirkan Modal Insan Yang Kompeten, Profesional, Berintegriti Dan Berdedikasi	

ANUGERAH & PENGIKTIRAFAN	66
PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)	70
BANTUAN RAKYAT 1MALAYSIA (BR1M)	71
DIREKTORI LHDNM	72
DIARI HASIL	74
PENYATA KEWANGAN	82
LAPORAN PRESTASI KEWANGAN	117



A man with dark hair, wearing a dark pinstripe suit, a white shirt, and a yellow striped tie, stands in an office. He has a name tag that reads "IRWAN" and a small pin on his lapel. His hands are clasped in front of him. The background shows a modern office interior with large windows and a staircase.

Tahun 2015 merupakan tahun yang signifikan di mana ia merupakan kemuncak kepada pelaksanaan Rancangan Malaysia ke-10 (RMK10). Selain itu, tahun ini juga menjadi titik permulaan baharu bagi LHDNM setelah bertukar status kepada Agensi Yang Diasingkan Saraan Sepenuhnya atau *Self-Financing*.

LAPORAN PENERUSI LEMBAGA PENGARAH

Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, syukur kepada Allah subhanahu wa ta'ala kerana dengan limpah kurniaNya dapat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) menerbitkan Laporan Tahunan LHDNM 2015.

Tahun 2015 merupakan tahun yang signifikan di mana ia merupakan kemuncak kepada pelaksanaan Rancangan Malaysia ke-10 (RMK10). Selain itu, tahun ini juga menjadi titik permulaan baharu bagi LHDNM setelah bertukar status kepada Agensi Yang Diasingkan Saraan Sepenuhnya atau *Self-Financing*. Walaupun masih dalam proses peralihan, namun melalui penjajaran semula strategi dan kecekapan dalam pentadbiran percukaian, LHDNM telah berjaya memungut jumlah cukai yang memberangsangkan berjumlah RM121.236 bilion. Ternyata usaha pembaharuan dan perubahan yang telah dilakukan terbukti berkesan. Di samping itu, sokongan padu daripada pembayar cukai dalam menjalankan tanggungjawab masing-masing dalam membayar cukai pendapatan patut diberikan pujian.

Saya amat berbangga dengan kesungguhan Hasilian dalam melaksanakan inisiatif dan sasaran yang telah ditetapkan kerajaan meskipun negara berdepan dengan pelbagai kesukaran ekonomi terutama kejatuhan harga minyak dunia. Keadaan ini sememangnya memberi kesan ekonomi ke atas seluruh dunia dan Malaysia tidak terkecuali. Namun, LHDNM tetap teguh dalam memastikan kutipan cukai berada pada tahap yang terbaik berdasarkan keadaan ekonomi semasa.

Sebagai Pengerusi Anggota Lembaga, besar harapan saya supaya organisasi ini terus kekal relevan sebagai pentadbir cukai negara serta mampu memberikan perkhidmatan yang lebih cekap dan cemerlang dalam semua aspek pada masa akan datang. Selain itu, komitmen

dan usaha yang lebih gigih perlu digembleng untuk melaksanakan transformasi yang dapat meningkatkan kutipan cukai langsung negara. Usaha ini penting bagi memastikan LHDNM terus berada pada landasan yang betul agar matlamat yang ditetapkan tercapai melalui kendalian sewajarnya autonomi yang dimiliki.

Berpanduan kepada lima (5) matlamat strategik, pencapaian LHDNM sepanjang tahun 2015 adalah seperti berikut:

1. Memungut jumlah cukai yang sepatutnya secara adil dan saksama
 - a. Kutipan Cukai – LHDNM telah berjaya mengutip cukai langsung kerajaan sebanyak RM121.236 bilion dalam tahun 2015, penurunan sebanyak 9.32% berbanding tahun 2014. Walau bagaimanapun, pencapaian ini adalah 2.69% lebih baik berbanding tahun sebelumnya jika komponen kutipan petroleum tidak dimasukkan dalam pengiraan keseluruhan.
 - b. Akaun Belum Terima (ABT) – Sehingga 31 Disember 2015, sebanyak 619,337 kes tunggakan cukai berjaya diselesaikan. Pencapaian bagi tindakan pengurangan kes tunggakan cukai ini telah mengurangkan baki ABT sebanyak 82.32% yang melibatkan amaun RM6.892 bilion.
 - c. Kecekapan Kos Pungutan – Pencapaian kecekapan kos pungutan LHDNM adalah sebanyak RM1.19 iaitu tidak melebihi RM1.26 bagi setiap RM100.00 cukai yang dipungut.
2. Menanam kepercayaan orang awam terhadap keadilan dan keunggulan pentadbiran sistem percukaian.
 - a. Audit (Audit Luar dan Audit Meja) – Pengauditan fail-fail syarikat iaitu fail C/CS/TA/TC, dan TR telah diselesaikan sebanyak 22.87% berbanding sasaran ditetapkan sebanyak 15% daripada

jumlah fail aktif; fail-fail individu OG,D,TP,F,FA dan J telah diselesaikan sebanyak 21.30% berbanding sasaran ditetapkan sebanyak 18% daripada jumlah fail aktif; fail-fail penggajian individu iaitu fail SG telah diselesaikan sebanyak 24.98% berbanding sasaran ditetapkan sebanyak 20% dan fail-fail PCB Majikan telah diselesaikan sebanyak 16.57% berbanding sasaran iaitu 11% daripada jumlah fail aktif.

- b. Siasatan – Bagi aktiviti siasatan jumlah kes yang telah berjaya diselesaikan adalah sebanyak 1,063 kes berbanding jumlah sasaran 720 kes yang telah ditetapkan.
 - c. Bayaran Balik – Sebanyak 99.66% daripada jumlah permohonan kes pembayaran balik diterima telah dapat diselesaikan berbanding dengan sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak 94% daripada jumlah permohonan diterima.
3. Memperluaskan asas cukai.
- a. Semua jenis fail – Pencapaian 4.51% fail yang didaftarkan berasaskan jumlah fail aktif berbanding 3% sasaran yang ditetapkan.
4. Memodenkan sistem dan prosedur kerja selaras dengan keperluan semasa.
- a. Perkhidmatan elektronik LHDNM – 3,575,740 Borang Nyata diterima berbanding dengan KPI yang ditetapkan sebanyak 3,000,000.
5. Melahirkan modal insan yang kompeten, profesional, berintegriti dan berdedikasi.
- a. Latihan – LHDNM telah berjaya menjalankan sebanyak 403 kursus berbanding 248 kursus yang telah dirancang.
 - b) Kompetensi pegawai dan staf – Pegawai LHDNM telah mencapai 834,884 jam (terkumpul) latihan/kursus berbanding sasaran 414,720 jam.

Program Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Kewangan Malaysia bagi pelaksanaan tahun keempat dalam pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan (2015) pada 10 Oktober 2014. Pendaftaran BR1M tahun 2015 bermula pada 1 Disember 2014 sehingga 31 Januari 2015. Manakala tempoh rayuan pula bermula 1 Mac 2015 sehingga 15 Mei 2015. Bagi menjayakan program BR1M, LHDNM bekerjasama dengan agensi kerajaan lain bagi tujuan verifikasi maklumat pemohon, antaranya ialah Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan lain-lain agensi terlibat. Selain dari itu, LHDNM juga mendapatkan perkhidmatan Percetakan Nasional Malaysia Berhad untuk pencetakan borang dan baucar serta Data Pos Malaysia Berhad untuk cetakan dan penghantaran surat makluman BR1M kepada pemohon BR1M 2015. LHDNM telah berjaya memproses sejumlah 7,289,117 atau 88.2% daripada 8.2 juta permohonan yang diterima layak mendapat BR1M pada tahun ini.

Aktiviti pendaftaran dan pemprosesan BR1M merupakan suatu aktiviti yang sangat berbeza dari fungsi utama LHDNM, iaitu mengutip cukai untuk kerajaan. Namun dalam hal ini, LHDNM telah berjaya melaksanakan satu program kerajaan lebih-lebih lagi dalam memenuhi harapan golongan yang berpendapatan rendah.


Sekali lagi, tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua jentera terlibat yang telah bertungkus lumus dalam menghasilkan pencapaian cemerlang tahun 2015. Fajar 2016 yang menyinsing menandakan bermulanya sebuah lagi episod baharu yang perlu diteruskan perjuangannya oleh LHDNM. Saya yakin LHDNM akan terus memberikan yang terbaik dalam menghadapi cabaran tahun 2016 yang akan datang.

Seterusnya, dalam usaha mencapai sasaran sebanyak RM124.395 bilion pada tahun 2016, LHDNM perlu memberi tumpuan utama kepada perkara-perkara berikut:

- 
- i. Memastikan tahap 'visibility' aktiviti penguatkuasaan berada di tahap yang tinggi
 - ii. Meningkatkan kualiti penyelesaian audit, siasatan dan tindakan pemungutan

Akhir sekali, saya berharap lebih banyak program akan diadakan bagi tujuan mendekatkan LHDNM di hati pembayar cukai kerana pembayar cukai adalah aset penting yang menentukan kutipan cukai pendapatan negara. Kerjasama daripada pembayar cukai amat dialu-alukan dan diucapkan berbilion terima kasih atas sokongan anda selama ini.

Sekian, terima kasih.



**TAN SRI DR. MOHD IRWAN SERIGAR
ABDULLAH**
Pengerusi Anggota Lembaga
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia



Tahun 2015 juga menyaksikan LHDNM terus diiktiraf di peringkat antarabangsa dan domestik. Pelbagai anugerah telah diperolehi oleh LHDNM sepanjang 2015, di antaranya ialah Anugerah Merit dalam *Asean Oceanian Computing Industry Organization Awards (ASOCIO)* 2015 bagi kategori *Digital Government*.

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Syukur ke hadrat Illahi kerana Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) berjaya menerbitkan Laporan Tahunan LHDNM 2015. Pelbagai pencapaian dan kejayaan LHDNM dirakam menerusi penerbitan ini untuk paparan semua.

Terlebih dahulu saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Perdana Menteri Malaysia, YAB Datuk Seri Najib di atas kepercayaan beliau untuk saya meneruskan amanah selaku Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM secara kontrak untuk tempoh setahun bermula 12 Disember 2015. Saya amat terharu dan berterima kasih atas kepercayaan pucuk pimpinan tertinggi kerajaan yang diterjemahkan melalui pelantikan ini.

Tahun 2015 merupakan tahun keramat di mana status LHDNM telah bertukar kepada Agensi Yang Diasingkan Saraan Sepenuhnya atau *Self-Financing*. Perubahan ini melibatkan pemberian kuasa autonomi dalam pengurusan kewangan dan sumber manusia kepada LHDNM. Memandangkan tahun ini merupakan tahun pertama pelaksanaan era *self-financing*, maka tempoh peralihan ini sememangnya begitu mencabar kerana melibatkan penyelarasan peruntukan kewangan dan pentadbiran yang berkaitan.

Pencapaian kutipan sebanyak RM121.236 bilion pada tahun ini membuktikan LHDNM masih unggul dalam melaksanakan tanggungjawab mengutip cukai langsung kepada kerajaan lebih-lebih lagi, terdapat peningkatan kutipan cukai tanpa petroleum dicatatkan tahun ini berbanding tahun 2014. Menerusi tema ***Breaking Barriers Hitting New Highs***, Hasilian berjaya melakar kejayaan cemerlang meskipun berdepan dengan cabaran sukar dan telah memberikan yang terbaik sepanjang tahun 2015 ini. Syabas buat Hasilian.

Tahun 2015 juga menyaksikan LHDNM terus diiktiraf di peringkat antarabangsa dan domestik. Pelbagai anugerah telah diperolehi oleh LHDNM sepanjang 2015, di antaranya ialah Anugerah Merit dalam *Asean Oceanian Computing Industry Organization Awards (ASOCIO) 2015* bagi kategori *Digital Government*. Selain itu, saya selaku nakhoda kepada organisasi ini juga turut menerima pelbagai pengiktirafan yang melambangkan keyakinan *stakeholders* terhadap organisasi ini antaranya Anugerah *Highest Category of Personality Class for Visionary Leader of The Year Award*.


Sumbangan signifikan yang diberikan oleh Malaysia melalui LHDNM ke atas sistem cukai sebelum ini di peringkat antarabangsa turut diiktiraf apabila saya yang mewakili Malaysia telah dipilih sebagai Presiden *Commonwealth Association of Tax Administration (CATA)* bagi tempoh 2015-2018. Dengan pelantikan Malaysia sebagai Presiden CATA, jelas menunjukkan bahawa kedudukan LHDNM sekarang adalah setanding dengan pentadbir-pentadbir cukai lain di seluruh dunia. Semoga dengan pelantikan ini akan memberi manfaat kepada Malaysia, seterusnya dapat

meningkatkan persefahaman dan kerjasama di antara negara anggota.

Tahun 2015 melabuhkan tirainya dengan menyaksikan LHDNM mencipta kejayaan yang tersendiri. Walaupun berdepan dengan cabaran ekonomi disebabkan ketidakpastian dalam kewangan global, kejatuhan harga petroleum serta kejatuhan harga komoditi, namun LHDNM melalui pengurusan yang cekap telah membuktikan *Nothing Is Impossible And Impossible Is Nothing*.

Saya ucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada seluruh jentera terlibat terutama sekali Hasilian yang menjadi nadi kepada LHDNM untuk terus berdaya maju sehingga ke hari ini serta menjadi tulang belakang kepada sumber pendapatan negara. Tidak lupa juga kepada pembayar cukai yang sentiasa menyokong dan memahami peranan LHDNM dalam menjayakan agenda pembangunan negara. Kerjasama daripada anda semua amat penting bagi membolehkan kerajaan untuk terus menambahbaik taraf kehidupan dan mengurangkan beban rakyat.

Sekian, terima kasih.



KOLONEL (K) TAN SRI DATUK WIRA DR. HJ. MOHD SHUKOR HJ. MAHFAR
**Ketua Pegawai Eksekutif/
Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

VISI

Pentadbir Cukai Terunggul

MISI

Memberikan Perkhidmatan Percukaian Yang Berkualiti Dan Berintegriti Ke Arah Meningkatkan Pematuhan Sukarela

OBJEKTIF

Melaksanakan Sistem Pengurusan Percukaian Yang Berkesan, Adil Dan Saksama

DASAR KUALITI

Berteraskan Integriti Kami Komited Memberikan Perkhidmatan Yang Terbaik Untuk Pelanggan

SLOGAN

Bersama Membangun Negara

MOTO PERKHIDMATAN

Perkhidmatan Terbaik Untuk Anda

PIAGAM PELANGGAN

Kami komited untuk menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan secara berterusan serta memberikan layanan yang adil dan saksama dalam segala urusan berdasarkan piawaian berikut:

1. Menyediakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) untuk tahun semasa bagi:
 - Pembayar cukai individu - pada akhir bulan Februari
 - Pembayar cukai selain individu - pada akhir bulan April
2. Menyediakan kemudahan menghantar BNCP secara elektronik
3. Mengembalikan lebihan bayaran / pembayaran balik cukai pendapatan bagi BNCP yang lengkap dan betul dari tarikh penerimaan borang secara :
 - e-Filing - 30 hari bekerja
 - Pos atau serahan tangan - 90 hari bekerja
4. Mengeluarkan surat penyelesaian cukai dalam tempoh 10 hari bekerja dari tarikh dokumen relevan yang lengkap diterima
5. Mengambil tindakan atas surat cara pindah milik harta tanah bagi taksiran duti setem seperti berikut :
 - Menghantar borang PDS 15 untuk penilaian - 8 hari bekerja
 - Mengeluarkan notis taksiran dari tarikh laporan penilaian diterima - 8 hari bekerja
 - Mengendorskan Borang KTN 14A dari tarikh bayaran diterima - 3 hari bekerja
6. Menaksir surat cara selain dari surat cara pindah milik harta tanah bagi :
 - Taksiran rasmi - 5 hari bekerja
 - Taksiran tidak rasmi - 1 hari bekerja kepada 30 surat cara bagi setiap pemohon
7. Menyelesaikan rayuan/bantahan selain dari Borang Q dalam tempoh 60 hari sekiranya maklumat lengkap diterima
8. Memproses Borang Q untuk dikemukakan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan dalam tempoh 5 bulan dari tarikh penerimaannya
9. Mengambil tindakan terhadap surat, faks, dan e-mel dengan mengeluarkan:
 - Surat akuan terima dalam tempoh 3 hari bekerja dari tarikh penerimaan
 - Surat makluman berhubung status tindakan dalam tempoh 7 hari bekerja selepas surat akuan terima dihantar sekiranya perkara yang dibangkitkan mengambil masa untuk diselesaikan
10. Menjawab panggilan telefon dalam tempoh tidak melebihi 3 deringan
11. Memberi layanan di kaunter dalam tempoh 15 minit selepas mengambil nombor giliran

FUNGSI LHDNM

Bertindak sebagai ejen kerajaan dan memberi perkhidmatan dalam pentadbiran, penaksiran, pemungutan dan penguatkuasaan pembayaran cukai pendapatan, cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan harta tanah, duti harta pesaka, duti setem dan cukai lain yang dipersetujui antara kerajaan dan lembaga.

Menasihati kerajaan tentang perkara-perkara berhubung dengan percukaian dan bekerjasama dengan kementerian dan badan berkanun berkaitan perkara-perkara tersebut.

Menyertai mesyuarat, perbincangan dan perjanjian tentang perkara-perkara yang berkaitan percukaian di dalam atau di luar negara.

Menjadi ejen pemungutan untuk dan bagi pihak mana-mana badan yang mendapatkan pinjaman yang kena dibayar balik kepada badan itu di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

Melaksanakan apa-apa fungsi lain yang diberi kepada LHDNM oleh mana-mana undang-undang bertulis lain.

TANGGUNGJAWAB LHDNM

Mentadbir undang-undang:

- Akta Cukai Pendapatan 1967
- Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976
- Akta Penggalakan Pelaburan 1986
- Akta Setem 1949
- Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967
- Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990

Mematuhi perundangan berkaitan pentadbiran LHDNM:

- Perlembagaan Persekutuan 1957
- Akta Tafsiran 1948 dan 1967
- Akta Had Masa 1953
- Akta Mahkamah Kehakiman 1964
- Akta Syarikat 1965
- Akta Kebankrapan 1967
- Kanun Tanah Negara 1965
- Kanun Acara Jenayah (Akta 593)
- Kanun Keseksaan (Akta 574)
- Kaedah-kaedah Penggulangan Syarikat 1972
- Kaedah-kaedah Mahkamah 2012

Mentadbir perundangan yang dimansuhkan bagi penyelesaian kes-kes tertunggak:

- Enakmen Duti Harta Pesaka 1941
- Akta Cukai Pemindahan Syer (Syarikat Berasaskan Tanah) 1984 (Akta 310)

NILAI TERAS LHDNM

NILAI-NILAI TERAS



HAPPY

TEAMWORK



PROFESSIONAL

INTEGRITY



EXCELLENCE

MANTERA

Hasilian sentiasa ceria dan seronok

Bekerja dalam satu pasukan

Dengan profesional

Berteraskan integriti

Untuk mencapai kecemerlangan

ANGGOTA LEMBAGA LHDNM

**TAN SRI DR. MOHD IRWAN
SERIGAR ABDULLAH**

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Perbendaharaan Malaysia

**KOLONEL (K) TAN SRI DATUK
WIRA DR. HJ. MOHD SHUKOR
HJ. MAHFAR**

Ketua Pegawai Eksekutif/
Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

**TAN SRI MOHAMAD ZABIDI
ZAINAL**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia



Kiri:
**DATUK JUNAIDAH
HJ. ABD. RAHMAN**
Pesuruhjaya Penyemak
& Pembaharuan Undang-Undang
Jabatan Peguam Negara

Kanan:
**PUAN KHODIJAH
ABDULLAH**
Setiausaha Bahagian Cukai
Perbendaharaan Malaysia



Kiri:
**DATO' HAJI CHE PEE
SAMSUDIN**
Akauntan Negara Malaysia
Jabatan Akauntan Negara

Kanan:
**DATUK HJ. MD AFENDI
DATUK HJ. HAMDAN**
Konsultan Swasta



Kiri:
ENCIK FADZLI ABDUL WAHIT
Konsultan Swasta

Kanan:
**TAN SRI DATUK RASHPAL SINGH
A/L JESWANT SINGH**
Konsultan Swasta



PENGURUSAN ATASAN




1 KOLONEL (K) TAN SRI DATUK WIRA DR. HJ. MOHD SHUKOR HJ. MAHFAR
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF/
KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

2 DATUK SABIN SAMITAH
TIMBALAN KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF (OPERASI PERCUKAIAN)
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia


3 DATO' ABD AZIZ HASHIM
TIMBALAN KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF (PEMATUHAN)
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

4 PUAN NOOR AZIAN ABDUL HAMID
TIMBALAN KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF (DASAR)
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

5 DATUK MOHD NIZOM SAIRI
TIMBALAN KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF (PENGURUSAN)
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia



CARTA ORGANISASI



PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT



Tahun 2015 membuka tirai baharu bagi LHDNM apabila Parlimen meluluskan **Act A1475 Inland Revenue Board of Malaysia (Amendment) Act 2015** pada 30 Disember 2014 untuk meminda Akta 533 yang berkaitan dengan penubuhannya sebagai agensi berkanun. Ini menjadikan LHDNM sebuah agensi dengan saraan diasingkan dan dibebaskan. Akta ini memberikan kebebasan kepada LHDNM menentukan hala tuju organisasi termasuk menguruskan sumber pendapatan, saraan (gaji dan pampasan) dan sumber manusia (perkhidmatan dan perjawatan) tanpa perlu merujuk kepada kelulusan Agensi Pusat seperti Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan.

Kejayaan LHDNM menempa sejarah ini membuktikan keyakinan kerajaan kepada kemantapan pentadbiran dan pengurusan pemungutan hasil cukai langsung negara. Dengan Akta A1475 ini keanggotaan Lembaga telah ditambah dengan memasukkan Ketua Pegawai Eksekutif sebagai Anggota Lembaga dan seorang lagi lantikan daripada Menteri Kewangan untuk menjadikan jumlah keanggotaan Lembaga daripada tujuh orang kepada sembilan orang.

Keanggotaan Lembaga

Akta A1475 menetapkan Anggota Lembaga hendaklah terdiri daripada sembilan individu termasuk Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif seperti berikut:

- a. **Ketua Setiausaha Perbendaharaan yang menjadi Pengerusi**
- b. **Ketua Peguam Negara atau wakilnya**
- c. **Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam**
- d. **Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM**
- e. **Dua orang wakil kerajaan yang dilantik oleh Menteri Kewangan**
- f. **Tiga orang wakil swasta yang berpengaruh dan berpengalaman dalam perihal kewangan, perdagangan, percukaian atau perundangan yang dilantik oleh Menteri Kewangan**

Komposisi keanggotaan ini selaras dengan amalan terbaik dan memastikan keseimbangan kuasa dalam meningkatkan akauntabiliti dan kebertanggungjawaban untuk membuat keputusan yang bebas. Anggota Lembaga LHDNM terdiri daripada individu yang mempunyai pencapaian hebat, kemahiran yang pelbagai, kompeten dan berpengalaman.

Pengerusi Lembaga berperanan dalam mengurus dan memberi kepimpinan kepada Anggota Lembaga untuk memutuskan perkara-perkara yang dibawa ke perhatian Lembaga dan memantau setiap keputusan Lembaga tersebut disusuli ke dalam tindakan eksekutif.

Peranan utama Ketua Pegawai Eksekutif adalah sebagai Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri seperti ditetapkan di bawah Seksyen 134(1A) Akta Cukai Pendapatan 1967 iaitu menjaga dan mengurus cukai. Pada masa yang sama di bawah Seksyen 6A(1) Akta A1475, Ketua Pegawai Eksekutif juga adalah bertanggungjawab terhadap

pentadbiran operasi harian. Kedua-dua peranan dilaksanakan dengan berkesan sejajar dengan strategi dan dasar serta menyediakan pengawasan, bimbingan, nasihat serta kepimpinan kepada pengurusan kanan.

Dalam tahun 2015, sebanyak enam Mesyuarat Lembaga telah diadakan dengan kehadiran melebihi korum bagi ke semua mesyuarat.

Jawatankuasa Lembaga

Bagi tujuan melaksanakan fungsi-fungsi Lembaga, beberapa jawatankuasa utama ditubuhkan yang mana keahlian setiap jawatankuasa dilantik oleh Pengerusi Lembaga daripada kalangan barisan Anggota Lembaga. Jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:

- a. Jawatankuasa Perolehan A dan B**
- b. Jawatankuasa Kewangan**
- c. Jawatankuasa Pelaburan**
- d. Jawatankuasa Tata tertib 1**
- e. Jawatankuasa Rayuan Tata tertib**
- f. Jawatankuasa Pengurusan Insan 1**
- g. Jawatankuasa Risiko dan Pematuhan**

Setiap jawatankuasa tersebut berfungsi untuk bertindak ke atas isu-isu yang kompleks, spesifik dan khusus. Syor dan cadangan tindakan yang dibuat oleh Jawatankuasa Lembaga diangkat terus kepada Mesyuarat Lembaga untuk membuat keputusan. Pertanggungjawaban secara kolektif ini merupakan amalan efektif dalam memartabatkan tadbir urus korporat.

Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalaman

Bagi mencapai objektif dan melestarikan kejayaan dalam pentadbiran percukaian, menguruskan kutipan hasil memerlukan tadbir urus yang efektif, pengurusan risiko dan proses-proses kawalan dalaman yang menepati objektif. Untuk itu, LHDNM mempunyai pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang jelas dan diterapkan ke dalam rangka kerja tadbir urus.

Jawatankuasa Risiko dan Pematuhan Lembaga mengawasi pengurusan risiko dan kawalan dalaman bagi memastikan rangka kerja pengawalan diterap ke dalam budaya kerja, struktur dan proses kerja organisasi. Satu laporan iaitu Profil Risiko Korporat LHDNM 2015 dihasilkan berdasarkan data yang diperolehi daripada Sistem Maklumat Pengurusan Risiko (i-RIS) dan diasingkan mengikut risiko strategik, pematuhan, operasi atau kewangan. Pada masa yang sama laporan penilaian prestasi oleh *Tax Administration Diagnostic Assessment Tools* (TADAT) juga digunakan untuk merangka program pengurusan risiko pematuhan cukai pada masa akan datang.

Dalam proses pengawalan dalaman pula, pelaksanaan merangkumi aspek kewangan, operasi, persekitaran dan pematuhan prosedur kerja untuk mengurus sebarang risiko dan memastikan matlamat yang ditetapkan tercapai. Rangka kerja kawalan dalaman adalah berpandukan kepada Arahan Tadbir Urus 1-2014 (Senarai Semak Akauntabiliti Pengurusan Kewangan Bagi Prosedur Kawalan Harta Modal Dan Inventori, Pengurusan Kenderaan Dan Pengurusan Stor Di LHDNM) bersama-sama Arahan Tadbir Urus 1-2015 (Senarai Semak Akauntabiliti Pengurusan Kewangan Bagi Prosedur Kawalan Pengurusan Perolehan Dan Pengurusan Bayaran Bekalan/Perkhidmatan LHDNM).

Secara keseluruhannya, sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman LHDNM adalah berjalan dengan baik dan berkesan berdasarkan keperluan dan maklumat yang sedia ada.

KPI OBJEKTIF STRATEGIK
LHDNM 2015



KPI OBJEKTIF STRATEGIK LHDNM 2015



OBJEKTIF STRATEGIK	PROSES UTAMA	KPI	PENCAPAIAN
Memungut jumlah cukai yang sepatutnya secara adil dan saksama	Kutipan Cukai	Kasar: RM123.760 Bilion	Kasar: RM 121.236 Bilion
	Akaun Belum Terima (ABT)	Dikurangkan 59.00% daripada ABT (RM8,310 juta) pada 1/1/2015 : RM4.871 Bilion	Dikurangkan 82.32% daripada ABT melibatkan amaun RM6.892 Bilion
	Kecekapan Kos Pungutan	Tidak melebihi RM1.26 bagi setiap RM100.00 cukai yang dipungut	Tidak melebihi RM1.19 bagi setiap RM100.00 cukai yang dipungut
Menanamkan kepercayaan orang awam terhadap keadilan dan keunggulan pentadbiran sistem percukaian	Audit (Audit Luar dan Audit Meja)	Fail syarikat (C/CS/TA/TC/TR): 15% daripada fail aktif: sasaran 90,628 kes	Fail syarikat (C/CS/TA/TC/TR): Selesai 138,203 kes
		Fail Individu (OG/D/TP/F/FA/J): 18% daripada fail aktif: sasaran 341,152 kes	Fail Individu (OG/D/TP/F/FA/J): Selesai 403,730 kes
		Fail Penggajian (SG): 20% daripada fail aktif: 939,106 kes	Fail Penggajian (SG): Selesai 1,172,979 kes
	PCB Majikan:	11% daripada fail aktif: 52,061 kes	PCB Majikan: Selesai 78,404 kes
	Siasatan	Jumlah sasaran : 720 kes	Jumlah kes diselesaikan: 1,063 kes
	Bayaran Balik	Menyelesaikan 94 % daripada permohonan bayaran balik	Menyelesaikan 99.66% daripada permohonan bayaran balik

OBJEKTIF STRATEGIK	PROSES UTAMA	KPI	PENCAPAIAN
Memperluaskan asas cukai	Semua jenis fail	3% peningkatan berasaskan 7,666,288 fail aktif atau 230,049 fail	Daftar 345,687 fail
Memodenkan sistem dan prosedur kerja selaras dengan keperluan semasa	Perkhidmatan elektronik LHDNM: e-Filing	3,000,000 borang nyata diterima	3,575,740 borang nyata diterima
Melahirkan modal insan yang kompeten, profesional, berintegriti dan berdedikasi	Latihan Kompetensi pegawai dan staf LHDNM	Melaksanakan 94% daripada 248 program latihan APM : 233 kursus Pegawai mencapai sekurang-kurangnya 40 jam latihan/kursus atau sasaran 414,720 jam	Melaksanakan 403 program latihan Pegawai mencapai 834,884 jam (terkumpul) latihan/kursus





PENCAPAIAN KPI OBJEKTIF
STRATEGIK LHDNM 2015

PENCAPAIAN KPI OBJEKTIF STRATEGIK #1



MEMUNGUT JUMLAH CUKAI YANG SEPATUTNYA SECARA ADIL DAN SAKSAMA

Kutipan Cukai Langsung


LHDNM berjaya mengutip Cukai Langsung Kasar sebanyak RM121.236 bilion pada tahun ini dengan menyumbang 55.34% daripada keseluruhan kutipan hasil persekutuan berjumlah RM219.089 bilion. Walaupun berdepan dengan kesukaran ekonomi global terutama penurunan harga petroleum yang banyak memberi kesan kepada kutipan Tahun 2015, namun kutipan cukai dari komponen-komponen lain tetap menunjukkan kenaikan seperti syarikat, individu, Cukai Pegangan, Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) dan Labuan International Offshore Centre (IOFC) yang masing-masing meningkat sebanyak 1.64%, 6.09%, 5.65%, 39.68% dan 37.36% berbanding tahun 2014.

	2015 (RM Bilion)	2014 (RM Bilion)
Kutipan Cukai Langsung Kasar	121.236	133.700
Tabung Bayaran Balik Cukai (TBBC)	7.000	7.000
Kutipan Cukai Langsung Bersih	114.236	126.700
Unjuran Disemak Kerajaan	116.760	133.148
Hasil Persekutuan	219.089	225.094

Cukai
Langsung
Kasar
RM121.236
bilion
tahun ini

Kutipan Kasar Dari Hasil Persekutuan dan Kutipan Bersih Dari Unjuran Disemak bagi tahun 2015 masing-masing menyumbangkan **55.34%** dan **97.84%** berbanding tahun 2014 iaitu 59.40% dan 95.16%.

Kutipan Cukai Langsung Mengikut Komponen



* IOFC (International Offshore Centre)

** Lain-lain merangkumi bayaran Seksyen 124 ACP 1967, bayaran mahkamah, faedah bank, hasil guaman, pendaftaran perniagaan dan bayaran perkhidmatan Seksyen 138B ACP 1967

Kutipan Mengikut Kaedah Pembayaran

Tahun	Kaunter Bayaran* dan Melalui Mel (RM Juta)	Kaunter Bank (RM Juta)	Perbankan Internet (RM Juta)	Lain-lain** (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
2015	54,110.62	31,001.29	36,116.70	7.23	121,236
2014	71,093.43	28,419.84	34,186.83	0.009	133,700

* Kaunter bayaran di Pusat Bayaran Kuala Lumpur, Kuching dan Kota Kinabalu.

** Meliputi duti setem, duti harta pesaka, pendaftaran perniagaan dan lain-lain.


Kutipan Cukai Pegangan

Tahun	Seksyen 107A (RM Juta)	Seksyen 109 / 109B (RM Juta)	Seksyen 109C (RM Juta)	Seksyen 109D (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
2015	208.12	2,083.80	4.93	32.89	2,329.74
2014	176.67	1,985.95	3.06	39.42	2,205.10


Kutipan Potongan Cukai Bulanan (PCB)

Potongan Cukai Bulanan (PCB) adalah satu mekanisme potongan cukai pendapatan daripada saraan bulanan semasa pekerja mengikut Jadual Potongan Cukai Bulanan sepertimana yang diperuntukkan di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan daripada Saraan) 1994 (Kaedah PCB). Potongan ini bertujuan untuk mengurangkan beban pekerja membayar cukai sekaligus apabila cukai sebenar dikira. Kaedah PCB diperuntukkan di bawah subseksyen 107(2) Akta Cukai Pendapatan 1967(Akta).

Kutipan PCB Daripada Jumlah Keseluruhan Kutipan Hasil



Kutipan PCB Mengikut Kaedah Pembayaran



Kutipan Pusat Khidmat Hasil (PKH)

PKH merupakan pusat khidmat pelanggan yang menyediakan perkhidmatan seperti Duti Setem, khidmat nasihat cukai pendapatan dan perkhidmatan yang diarahkan Kementerian Kewangan seperti BR1M. Senarai PKH LHDNM seluruh Malaysia dan kutipan sehingga Disember 2015 adalah seperti berikut:

Pusat Khidmat Hasil	2015 (RM)	2014 (RM)
PKH Alor Gajah	1,564,244.10	1,832,578.60
PKH Batu Pahat	39,752,364.55	45,991,099.74
PKH Bentong	35,338,147.90	34,559,924.60
PKH Besut	2,476,310.80	2,345,010.15
PKH Cyberjaya	31,855,241.20	31,895,602.55
PKH Hulu Langat	105,825,318.74	133,007,749.66
PKH Jasin	3,605,283.60	2,061,712.60
PKH Jerantut	5,494,761.90	5,568,826.60
PKH Kemaman	10,455,154.95	10,148,062.75
PKH Kuala Kangsar	3,366,666.05	729,891.25
PKH Kuala Langat	14,491,738.25	16,177,755.90
PKH Kuala Pilah	4,953,605.15	5,060,177.30
PKH Kudat	597,003.00	546,138.00
PKH Kulim	9,364,171.84	10,392,242.65
PKH Lahad Datu	2,938,153.00	2,646,617.85
PKH Langkawi	4,359,364.40	3,531,915.05
PKH Limbang	1,720,781.05	1,801,839.80
PKH Manjung	28,502,927.51	31,267,293.30
PKH Mukah	968,409.15	83,656.00
PKH Pontian	10,567,347.55	10,283,691.50
PKH Seberang Perai	11,293,886.45	10,232,887.90
PKH Segamat	15,822,328.06	14,864,781.38
PKH Sri Aman	1,533,933.40	1,164,269.55
PKH Tampin	4,402,116.50	4,396,633.20
PKH Tanah Merah	1,423,587.95	2,422,493.70
PKH Hulu Terengganu	1,864,815.25	-
PKH Dungun	4,347,029.75	-

Pusat Khidmat Hasil	2015 (RM)	2014 (RM)
PKH Baling	99,775.50	-
PKH Kota Tinggi	3,710,941.95	-
PKH Kuala Krai	36,323.00	-
PKH Kuala Selangor	5,053,599.90	-
PKH Kubang Pasu	1,228,957.70	-
PKH Mersing	161,899.00	-
PKH Parit Buntar	361,867.25	-
PKH Rawang (Gombak)	4,359,631.15	-
PKH Yan	379,636.55	-
PKH Gua Musang	DALAM PERANCANGAN	
PKH Jempol		
PKH Pasir Mas		
PKH Pasir Puteh		
PKH Petaling		
PKH Port Dickson		
PKH Sabak Bernam		
PKH Sepang		

Jumlah kutipan PKH seluruh Malaysia bagi tahun 2015
RM374.28 juta

Anggaran Cukai Syarikat (Borang CP204) Dan Bayaran Ansuran Individu (Borang CP500)

	2015	2014
Bilangan Borang CP204 Diterima	188,075	361,786
Anggaran Cukai Borang CP204 (RM Juta)	59,983.67	51,486.30
Bilangan Borang CP500 Dikeluarkan	331,595	363,221
Bayaran Ansuran Borang CP500 (RM Juta)	2,696.60	2,588.22

Kecekapan Pengurusan Cukai

Kos pengurusan yang dibelanjakan bagi memungut setiap RM100 kutipan cukai langsung ialah RM1.19 berbanding KPI tahunan RM1.26. Nisbah yang rendah berbanding sasaran KPI menunjukkan tahap keberkesanan kawalan kos serta keberkesanan perancangan dan pelaksanaan aktiviti LHDNM yang dibuat iaitu dengan memberi penekanan terhadap penambahbaikan kualiti serta keberhasilan aktiviti yang dilaksanakan.

Prestasi Akaun Belum Terima (ABT)

Sehingga 31 Disember 2015, sebanyak 619,337 kes tunggakan cukai berjaya diselesaikan. Pencapaian bagi tindakan pengurangan kes tunggakan cukai ini telah mengurangkan baki ABT sebanyak 82.32% yang melibatkan amaun RM6.892 bilion.

Tindakan Larangan Meninggalkan Negara

Selain daripada pengeluaran surat peringatan dan Notis Cukai Tertunggak kepada pembayar cukai yang ingkar, LHDNM juga menguatkuasakan tindakan melarang mereka meninggalkan negara di bawah Seksyen 104 Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) dan Seksyen 22 Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (ACKHT 1976) sehingga cukai tersebut dibayar sepenuhnya. Tindakan larangan meninggalkan negara ini umumnya dikenakan hanya setelah pelbagai usaha pemungutan diambil namun masih gagal akibat daripada kedegilan pembayar cukai sendiri.

Justeru, bagi menjamin keadilan sistem percukaian kepada semua pembayar cukai, LHDNM telah mengambil langkah ini agar tidak ada yang terlepas daripada tanggungjawab untuk menjelaskan cukai yang dikenakan ke atas mereka. Pembayar cukai yang mempunyai masalah dalam menjelaskan baki cukai tertunggak boleh menghubungi LHDNM bagi memohon jadual ansuran pembayaran.

Pendaftaran Sekatan Perjalanan

Jenis	Daftar					
	Kes Berdaftar Sehingga 31.12.2014	Amaun Berdaftar Sehingga 31.12.2014 (RM Juta)	Kes daftar Tahun 2015	Amaun daftar Tahun 2015 (RM Juta)	Jumlah Kes	Jumlah Amaun (RM Juta)
Sek 104	116,196	3,254.10	40,435	599.14	156,631	3,853.25
Sek 22	12,816	203.89	4,316	58.69	17,132	262.58

Pembatalan Sekatan Perjalanan

Jenis	Batal					
	Kes di batalkan sehingga 31.12.2014	Amaun dibatalkan sehingga 31.12.2014 (RM Juta)	Kes Batal Tahun 2015	Amaun Batal Tahun 2015 (RM Juta)	Jumlah Kes	Jumlah Amaun (RM Juta)
Sek 104	41,043	1,041.98	14,277	256.05	55,320	1,298.03
Sek 22	5,786	93.60	2,087	29.39	7,873	122.99

Bilangan kes dan amaun bagi sekatan perjalanan yang berkuatkuasa sehingga 31 Disember 2015 (termasuk kes didaftarkan sebelum tahun 2015) bagi **Seksyen 104** ialah **101,311 kes/RM2,555.22 juta** dan **Seksyen 22** ialah **9,259 kes/RM139.59 juta**.

Amalan terbaik pentadbir cukai lain sentiasa dirujuk untuk memastikan sistem percukaian Malaysia berada di tahap yang setanding dengan pentadbir cukai antarabangsa. Strategi ini perlu bagi memastikan amalan percukaian yang konsisten dalam usaha LHDNM untuk berlaku adil kepada pembayar cukai tertakluk kepada bidang kuasa cukai yang berbeza di dalam suatu masa. Untuk tujuan ini, LHDNM mengambil bahagian dalam kerjasama, perkongsian pintar dan perjanjian dengan pentadbir cukai negara-negara lain bagi menangani cabaran berhubung dengan halangan kepada ketelusan maklumat.

Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali (PPPDK)

PPPDK adalah perjanjian di antara kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Negara Pejanji bertujuan bagi pengelakan pencukaian dua kali dan pencegahan pelarian fiskal berkaitan cukai atas pendapatan.

Sehingga akhir 2015, Malaysia mempunyai 74 (PPPDK) dan satu Perjanjian Pertukaran Maklumat Cukai atau *Tax Information Exchange Agreement* (TIEA) yang berkuatkuasa. TIEA merupakan perjanjian yang dimeterai oleh Negara Pejanji khusus bagi tujuan kerjasama dalam hal percukaian menerusi pertukaran maklumat. PPPDK pula adalah perjanjian komprehensif berkenaan layanan cukai ke atas pendapatan di antara negara pejanji.

Rundingan PPPDK bersama Kerajaan Belarus telah berlangsung dengan jayanya dalam tahun 2015. Manakala PPPDK di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Republik Slovak pula telah diwartakan untuk pembentangan di Parlimen dalam usaha meratifikasikan PPPDK tersebut.

Malaysia melalui LHDNM telah menghadiri mesyuarat bagi membincangkan isu percukaian antarabangsa. Malaysia juga melalui *Working Party No. 1 (Tax Conventions and Related Questions)* terlibat dalam inisiatif BEPS (*Base Erosion and Profit Shifting*) yang berlangsung dalam perbincangan *Working Party No. 1*. Inisiatif ini melibatkan lebih 94 buah negara dalam usaha untuk memperkembangkan jaringan perjanjian pencukaian dan mengelakkan pelarian cukai.

Senarai PPPDK Yang Telah Berkuatkuasa

Afrika Selatan	Filipina	Maghribi	San Marino
Albania	Finland	Malta	Sepanyol
Amerika Syarikat	Hong Kong	Mauritius	Seychelles
Arab Saudi	Hungary	Mesir	Singapura
Argentina	India	Mongolia	Sri Lanka
Australia	Indonesia	Myanmar	Sudan
Austria	Iran	Namibia	Sweden
Bahrain	Ireland	Netherlands	Switzerland
Bangladesh	Itali	New Zealand	Syria
Belarus	Jepun	Norway	Thailand
Belgium	Jerman	Pakistan	Turki
Bosnia Herzegovina	Jordan	Papua New Guinea	Turkmenistan
Brunei	Kanada	Perancis	United Kingdom
Chile	Kazakhstan	Poland	Uzbekistan
China	Korea Selatan	Qatar	Venezuela
Croatia	Kuwait	Republik Czech	Vietnam
Denmark	Laos	Republik Kyrgyz	Zimbabwe
Emiriah Arab Bersatu	Lubnan	Romania	
Fiji	Luxembourg	Rusia	

Komitmen Malaysia Terhadap Pertukaran Maklumat Antarabangsa

Peranan utama Unit Pertukaran Maklumat Antarabangsa ialah mengendalikan pertukaran maklumat dengan pihak berkuasa cukai negara PPPDK. Pada umumnya, jenis pertukaran maklumat meliputi pertukaran maklumat spesifik, pertukaran maklumat spontan dan pertukaran maklumat automatik.

Pertukaran maklumat spesifik berlaku apabila pihak berkuasa cukai sesebuah Negara Pejanji memohon maklumat yang tertentu daripada pihak berkuasa cukai Negara Pejanji yang lain. Manakala pertukaran maklumat spontan berlaku apabila sebuah Negara Pejanji mengemukakan sebarang maklumat yang dianggap berguna hasil daripada audit atau penyiasatan kepada Negara Pejanji yang lain. Maklumat ini dikemukakan sebagai pemakluman. Pertukaran maklumat automatik pula berlaku apabila sebuah Negara Pejanji mengemukakan maklumat pembayar cukai dalam "bulk" secara sistematik dan berkala kepada Negara Pejanji yang lain.

Selain mengendalikan pertukaran maklumat dalam tahun 2015, Unit Pertukaran Maklumat Antarabangsa telah menghantar 5 pegawai ke bengkel luar negara untuk mempelajari teknik-teknik meningkatkan keberkesanan pertukaran maklumat. Bengkel pertama *Enhancing Effective Exchange of Information* yang dikendalikan oleh *Asian Development Bank* di Manila, Filipina dan bengkel kedua *Detecting Cross Border Evasion* yang dikendalikan oleh *Asian Development Bank* di Jepun.

Untuk pertukaran maklumat automatik, Malaysia telah memberi komitmen untuk melaksanakan pertukaran maklumat automatik mengikut *Common Reporting Standard (CRS)* mulai tahun 2018. Bagi memenuhi obligasi Malaysia dalam komitmen ini, Unit Pertukaran Maklumat Antarabangsa telah menyiapkan kerja persediaan awal untuk menandatangani *Convention on Mutual Administrative Assistance on Tax Matters (CMAA)* dan *Multilateral Competent Authority Agreement on Automatic Exchange of Financial Account Information (MCAA AEOI)*.

Pada 1 Julai 2015, Unit Pertukaran Maklumat telah mengeluarkan draf Nota Penerangan IGA FATCA untuk tujuan rujukan oleh institusi kewangan. Pada 11 September 2015, draf tersebut dikemaskini selepas mengambil kira komen diterima daripada institusi kewangan. Sehingga 23 Disember 2015, terdapat 568 institusi kewangan mendaftar dengan IRS untuk tujuan penghantaran maklumat mengikut IGA FATCA.

Mutual Agreement Procedure (MAP)

Sepanjang tahun 2015 tiada sebarang permohonan baru berkaitan *Mutual Agreement Procedure (MAP)*. Walau bagaimanapun, secara kumulatif terdapat sebanyak enam kes MAP yang dikendalikan, di mana 1 kes telah selesai. Kes-kes yang sedia ada adalah melibatkan empat negara rakan pejanji dengan pelbagai isu seperti pindahan harga, fi teknikal, permintaan *Bilateral Advance Pricing Arrangement (BAPA)* dan *Representative Office*.

Satu Garis Panduan MAP telah dimuatkan ke laman web rasmi LHDNM pada 28 Januari 2015. Garis Panduan MAP ini menerangkan prosedur/tatacara untuk mendapatkan bantuan daripada Pihak Berkuasa Kompeten Malaysia dalam usaha untuk menyelesaikan isu berkaitan percukaian dengan Negara Rakan Pejanji.

PENCAPAIAN KPI OBJEKTIF STRATEGIK #2



MENANAMKAN KEPERCAYAAN ORANG AWAM TERHADAP KEADILAN DAN KEUNGGULAN PENTADBIRAN SISTEM PERCUKAIAN

Audit Cukai

Pentadbiran sistem percukaian yang adil, telus dan saksama dapat mempertingkatkan kepercayaan orang awam terhadap sistem percukaian tersebut. Pematuhan terhadap undang-undang percukaian dikuatkuasakan dengan tegas dan kesalahan percukaian seperti ketidakpatuhan dan pengelakan cukai akan diambil tindakan mengikut peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) dan akta-akta lain yang berkaitan.

Di bawah Sistem Taksir Sendiri, audit cukai adalah aktiviti utama LHDNM untuk meningkatkan pematuhan cukai secara sukarela di kalangan pembayar cukai. Audit cukai melibatkan pemeriksaan rekod perniagaan dan hal ehwal kewangan pembayar cukai bagi memastikan pendapatan yang sepatutnya dilaporkan dan cukai yang sepatutnya dikira serta dibayar adalah mengikut undang-undang dan peraturan percukaian. LHDNM menjalankan dua jenis audit cukai iaitu audit meja dan audit luar.

Program Pemantauan Pembayar Cukai Gagal Patuh atau *Monitoring Deliberate Tax Defaulters* (MDTD) diperkenalkan bagi memperkasa dan menambahkan keberkesanan aktiviti audit cukai yang sedia ada. Program ini diwujudkan bagi memantau pembayar cukai yang dikenalpasti gagal patuh dengan undang-undang serta peraturan cukai yang berkuatkuasa.

Aktiviti pengauditan cukai adalah ditumpukan kepada perkara berikut:

- Pengauditan ke atas kes berisiko tinggi, berisiko dalam pindahan harga dan pembayar cukai yang berpendapatan tinggi
- Memastikan kes audit diselesaikan secara teratur, berkualiti dan dalam tempoh yang ditetapkan
- Memberi tumpuan kepada penyelesaian kes yang menghasilkan kutipan cukai sebenar
- Memastikan keadilan dalam pengendalian kes dan meminimumkan rayuan

Bagi menjamin keadilan dan keunggulan pentadbiran sistem percukaian, semua kes audit yang dipilih akan diaudit secara teratur dengan berpanduan kepada Rangka Kerja, Manual Audit, Manual Prosedur Kerja, Arahan, Pekeliling serta Memo yang sedang berkuatkuasa.

Prestasi Audit Cukai Keseluruhan Bagi Audit Luar Dan Audit Meja

	2015		2014	
	Bilangan Kes Selesai	Cukai Dan Penalti (RM)	Bilangan Kes Selesai	Cukai Dan Penalti (RM)
Kes Syarikat	138,203	7,783,693,882.44	98,615	2,307,798,760.59
Kes Bukan Syarikat	1,576,709	2,059,835,351.99	1,771,317	2,169,621,401.92
Jumlah Terkumpul	1,714,912	9,843,529,234.43	1,869,932	4,477,420,162.51

Prestasi Audit Luar

	2015	2014
Kes Selesai	37,305	40,216
Cukai Dan Penalti (RM)	3,972,423,691.29	1,092,143,888.23

Prestasi Audit Meja

	2015	2014
Kes Selesai	1,677,607	1,829,716
Cukai Dan Penalti (RM)	5,871,105,543.14	3,385,276,274.28

Audit Potongan Cukai Bulanan (PCB)

Objektif utama Audit PCB dilaksanakan adalah untuk mempertingkatkan tahap pematuhan PCB Sebagai Cukai Muktimad dan potongan CP38 oleh majikan. Selain itu, ia juga bertujuan memeriksa tahap pematuhan majikan dalam melaksanakan potongan cukai daripada saraan pekerja dan diremitkan ke LHDNM mengikut peraturan yang ditetapkan dalam Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Daripada Saraan) 1994. Audit PCB dilakukan dengan membuat pemeriksaan rekod gaji pekerja di premis majikan bagi memastikan majikan membuat potongan cukai yang tepat dari saraan yang layak serta meremitkan cukai berkenaan kepada LHDNM dalam tempoh yang ditetapkan.

Prestasi Audit PCB

Tahun	Bilangan Majikan Diaudit	Majikan Tidak Patuh		Cukai Kurang Dipotong (RM)	Kampaun (RM)	Jumlah Cukai & Kampaun (RM)	Bilangan Kesalahan Didakwa Di Mahkamah
		Bilangan	%				
2015	78,576	21,696	28 %	134,188,977	24,228,292	158,417,268	1,594
2014	70,331	16,780	24 %	100,414,174	13,028,836	113,443,010	1,427

Audit Pindahan Harga

Persidangan Teknikal Tahunan ke-36 Pertubuhan Pentadbir Cukai Negara-Negara Komanwel (CATA) telah diadakan pada November 2015 di Melaka. Antara perkara yang dibincangkan ialah tentang usaha bagi

menangani isu pindahan harga dan Penghakisan Asas Cukai dan Pemindahan Keuntungan/BEPS. Ini berikutan kedua-dua isu ini merupakan isu bersama yang dihadapi oleh setiap pentadbir cukai seluruh dunia. Ia sering digunakan oleh syarikat multinasional untuk mengurangkan cukai yang dibayar malah mengelak daripada dikenakan cukai di sesebuah negara. Dalam persidangan tersebut LHDNM turut berkongsi tindakan-tindakan yang diambil oleh negara ini dalam mengatasi isu pindahan harga/BEPS.

Isu Pindahan Harga turut dibincangkan semasa 17th SGATAR *Working Level Meeting* (WLM) yang telah berlangsung pada 22 hingga 24 Jun 2015 di Ulaanbaatar, Mongolia. Objektif mesyuarat tersebut adalah untuk mencari penyelesaian yang praktikal kepada isu-isu pindahan harga.

Selain itu, satu sesi konsultasi dengan pembayar cukai (MNE's) berkaitan dengan *Country by Country Reporting* (CBC) telah diadakan pada 30 November 2015 di Ibu pejabat LHDNM, Cyberjaya. Maklumbalas daripada sesi konsultasi ini akan digunakan di dalam penyediaan *CBC Rules*. *CBC Reporting* adalah dijangkakan akan bermula pada tahun 2018.

Prestasi Audit Pindahan Harga

	2015	2014
Kes Selesai	250	168
Cukai Dan Penalti (RM Juta)	124.87	155.94

Siasatan

Aktiviti siasatan merupakan salah satu langkah penguatkuasaan yang dijalankan oleh LHDNM untuk mencegah pelarian cukai dan meningkatkan pematuhan cukai secara sukarela. Langkah penguatkuasaan ini juga bertujuan untuk memberi keadilan kepada pembayar cukai yang patuh.

Lawatan siasatan dilaksanakan ke atas premis perniagaan, kediaman dan/atau premis lain yang berkaitan tanpa pemakluman awal kepada pembayar cukai. Siasatan dijalankan mengikut tatacara yang digariskan dalam Rangka Kerja Siasatan Cukai bagi memastikan aktiviti siasatan dilaksanakan dengan adil, telus dan saksama.

Selain peruntukan-peruntukan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967, LHDNM juga menggunakan peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Petroleum 1967, Akta Penggalakan Pelaburan 1986, Akta Setem 1949, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram Dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan Dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA) dalam penyelesaian kes siasatan.

Prestasi Siasatan

	2015	2014
Kes Selesai	1063	689
Cukai Dan Penalti (RM Juta)	755.44	543.96

Tindakan mendakwa pembayar cukai di mahkamah atas kesalahan percukaian dipercayai akan memberi impak yang tinggi terhadap pematuhan secara sukarela. Dalam tahun 2015, Cawangan Siasatan telah mengambil tindakan pendakwaan sebanyak 182 kes atas pelbagai kesalahan jenayah di bawah subseksyen 112(1), 113(1) dan 114(1) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Resolusi Pertikaian

Resolusi Pertikaian adalah satu proses alternatif timbangtara atau rundingan dan penyelesaian yang berteraskan kepada tiga elemen penting iaitu meningkatkan kutipan hasil, meningkatkan kepercayaan orang awam dan menjimatkan masa dan kos.

Selain itu, ia juga adalah selaras dengan kehendak *stakeholder* bagi tujuan meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap keadilan sistem percukaian negara dan memastikan hak "right to be heard" terpelihara serta dilaksanakan di LHDNM.

Jabatan Resolusi Pertikaian (JRP) berperanan sebagai sebuah badan yang berkecuali dalam menyelesaikan masalah percukaian pembayar cukai. Dengan memperkenalkan dan melaksanakan Panel Semakan Rayuan (*Internal Hearing*) dan Prosiding Resolusi Pertikaian (*External Hearing*) ini, ianya memberikan peluang baru serta meningkatkan keyakinan pembayar cukai terhadap ketelusan sistem percukaian negara.

Jabatan Resolusi Pertikaian terbahagi kepada 2 bahagian iaitu:

- a. Bahagian Resolusi Cukai
- b. Bahagian Litigasi Cukai

Bahagian Resolusi Cukai berfungsi sebagai pihak yang memproses rayuan Borang Q, permohonan perlanjutan masa (Borang N), permohonan relief di bawah seksyen 131 Akta Cukai Pendapatan 1967 dan permohonan remisi cukai di bawah perenggan 129(1)(b) ACP 1967 yang dikemukakan oleh pembayar cukai. Dalam menjalankan fungsi ini, Bahagian Resolusi Cukai yang tidak terlibat dalam penggubalan undang-undang cukai mahupun dalam membangkitkan taksiran boleh dianggap sebagai entiti bebas dalam mempertimbangkan rayuan pembayar cukai berdasarkan undang-undang dan dasar percukaian sedia ada.

Manakala fungsi Bahagian Litigasi Cukai adalah mengendalikan kes-kes rayuan Borang Q di peringkat Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan (PKCP), Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan. Pada masa yang sama bahagian ini juga mengendalikan kes-kes semakan kehakiman di peringkat Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan hingga ke Mahkamah Persekutuan.

Prestasi Borang Q Bahagian Resolusi Cukai

Bantahan	Cukai Pendapatan				CKHT	
	Syarikat		Individu*			
	2015	2014	2015	2014	2015	2014
Dalam Proses (b/h)**	190	67	10	4	6	2
Difailkan Dalam Tahun Semasa	362	331	77	40	15	27
Jumlah	552	398	87	44	21	29
Selesai	450	208	68	34	20	23
Dalam Proses (h/h)***	102	190	19	10	1	6

* Termasuk badan amanah, pertubuhan dan perkongsian

** b/h bawa hadapan dari tahun sebelumnya

*** h/h hantar hadapan ke tahun berikutnya

Prestasi Rayuan Borang Q Bahagian Litigasi Cukai

Bantahan	Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan		Mahkamah Tinggi		Mahkamah Rayuan	
	2015	2014	2015	2014	2015	2014
Dalam Proses (b/h)	267	197	61	47	36	44
Difailkan Dalam Tahun Semasa	268	196	15	22	12	12
Jumlah	535	393	76	69	48	56
Selesai	175	126	12	8	13	20
Dalam Proses (h/h)	360	267	64	61	35	36

Bayaran Balik

Secara amnya, dasar LHDNM adalah untuk membayar balik lebihan kredit walaupun pembayar cukai tidak membuat permohonan. Mengikut piagam pelanggan, bayaran balik perlu dibuat dalam tempoh 30 hari bekerja dari tarikh BNCP diterima melalui kaedah e-Filing dan 90 hari bekerja melalui kaedah borang kertas (*Manual*). Keutamaan proses bayaran balik dalam negeri dibuat melalui mod *Electronic Fund Transfer* (EFT) dan luar negara melalui mod Pindahan Telegrafik (TT). Keberkesanan proses bayaran balik yang dibuat mengikut prosedur yang telah ditetapkan dapat meningkatkan keyakinan pembayar cukai terhadap keunggulan pentadbiran sistem percukaian LHDNM.

		2015	2014
Selain Syarikat*	Bilangan Kes	1,746,342	1,712,361
	Amaun (RM Juta)	1,853.07	2,466.26
Syarikat	Bilangan Kes	159,731	114,348
	Amaun (RM Juta)	3,686.01	5,701.46

* Selain syarikat termasuk bayaran balik Duti Setem

Pengukuhan Tadbir Urus Percukaian

Program Audit Pematuhan

Program audit pematuhan telah dilaksanakan secara berterusan untuk memastikan aktiviti percukaian dijalankan dengan cekap dan teratur mengikut Akta / Pekeliling / Arahan / Memo yang dikuatkuasa bagi meningkatkan kawalan dalaman mencukupi serta peraturan dan prosedur kerja mengikut Akta/ Pekeliling/ Arahan/ Memo yang berkuatkuasa dipatuhi bagi meningkatkan prestasi kerja.

Bagi memastikan keberkesanan Penyampaian Perkhidmatan LHDNM yang meliputi risiko operasi, 10 cawangan terpilih telah diaudit berdasarkan 3 aktiviti teras LHDNM seperti berikut:

i. Pembesaran Asas Cukai

- Memastikan maklumat yang diterima di peringkat cawangan diproses dan disimpan dalam Sistem Maklumat Unit Pengesanan (SMUP) dan kes-kes yang berpotensi diselesaikan di CMS Pengesanan
- Memastikan maklumat (pendapatan) pihak ketiga yang diterima diambil tindakan sewajarnya sama ada membangkitkan taksiran melalui agihan CMS kod 44 atau membuat pertanyaan lanjut kepada pembayar cukai
- Memastikan kes-kes yang mempunyai Kredit Dalam Lejer diambil tindakan

ii. Cukai Keuntungan Harta Tanah

- Memastikan tindakan kenaikan dan pemungutan ke atas kes debit semasa dan akhir tahun
- Memastikan tindakan bayaran balik dilakukan bagi kes yang layak

iii. Pengurusan Dokumen dan Pengendalian Rayuan

- Memastikan tindakan pengurusan dokumen di cawangan iaitu proses mengimbas, memuat naik, mengagih dan tindakan lanjut terhadap rayuan pembayar cukai diambil tindakan sewajarnya
- Memastikan tindakan membangkitkan taksiran kurangan / taksiran tambahan berhubung rayuan dilakukan mengikut arahan yang ditetapkan

Berdasarkan persampelan yang dibuat bagi setiap aktiviti secara keseluruhan, ketiga-tiga aktiviti ini diuruskan dengan prinsip *due diligence* dan pematuhan kepada arahan dan kawalan yang sedia ada.

Pemantauan terhadap ketidakpatuhan prosedur dan proses kerja serta kawalan integriti juga disyor untuk ditambahbaik bagi meningkatkan kecekapan pegawai LHDNM. Pematuhan yang tinggi terhadap prosedur dan proses kerja secara tidak langsung dapat meningkatkan kepercayaan orang awam terhadap keadilan dan keunggulan pentadbiran sistem percukaian LHDNM.

Maklum Balas LHDNM Terhadap Kajian Jabatan Audit Negara (JAN)

Jabatan Inspektorat dan Integriti bertanggungjawab menyelaras maklum balas terhadap teguran oleh Jabatan Audit Negara dan Ketua Audit Negara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Laporan Ketua Audit Negara Siri 3 tahun 2014 yang telah dibentangkan di Parlimen pada 23 November 2015 melibatkan topik berikut:

- i. Pengurusan Cukai Pegangan
- ii. Pengurusan Percukaian Pemastautin Yang Menjalankan Perniagaan Jenis Fail OG

Lanjutan daripada Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) yang telah dibentangkan, Jabatan Inspektorat Dan Integriti (JII) telah mengemukakan maklum balas kepada Ketua Audit Negara, Bahagian Strategik Korporat dan Komunikasi Kementerian Kewangan, Seksyen Penyelarasan Jabatan Audit Negara, Paparan Susulan Awam (AG's Dash Board) dan Jawatankuasa Audit Peringkat Kementerian Kewangan.

Juruaudit Dalam Perolehan Piawaian Kualiti (MS ISO 9001:2008)

Jabatan Inspektorat Dan Integriti telah dilantik untuk menjalankan tugas sebagai Ketua Juruaudit MS ISO 9001:2008 bagi skop yang ditetapkan iaitu:

- a. Skop sedia ada;
 - i. Proses bayaran balik individu penggajian bagi kes e-Filing / m-Filing
 - ii. Prosedur pelaksanaan audit luar kes syarikat (Fokus audit)

- b. Skop baharu;
 - i. Proses pelaksanaan penerimaan, penyediaan dan pemfailan Writ Saman Dan Pernyataan Tuntutan (WSPT) bagi fail OG untuk Kes Cukai Pendapatan
 - ii. Prosedur pelaksanaan pelepasan sementara dan pembatalan sekatan perjalanan individu selain pengarah syarikat

Kajian Khas Keberkesanan Strategi LHDNM Untuk Meningkatkan Kutipan Hasil

Bagi meningkatkan pengukuhan tadbir urus percukaian, kajian khas keberkesanan strategi turut dirancang dengan memberikan fokus utama kepada objektif yang telah dirancang untuk mencapai sasaran kutipan hasil serta meningkatkan pematuhan di kalangan pembayar cukai. Kajian ini turut mengenal pasti punca/ masalah yang perlu diatasi beserta cadangan-cadangan penambahbaikan.

a) Keberkesanan Fokus Audit

Objektif

Kajian dibuat untuk menilai keberkesanan pelaksanaan aktiviti Fokus Audit luar yang dijalankan bagi kes-kes syarikat dan selain syarikat berbanding Audit Menyeluruh dalam meningkatkan kutipan hasil. Aspek keberkesanan dikaji berdasarkan analisis pencapaian pegawai audit luar (PAL) melalui statistik-statistik dari Jabatan Teknologi Maklumat (JTM) dan maklum balas responden (PAL) kepada soalan-soalan dalam Borang Soal Selidik (BSS) di 11 cawangan LHDNM. Semakan sampel juga dibuat di 3 cawangan iaitu Kota Kinabalu, Miri dan Sg. Petani, yang mewakili cawangan besar, sederhana dan kecil

Cadangan Penambahbaikan

- √ Kaji Semula Cara Pengagihan Fail Daripada Ibu Pejabat
 - Perlu mengambil kira turnover / volume transaksi / kerumitan kes
 - Pemilihan kes oleh pihak Ibu Pejabat memerlukan kes yang berkualiti dan berpotensi
- √ Memperkasakan Kompetensi / Kemahiran PAL
 - Kemahiran PAL perlu dipertingkatkan melalui latihan secara berterusan dan menyeluruh
 - Program mentor mentee dimantapkan
 - Tindakan pemantauan perlu dipertingkatkan oleh pemilik proses supaya kualiti audit mencapai standard yang ditetapkan
- √ Penetapan Isu Yang Difokus Semasa Analisis Penyata Kewangan
 - TACS dapat terus menyenaraikan item-item penyata kewangan yang perlu diaudit
 - PAL tidak perlu melakukan analisa penyata kewangan
- √ Semak Semula Penetapan KPI
 - Tidak tersepit dan terlalu dibebankan dengan KPI yang terlalu tinggi

b) Keberkesanan Tindakan Siasatan

Objektif

- Menilai strategi kutipan hasil oleh Jabatan Siasatan (JS), Jabatan Tindakan Khas (JTK), Bahagian Perisikan (BP), Cawangan Siasatan (CSi) dan Unit Tindakan Khas (UTK)
- Menilai semula struktur JS setelah pelaksanaan siasatan jenayah sepenuhnya pada tahun 2013 di CSi.
- Mengenal pasti masalah dihadapi oleh JS, JTK, BP, CSi dan UTK untuk mencapai sasaran kutipan hasil yang telah ditetapkan

Cadangan Penambahbaikan

- ✓ Siasatan jenayah dilakukan pada kes khusus yang dikenal pasti dan boleh memberi impak kepada pembayar cukai lain (Model Piramid Pematuhan Cukai)
- ✓ Siasatan jenayah diteruskan secara regional dan bukan di semua cawangan siasatan seperti sekarang
- ✓ Aktifkan semula siasatan sivil
- ✓ Siasatan sivil sebagai punca maklumat siasatan jenayah

c) Kadar Pematuhan Yang Sangat Rendah Dari Sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Terutama Peniaga Tunggal

Objektif

- Menentukan tahap pematuhan pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP), penyimpanan rekod lengkap perniagaan dan melaporkan pendapatan/cukai yang tepat
- Menentukan tahap pematuhan pembayaran ansuran anggaran cukai (CP500) dan cukai yang sepatutnya dibayar
- Mengenalpasti punca serta masalah dan juga faktor yang menyebabkan kadar pematuhan adalah rendah dari sektor PKS

Cadangan Penambahbaikan

- ✓ Bagi meningkatkan pematuhan
 - Memperkemaskan tindakan penguatkuasaan
 - Borang Nyata B yang lebih mudah difahami dengan meringkaskan bahagian maklumat kewangan di Bahagian H
 - Mempergiatkan pendidikan cukai dan kesedaran di kalangan usahawan PKS
- ✓ Bagi meningkatkan pematuhan sukarela
 - Memperkemaskan tindakan penguatkuasaan
 - Mempermudahkan penyimpanan rekod perniagaan seperti pembayar cukai hanya perlu simpan rekod perniagaan seperti *listings* dan *registers* sahaja, tempoh simpanan rekod dipendekkan kepada 5 tahun, pemberian insentif ke atas pembelian perisian perakaunan seperti UBS, MYOB, SQL bagi menggalakkan penggunaan sistem supaya penyimpanan rekod perniagaan adalah sistematik dan teratur
- ✓ Bagi meningkatkan pematuhan ke atas bayaran ansuran anggaran cukai (CP500)
 - Skim bayaran dipanjangkan tempohnya dan menggunakan perkhidmatan secara arahan potongan melalui akaun bank.
 - Pembayar cukai diberi pilihan untuk membuat bayaran ansuran sendiri atau arahan melalui potongan bank setelah menerima jadual bayaran ansuran anggaran CP 500 dikeluarkan
 - Penguatkuasaan penalti subseksyen 107B(3) dilaksanakan sepenuhnya supaya tindakan diambil sewajarnya

d) Pemberian Insentif dan Pengecualian Di bawah Seksyen 127, ACP 1967.

Objektif

- Mengenalpasti "orang" yang diberikan insentif dan pengecualian di bawah Perenggan 127(3)(b) dan Subseksyen 127(3A), Akta Cukai Pendapatan 1967.
- Mengenal pasti kesan pemberian insentif dan pengecualian terhadap kutipan hasil
- M e n c a d a n g k a n t i n d a k a n penambahbaikan kepada pemilik proses untuk memastikan keberkesanan pemberian atau tuntutan insentif dan pengecualian di bawah Seksyen 127, Akta Cukai Pendapatan 1967

Cadangan Penambahbaikan

- √ Penstrukturan semula proses dan prosedur permohonan perlu dilakukan dengan lebih teliti bagi memastikan hanya 'orang' yang benar-benar layak sahaja diberi kelulusan selaras dengan tujuan asal pengenalan subseksyen tersebut. Ia sekaligus akan dapat mengelakkan 'orang' berkepentingan memanipulasi subseksyen 127(3A) sekiranya gagal mendapat kelulusan di bawah perenggan 127(3)(b)
- √ Jabatan Dasar Percukaian (JDP) dicadangkan mengkaji dan mengeluarkan format yang seragam kepada Bahagian Analisa Cukai, MOF
- √ Kod pengecualian khusus dalam BNCP C
- √ Menetapkan kod pengecualian BNCP B/BE

PENCAPAIAN KPI OBJEKTIF STRATEGIK #3



MEMPERLUASKAN ASAS CUKAI

Sebagai sebuah agensi yang dipertanggungjawabkan oleh kerajaan dalam mentadbir cukai langsung negara, penting bagi LHDNM memastikan tahap kesedaran cukai sentiasa dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Keberkesanan pematuhan cukai secara sukarela dapat mengurangkan tunggakan hasil dan menjamin hasil yang mapan untuk pembangunan negara. LHDNM turut berperanan membesarkan asas cukai negara bagi memastikan setiap pembayar cukai yang layak dikenakan cukai dimasukkan ke dalam jaringan cukai. Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan sepanjang tahun 2015 bagi mencapai objektif ini.

Kunjungan Mesra Hasil (KMH)

KMH merupakan aktiviti khas pengesanan yang dilaksanakan LHDNM sebagai salah satu inisiatif untuk meningkatkan kutipan hasil serta membesarkan asas cukai. Di samping itu, ia juga bagi menggalakkan pematuhan secara sukarela di kalangan pembayar cukai untuk membayar cukai yang sepatutnya.

Aktiviti pematuhan yang dilaksanakan semasa Kunjungan Mesra Hasil adalah meliputi aktiviti:

- i. Serahan notis tuntutan tunggakan cukai
- ii. Serahan notis terakhir BNCP
- iii. Banci Bisnes merangkumi khidmat nasihat pematuhan PCB Cukai Muktamad
- iv. Pembukaan Kaunter Khidmat Pelanggan bagi kawasan operasi yang jarak melebihi 25km dari pejabat LHDNM

Sebelum KMH dijalankan, proses mengenalpasti pembayar cukai yang akan dilawati perlu dilakukan terlebih dahulu bagi memastikan keberkesanan pelaksanaannya. Antara kriteria yang diambil kira adalah seperti berikut:

- Kadar pematuhan rendah dari segi penghantaran borang dan pembayaran cukai
- Kadar pematuhan yang tinggi bagi tujuan penghargaan
- Mengenalpasti perniagaan yang berpotensi untuk didaftarkan

Bagi memastikan impak yang berterusan daripada aktiviti pematuhan LHDNM dirasai oleh masyarakat umum dan pembayar cukai secara khusus, program KMH ini telah dilaksanakan di pelbagai peringkat pelaksanaan secara berjadual termasuk di peringkat kebangsaan, negeri dan cawangan LHDNM.

Penggunaan sistem pengurusan Maklumat Mudah Alih (MIM) semasa program dilaksanakan merupakan satu pendekatan baharu yang lebih strategik. MIM digunakan bagi memudahkan pegawai memeriksa maklumat pembayar cukai semasa operasi KMH.

Sistem MIM ini merupakan satu aplikasi yang membenarkan pegawai mengakses maklumat pembayar cukai secara atas talian dengan selamat semasa bertugas di luar pejabat dengan menggunakan peranti mudahalaih (*mobile device*). Mulai tahun 2015 sistem ini dilengkapi dengan aplikasi *Geographical Information System* (GIS) yang membolehkan lokasi pembayar cukai yang tepat diperolehi. Maklumat bancian boleh dimasukkan ke dalam gudang data secara *real time* menggunakan sistem ini.

Penggunaan aplikasi MIM membantu pegawai mendapatkan maklumat pembayar cukai pada bila-bila masa dan di mana-mana lokasi di samping membenarkan capaian kepada sistem dalaman LHDNM seperti VIS, ETP, CMS dan juga Sistem Semakan Maklumat Sumber Luaran (SSM, JPJ, SMUP dan lain-lain). Kemudahan mengakses maklumat pembayar cukai di lapangan memberi kelebihan kepada pegawai semasa berurusan dengan orang awam kerana dapat mengenalpasti profil mereka. Tindakan yang sewajarnya dapat diambil berdasarkan profil tersebut.

Banci Bisnes

Banci Bisnes merupakan salah satu aktiviti pematuhan yang dilaksanakan semasa KMH. Operasi Banci Bisnes diadakan dengan melawat premis-premis perniagaan termasuk lokasi kawasan perniagaan baharu melalui pendekatan mesra bagi meningkatkan kadar pematuhan dan membesarkan asas cukai. Dalam masa yang sama, penerangan yang jelas turut diberikan kepada pembayar cukai mengenai tanggungjawab membayar cukai pendapatan bagi memastikan kerajaan mempunyai dana yang mencukupi untuk membiayai semua inisiatif program pembangunan.

Prestasi Banci Bisnes

Tahun	Bilangan Premis Dilawati	Fail Baharu Didaftarkan	Borang E/BN Tidak Dipatuhi	PCB Tidak Dipatuhi	Kes Dirujuk Kepada Audit Luar
2014	22,775	2,962	11	30	217
2015	20,750	991	74	86	131

Pengumpulan Maklumat Melalui Sistem Maklumat Unit Pengesanan (SMUP) Dan Various Input Screen (VIS)

Pengumpulan maklumat melalui SMUP dan VIS dilaksanakan secara aktif dengan mengenalpasti sumber-sumber maklumat baru yang mempunyai nilai tambah kepada objektif sebenar aktiviti. Pada tahun 2014, e-SMUP iaitu proses penghantaran maklumat oleh agensi secara elektronik (*online*) sepenuhnya telah mula diperkenalkan bagi tujuan penambahbaikan dan mempercepatkan beberapa proses utama dalam SMUP termasuklah membesarkan asas cukai. Sebarang maklumat berisiko tinggi yang disalurkan oleh sistem e-SMUP semasa proses validasi data akan diambil tindakan segera. Sistem ini membolehkan maklumat SMUP, VIS dan STAMPS diproses bagi tujuan pendaftaran fail baru dan tindakan susulan audit. Sistem ini juga berfungsi untuk membolehkan agihan kes kepada pegawai pengesanan secara sistematik. Aktiviti pendaftaran fail baru adalah berasaskan maklumat SMUP, VIS, STAMPS dan FORIN. Maklumat FORIN ialah maklumat pegawai dagang yang diterima daripada Jabatan Imigresen Malaysia secara bulanan dan dimasukkan ke dalam Sistem Maklumat FORIN untuk diambil tindakan pendaftaran fail.

Zon Ekonomi

Mulai tahun 2015 aplikasi GIS mula digunapakai untuk tujuan Pemetaan Zon Ekonomi. Aplikasi ini membolehkan kedudukan pembayar cukai dapat dipaparkan di atas peta Malaysia. Maklumat asas pembayar cukai juga dapat dipaparkan di atas peta berkenaan seperti kedudukan baki cukai dan jenis aktiviti perniagaan.

Maklumat asas ini membolehkan LHDNM membuat perancangan strategik bagi aktiviti pematuhan seperti banci bisnes, audit, siasatan, pungutan dan lain-lain.

Bagi membolehkan aplikasi ini berfungsi sepenuhnya ianya memerlukan pemetaan kawasan cawangan dijalankan terlebih dahulu. Tumpuan pemetaan juga hendaklah diberikan kepada aktiviti yang berupa *Underground Economy*. Kawasan-kawasan pemetaan yang diberi keutamaan meliputi:

- i. Jenis / sektor industri perniagaan
- ii. Industri perniagaan tertentu yang mempunyai risiko tinggi berlakunya pengelakan cukai serta mempunyai tahap pematuhan yang rendah
- iii. Industri perniagaan yang berpotensi
- iv. Industri khas yang wujud / terkenal bagi satu-satu kawasan

Pemencaran Fail Pembayar Cukai Besar Dan Berprofil Tinggi

Pada masa sekarang fail cukai pendapatan bagi semua kategori Pembayar Cukai di seluruh cawangan LHDNM ditadbir oleh cawangan berdasarkan alamat kediaman bagi individu atau alamat surat menyurat bagi selain individu tanpa mengambilkira saiz pembayar cukai tersebut.

Prosedur sedia ada cawangan di Lembah Klang yang mengendalikan fail syarikat melibatkan jumlah perolehan RM5 juta dan ke bawah. Manakala bagi cawangan di luar Lembah Klang tidak mengambilkira jumlah perolehan.

Pada 18 November 2014, Mesyuarat Jawatankuasa Perjawatan II Bilangan 11/2014 telah meluluskan penubuhan Unit Pembayar Cukai Besar dan Berprofil Tinggi. Pelaksanaan ini melibatkan pembayar cukai di Jabatan Cukai Korporat, Jabatan Cukai Multinasional, Bahagian Petroleum dan Cawangan LHDNM. Bagi tujuan pemencaran fail Pembayar Cukai Besar dan Berprofil Tinggi (PBT) ini, penjenamaan semula dan perubahan *nomenclature* juga telah dibuat ke atas jabatan dan bahagian terlibat berkuatkuasa pada Januari 2015 seperti berikut:

- i. Jabatan Cukai Korporat diubah kepada Cawangan Pembayar Cukai Besar (CPCB)
- ii. Jabatan Cukai Multinasional diubah kepada Cawangan Cukai Multinasional (CCM)
- iii. Bahagian Petroleum diubah kepada Cawangan Petroleum (CP)

CPCB akan mengendalikan fail-fail PBT di Semenanjung Malaysia. Manakala bagi fail PBT di Sabah dan Sarawak akan dikendalikan oleh Cawangan Kota Kinabalu dan Cawangan Kuching di bawah penubuhan Unit Pembayar Cukai Besar (UPCB) di cawangan masing-masing.

Tujuan pemencaran dilaksanakan adalah bagi memastikan tumpuan khusus kepada syarikat dan individu berpendapatan tinggi yang merupakan penyumbang utama kepada kutipan hasil. CPCB akan memberi tumpuan kepada fail Pembayar Cukai Besar dan Berprofil Tinggi serta fail bagi Sektor Khas. Manakala Syarikat besar dan Individu Berprofil Tinggi (IBT) perlu dipantau secara tersusun dan berterusan supaya pemungutan cukai daripada syarikat-syarikat ini dapat dilaksanakan dengan lebih efektif dan berkesan.

Memperluaskan Asas Cukai Melalui Pendidikan Percukaian

Strategi memperluaskan asas cukai adalah penting demi memastikan kelangsungan kutipan hasil yang mampan. Oleh itu, LHDNM mengambil langkah meningkatkan kesedaran cukai melalui pemerkasaan aktiviti pendidikan cukai serta memantapkan penyampaian informasi secara lebih mudah melalui jaringan kerjasama dengan pihak majikan. Program pendidikan cukai LHDNM menyediakan pelbagai bentuk pendekatan dan medium yang sesuai serta efektif bagi memberi kefahaman undang-undang percukaian

yang mudah diterima oleh pembayar cukai individu, syarikat, ejen cukai, majikan dan bakal pembayar cukai. Ianya sentiasa ditambah baik dari masa ke masa bagi meningkatkan pematuhan cukai secara sukarela.

Seminar Percukaian

(a) Seminar Percukaian Kebangsaan

Seminar percukaian merupakan aktiviti tahunan yang dianjurkan bagi memberi informasi terkini berhubung perubahan undang-undang percukaian. Penyertaan adalah terbuka kepada pengamal percukaian, pemilik syarikat, badan profesional, majikan dan orang awam. Dalam tahun 2015, LHDNM telah mengadakan seminar percukaian kebangsaan di 24 lokasi terpilih di seluruh negara.



(b) Seminar Percukaian Secara Kolaborasi


LHDNM juga turut mengadakan seminar-seminar secara kolaborasi dengan badan-badan profesional dan persatuan-persatuan seperti Seminar Bajet Tahunan-CTIM / Seminar Bajet Tahunan-M.A.T.A / Seminar LHDNM-MEF / LHDNM-CTIM Tax Forum.

Dalam tahun 2015, LHDNM telah mengadakan Seminar Percukaian secara kolaborasi di 37 lokasi terpilih di seluruh negara.



Taklimat, Bengkel dan Ceramah Percukaian

Ke arah membantu pembayar cukai dan orang awam dalam mendapatkan maklumat percukaian dengan mudah, tepat dan cepat, LHDNM telah melaksanakan program pendidikan cukai secara berterusan melalui taklimat, bengkel dan ceramah percukaian. Program ini diadakan secara percuma di semua cawangan LHDNM dan premis pembayar cukai oleh pegawai-pegawai LHDNM yang berpengalaman. Antara tajuk yang disampaikan ialah Tanggungjawab Pembayar Cukai (Individu Pemastautin), Tanggungjawab Pembayar Cukai (Individu Bukan Pemastautin), Tanggungjawab Majikan, PCB Sebagai Cukai Muktamad, Persediaan Persaraan, Promosi Perkhidmatan ezHASiL (e-Filing, TAeF, ByrHASiL, e-PCB, e-Data PCB, STAMPS,dll), Audit, CKHT, Cukai Pegangan, Koperasi dan lain-lain taklimat berkaitan pendidikan dan kesedaran cukai.



Pegawai Perhubungan Hasil / Hasil Relation Officer (HRO)


Menyedari pentingnya penyampaian informasi serta pengemaskinian keperluan secara berterusan dengan pihak majikan, LHDNM mempelawa seorang pegawai bagi setiap majikan dengan menamakan/melantik seorang wakil yang dikenali sebagai HRO. Peranan HRO amat penting bagi meneruskan usahasama dan mengenalpasti isu-isu majikan mahu pun pekerja yang terkini untuk diselesaikan secara bersama.

Pelantikan HRO dalam kalangan majikan, kerajaan, swasta dan persatuan yang mempunyai bilangan pekerja yang ramai berfungsi sebagai orang perantara/ penghubung kepada pekerja-pekerja dalam menyalurkan maklumat, melaksanakan tugas sebagai pembayar cukai serta meningkatkan pemahaman cukai melalui program tertentu.



Khidmat Sokongan Peniaga (KSP)

Program KSP LHDNM menawarkan khidmat nasihat secara percuma kepada golongan peniaga kecil dan sederhana serta peniaga baharu yang tidak diwakili oleh ejen cukai. Khidmat nasihat secara "one-to-one" atau tidak melebihi 10 orang peserta bagi setiap sesi adalah digalakkan supaya program tersebut memberi impak yang baik dan berpanjangan. Modul yang disampaikan adalah meliputi pendidikan berkaitan kaedah penyimpanan rekod perniagaan, penyediaan akaun ringkas perniagaan, penggunaan kod perniagaan yang betul dan pengiraan serta pembayaran cukai. Pembayar cukai yang berniaga sendiri / menjadi rakan kongsi kepada perniagaan perkongsian boleh memperoleh khidmat KSP ini dengan hadir ke cawangan LHDNM yang berdekatan.




Program HASiL4U

Antara kandungan Program HASiL4U adalah termasuk:

(a) Kempen penghantaran BNCP Tahun Taksiran 2015

Kempen penghantaran BNCP Tahun Taksiran 2015 melalui perkhidmatan elektronik iaitu e-Filing atau m-Filing (aplikasi telefon pintar).

Kempen dan promosi berterusan bermula dari tempoh 1 Mac hingga 30 April bagi Borang BE dan 1 Jun hingga 30 Jun 2015 bagi Borang B dibuat di Cawangan LHDNM ataupun di premis agensi melalui permohonan yang diterima daripada Jabatan Khidmat Korporat / Pejabat Pengarah Negeri.



(b) Pameran dan Ekspo

Kaunter penerangan LHDNM dibuka bagi mempromosikan penggunaan perkhidmatan elektronik LHDNM semasa berlangsungnya beberapa ekspo perdagangan, pameran dan acara keramaian yang dianjurkan oleh kerajaan, badan berkanun serta syarikat swasta. Antara ekspo yang telah disertai sepanjang tahun 2015 ialah *Mobile CTC*, *HR Open Day*, *Persidangan SME ASEAN* dan *National Tax Conference*.

(c) Pusat Transformasi Bandar (UTC)

Program HASiL4U daripada LHDNM dirancang melalui penyertaan agensi di Pusat Transformasi Bandar (UTC). UTC dicetuskan melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS6) yang menjadi satu mercu tanda perkhidmatan kerajaan yang terbaik kepada rakyat khususnya penduduk bandar. Sehingga 31 Disember 2015, LHDNM Cawangan UTC telah dibuka di 7 buah negeri iaitu:

- i. LHDNM Cawangan UTC Melaka
- ii. LHDNM Cawangan UTC KL
- iii. LHDNM Cawangan UTC Perak
- iv. LHDNM Cawangan UTC Pahang
- v. LHDNM Cawangan UTC Kedah
- vi. LHDNM Cawangan UTC Sabah
- vii. LHDNM Cawangan UTC Johor



Skop perkhidmatan LHDNM Cawangan UTC hanya untuk semakan fungsi penaksiran / pungutan / perkhidmatan elektronik ezHASiL dan khidmat nasihat percukaian tanpa melibatkan semakan fail fizikal.

Kidzania Tax Office

Kidzania merupakan sebuah taman tema pendidikan dan hiburan yang memberikan peluang kepada kanak-kanak untuk memainkan peranan dalam dunia pekerjaan di lebih 60 industri dan perkhidmatan terpilih. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Kewangan merupakan agensi kerajaan yang pertama di Malaysia yang menjadi rakan kongsi rasmi di Kidzania Kuala Lumpur. LHDNM telah menempatkan cawangannya yang dikenali sebagai 'Kidzania Tax Office' (KTO) dan telah dibuka secara rasmi kepada pengunjung pada 14 September 2013.

Perkongsian pintar di antara Kidzania Kuala Lumpur dan LHDNM ini memberikan peluang kepada kanak-kanak berperanan sebagai Pegawai Penaksir LHDNM yang dikenali sebagai 'Junior Tax Officer' (JTO).

Melalui pendekatan ini, kanak-kanak yang juga merupakan generasi masa depan akan lebih memahami kepentingan cukai kepada pembangunan negara dan ke mana wang cukai dibelanjakan. Program ini dapat menerapkan kesedaran dalam kalangan generasi muda untuk menjadi warga yang lebih bertanggungjawab kepada negara.



Kunjungan Ke LHDNM

Program kunjungan ke ibu pejabat dan cawangan LHDNM oleh penuntut Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan agensi luar seluruh Malaysia merupakan aktiviti berterusan pendidikan cukai yang dikendalikan sepanjang tahun. Pengisian program pendidikan cukai semasa kunjungan ini adalah berbentuk ceramah pengenalan LHDNM serta kesedaran cukai, taklimat kerjaya di LHDNM dan kunjungan ke kaunter-kaunter perkhidmatan. Aktiviti tambahan mengikut kesesuaian seperti kuiz Hasil juga digabungkan khusus untuk bakal-bakal

pembayar cukai daripada IPT bagi memberi impak kepada informasi taklimat kesedaran cukai yang telah disampaikan.

Kempen Cinta Malaysia

Kempen Cinta Malaysia sesi 2015/2016 telah dilaksanakan bermula Mac 2015 sehingga Februari 2016. Kempen ini dapat menyemai semangat cintakan Malaysia serta memberi pendedahan tentang kepentingan percukaian kepada generasi muda yang terdiri dalam kalangan pelajar sekolah, universiti awam dan institusi pengajian tinggi di 19 lokasi seluruh Malaysia.

Datuk Aznil bin Haji Nawawi yang dilantik sebagai Ikon Kempen Cinta Malaysia telah menggunakan "influence" beliau untuk membantu mendekatkan LHDNM dengan artis tempatan serta menonjolkan imej LHDNM dari sudut yang positif. Hasilnya artis-artis tempatan sudah mula menghubungi LHDNM untuk membantu mereka dalam menjalankan tanggungjawab kepada negara.

Beliau merupakan seorang jurucakap yang sangat kreatif apabila berhadapan dengan pendengar yang terdiri daripada pelbagai kategori, peringkat umur dan latar belakang. Taklimat yang disampaikan di setiap lokasi adalah berbeza dan mengikut kesesuaian peserta yang hadir.



Penerbitan LHDNM

Pada tahun 2015, pihak LHDNM telah menerbitkan beberapa bahan pendidikan cukai. Antaranya ialah:

- 22 jenis Risalah Percukaian dalam versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Risalah percukaian ini diedarkan kepada pembayar cukai dan orang awam melalui kaunter perkhidmatan di seluruh cawangan LHDNM.
- Poster Percukaian dalam versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Poster ini diedarkan kepada cawangan LHDNM seluruh Malaysia untuk dipamerkan di kaunter perkhidmatan LHDNM bagi tujuan menyalurkan maklumat kepada pembayar cukai dan orang awam
- Buku panduan kepada peniaga berjudul "Saya Peniaga Bertanggungjawab"
- *Flyers* pendidikan cukai kepada pembayar cukai dan orang awam bersesuaian dengan masa dan keperluan perkhidmatan sepanjang tahun.
- Berita HASiL iaitu majalah rasmi LHDNM untuk edaran dalaman dan agensi luar. Ia dikeluarkan sebanyak tiga (3) kali setahun dan memuatkan aktiviti-aktiviti sepanjang tahun.

Bahan-bahan yang diterbitkan ini boleh dicapai dan dimuat turun daripada portal rasmi LHDNM secara percuma.

PENCAPAIAN KPI OBJEKTIF STRATEGIK #4



MEMODENKAN SISTEM DAN PROSEDUR KERJA SELARAS DENGAN KEPERLUAN SEMASA

Sistem Dan Prosedur Kerja Yang Cekap Dan Berkesan

LHDNM sentiasa menambahbaik piawaian perkhidmatan bagi memastikan keberkesanan dan kecekapan prestasi perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggan, selari dengan strategi LHDNM untuk membangunkan dan memantapkan sistem teknologi maklumat dan komunikasi, meningkatkan kecekapan dan keberkesanan kos, menambah baik prosedur kerja dan membudayakan pengurusan risiko dalam proses kerja.

Kadar pematuhan dapat dipertingkatkan dengan adanya kemudahan capaian kepada maklumat yang cepat, tepat dan boleh diperolehi pada bila-bila masa. Pemantapan aplikasi sistem percukaian dibuat supaya ia boleh dicapai dari pelbagai lokasi dan peranti elektronik mudah alih. Penggunaan alat analisis data dan penambahan automasi dibuat untuk menambah baik proses kerja sedia ada. Ini menyumbang kepada keberkesanan kos dalaman dengan pengagihan sumber yang strategik.

LHDNM komited untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti, menepati kehendak semasa dan telus. Sistem teknologi maklumat dimanfaatkan secara meluas dan inovatif sebagai pemangkin dalam penyampaian perkhidmatan. LHDNM menyasarkan peningkatan perkhidmatan atas talian menjelang 2020 selaras dengan penggunaan internet sebagai saluran penyampaian perkhidmatan utama. Penambahan rangkaian perkhidmatan layan diri yang menyeluruh dan automatik dapat menjimatkan masa berurusan pembayar cukai dengan LHDNM seterusnya mengurangkan kos pematuhan.

Keselamatan sistem maklumat dan fasiliti adalah kritikal dalam memastikan kerahsiaan maklumat pembayar cukai. Oleh itu, LHDNM sentiasa mengambil langkah keselamatan sewajarnya untuk melindungi sistem maklumat dan fasiliti daripada sebarang ancaman pencerobohan dan kebocoran maklumat.



LHDNM telah memperkenalkan perkhidmatan elektronik selari dengan pelaksanaan sistem penyampaian terkini yang disarankan oleh kerajaan (*e-Government*). Pelbagai inovasi dan penambahbaikan dalam perkhidmatan elektronik yang ditawarkan kepada pelanggan. Di LHDNM perkhidmatan ini dikenali sebagai ezHASiL di mana ia banyak membantu dalam menjana peningkatan kutipan hasil. Selain itu, ezHASiL secara online ini juga dapat memudahkan majikan dan pembayar cukai dalam berurusan dengan LHDNM di samping memberi impak positif kepada semua pihak dari segi penggunaan sumber, kos, masa, ruang kerja dan sebagainya. Di atas merupakan perkhidmatan yang terdapat dalam ezHASiL.

Prestasi ezHASiL

Perkhidmatan	Bilangan Transaksi	
	Tahun 2015	Tahun 2014
e-Bayaran	152,172	99,264
STAMPS	2,529,044	2,107,803
e-PCB	85,701	46,895
e-Data PCB	25,484	20,171
e-Kemaskini	61,834	14,831
e-SPC	1,377	1,013
e-LEJAR	73,151	150,762

e-Daftar

e-Daftar adalah aplikasi permohonan pendaftaran fail cukai pendapatan untuk pembayar cukai baru mendapatkan nombor rujukan cukai. Permohonan e-Daftar akan dibatalkan sekiranya tiada dokumen lengkap (muatnaik) diterima dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan dan pemohon dikehendaki membuat semula permohonan baru berserta dokumen yang lengkap.

Prestasi e-Daftar

	Individu	Syarikat	Majikan
Permohonan Berjaya Didaftar	97,628	48,436	28,539

e-Lejar

e-Lejar adalah kemudahan untuk pengguna e-Filing menyemak butiran peribadi, transaksi lejar dan kedudukan terkini baki cukai. Aplikasi ini boleh diakses melalui ikon e-Lejar dalam web utama LHDNM <http://www.hasil.gov.my> atau melalui URL <https://elejar.hasil.gov.my>



e-Filing

e-Filing dan m-Filing merupakan aplikasi PERCUMA yang disediakan oleh LHDNM untuk memudahkan pembayar cukai melengkapkan dan mengemukakan BNCP secara elektronik melalui internet. Perkhidmatan ini membolehkan individu, syarikat, majikan dan sebagainya untuk mengisi, menandatangani secara digital dan menghantar BNCP secara online melalui internet. Pengemukakan BNCP Tahun Taksiran 2015 melalui e-Filing bagi Borang E, BE, B, BT, P, M, MT dan TF telah bermula pada 1 Mac 2016.

Bagi Borang BE, pembayar cukai juga boleh mengemukakan borang tersebut menggunakan peranti mudah alih seperti telefon pintar dan tablet melalui aplikasi *Mobile Filing* (m-Filing). Aplikasi ini boleh dicapai terus melalui portal rasmi LHDNM www.hasil.gov.my.

Prestasi e-Filing

Jenis Borang	Tahun 2015 (TT2014)	Tahun 2014 (TT2013)
e-BE	2,390,146	2,272,101
e-B	532,083	503,227
e-C	281,151	202,337
e-M	21,733	20,134
e-P	83,311	76,116
e-E	166,934	82,249
e-R	100,382	171,526
Jumlah	3,575,740	3,327,690

Jenis BNCP yang dihantar melalui e-Filing:

Borang B (e-B)	Pendapatan Perniagaan
Borang BT (e-BT)	Individu Pemastautin (Pekerja berpengetahuan/berkepakaran)
Borang BE (e-BE)	Pendapatan Selain Perniagaan
Borang P (e-P)	Perkongsian
Borang M (e-M)	Individu Bukan Pemastautin
Borang MT (e-MT)	Individu Bukan Pemastautin (Pekerja Berpengetahuan)
Borang E (e-E)	Majikan
Borang C (e-C)	Syarikat
Borang R (e-R)	Penyata 108 Untuk Syarikat
e-Anggaran (e-CP204)	Anggaran Cukai Kena Dibayar Untuk Syarikat/Koperasi/Badan Amanah

ByrHASiL

LHDNM telah disenaraikan sebagai salah sebuah organisasi yang terlibat dalam Pelan Tindakan Program Peningkatan e-Bayaran anjuran MAMPU dan telah memperkenalkan perkhidmatan bayaran secara elektronik melalui ByrHASiL. Kaedah ini dilihat selari dengan perkembangan teknologi semasa serta dapat meningkatkan kutipan hasil negara dengan lebih efisien dengan mengurangkan kebergantungan terhadap penerimaan bayaran secara manual di kaunter bayaran LHDNM. Perkhidmatan ini boleh dicapai melalui Portal LHDNM. Perkhidmatan yang ditawarkan antaranya adalah bayaran secara debit akaun dalam talian di mana pembayar cukai perlu mempunyai akaun perbankan internet dengan bank ahli FPX, iaitu CIMB Bank, Hong Leong Bank Berhad, Bank Islam Malaysia Berhad, Maybank, Public Bank Berhad dan RHB Bank Berhad.

Selain itu, terdapat juga bayaran melalui kad kredit dalam talian. Pemegang kad kredit Visa, Mastercard dan American Express yang dikeluarkan dalam negara boleh menggunakan perkhidmatan ini.

Pemantapan Sistem Penyampaian Perkhidmatan LHDNM

LHDNM sentiasa menambah baik penyampaian perkhidmatan untuk memudahkan pembayar cukai yang patuh menjalankan tanggungjawab percukaian mereka. Perkhidmatan terbaik yang diberikan kepada pelanggan dapat membantu LHDNM dalam meningkatkan pematuhan secara sukarela. Sehubungan itu, kajian keutuhan telah dilaksanakan sepanjang tahun 2015.

Objektif utama kajian keutuhan adalah untuk melaksanakan kajian proses dan prosedur kerja bagi memantapkan lagi penyampaian perkhidmatan LHDNM dengan memastikan proses dan prosedur kerja tersebut sentiasa relevan dengan keperluan semasa. Kajian Prestasi Kutipan Cukai adalah salah satu antara aktiviti dalam kajian keutuhan yang telah dijalankan dalam tahun 2015. Cadangan penambahbaikan turut disertakan sebagai maklumbalas yang diharap mampu melonjakkan mutu penyampaian perkhidmatan LHDNM pada masa akan datang.

Kajian Prestasi Kutipan Cukai

Objektif Kajian:

- Menyemak dan menilai pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) oleh syarikat besar serta insentif / pelepasan yang dituntut
- Menyemak dan menilai pematuhan ansuran cukai (CP 204 / CP 204A) dan cukai sebenar yang dibayar oleh pembayar cukai terutama syarikat besar
- Mengenalpasti punca serta masalah yang dihadapi dan faktor yang mempengaruhi kutipan terutama daripada syarikat besar serta cadangan penambahbaikan.

Cadangan Penambahbaikan:

- Arahan berkaitan Anggaran Cukai CP 204 perlu dikaji semula supaya lebih ringkas bagi mempermudah pegawai mengendalikannya serta pembayar cukai mematuhi
- Pemantauan yang lebih berkesan di mana setiap bahagian / unit di Jabatan Cukai Korporat (JCK) perlu membuat pemantauan ke atas syarikat yang mempunyai trend kutipan menurun supaya tindakan awal dapat dibuat dengan diambil kira sebagai kriteria untuk di audit
- Di peringkat jabatan pula, Jabatan Pungutan Hasil boleh memantau perbezaan pindaan anggaran cukai CP 204A berbanding anggaran cukai CP 204 yang menurun dan memberikan *red-flag* ke atas amaun perbezaan pindaan (sebagai contoh perbezaan menurun minimum 50% dari anggaran asal) sebagai salah satu indikator bagi tindakan audit
- Bagi memastikan tiada tunggakan dan bayaran balik yang tinggi, kecukupan dan kecekapan pegawai di Pusat Khidmat Pelanggan (PKP) untuk mengendalikan kes CP 204 dari semua cawangan perlu diberi perhatian memandangkan pemantauan bayaran anggaran CP 204 dipertanggungjawabkan kepada PKP
- Kajian dijalankan untuk mengurangkan kepelbagaian kod bayaran agar masa pengendalian penaksir untuk membuat pembetulan pengiraan kenaikan secara manual dapat dikurangkan. Ia juga dapat memudahkan dan meminimumkan kekeliruan pembayar cukai
- Pengenaan kenaikan berkaitan bayaran yang pelbagai boleh dikaji semula bagi memudahkan pembayar cukai dan pegawai melaksanakannya

- Penambahan penempatan di Unit Undang-Undang JCK boleh dipertimbangkan bagi mengambil tindakan segera ke atas kes-kes tunggakan. Bagi jangka masa pendek, pegawai sambilan boleh diambil untuk melicinkan proses penghapusan tunggakan kerja
- LHDNM perlu mempergiatkan dan mempelbagaikan lagi program kesedaran dan pendidikan cukai khususnya kepada syarikat korporat. Program secara berterusan adalah penting agar masyarakat sedar akan kepentingan sumbangan cukai pendapatan

Laporan kajian telah dibentangkan dalam satu sesi taklimat khas kepada Pengurusan Atasan, pemilik proses, Pengarah Negeri dan Pengarah Cawangan / Cawangan Siasatan (Lembah Klang) pada 26 Oktober 2015.

Inisiatif LHDNM

Setiap inisiatif yang dirangka menterjemahkan komitmen LHDNM untuk menyediakan persekitaran kerja yang lebih kondusif berlandaskan konsep *Feel Good At Work*. Selari dengan status LHDNM sebagai Badan Berkanun Yang Diasingkan Saraan Sepenuhnya (Self-Financing Agency), keberkesanan dalam setiap perancangan inisiatif adalah diutamakan bagi memastikan ianya selari dengan keperluan semasa. Antara inisiatif yang dirangka LHDNM dalam tahun 2015 adalah seperti berikut:

Rebranding

Inisiatif	Implikasi kepada organisasi
• Memperkasakan Pengurusan Pentadbiran antaranya mewujudkan Anugerah Unit Pentadbiran Cemerlang • Meningkatkan <i>sense of belonging</i> kepada organisasi: <i>POS (People Outreach and Support)</i> - Engage with people not employees (people first) • Corporate Image - Memperkasakan Identiti Hasil (Core Values)	• Mewujudkan budaya kerja cemerlang melalui persaingan yang sihat • Mempertingkatkan kecekapan tadbir urus • Community Cohesiveness • Lawatan ke PPN / HR4U • Skuad Prihatin • Esprit de Hasil • Penghayatan Core Value dan membentuk budaya kerja dan identiti Hasilian

Inisiatif

Recruitment

- Pemantapan pengambilan melalui *e-recruitment / e-job apply*
- *Green harvesting*
- *Head Hunter*

Job Creation

- *Job Description/ Job Specification – Person Match*
- *Workforce Planning*

Pemantapan *Individual Development Plan* (IDP)

- Sistem Pengurusan Insan
- Sistem *Talent Management*
- TNA

Performance Management

- Pemantapan *Online Prestasi*
- Pemantapan *Performance Improvement Program* (PIP)

Pemantapan Laluan Kerjaya Pegawai

Pemantapan Pelan Penggantian - Program CEO Incubator

Implikasi kepada organisasi

- Mendapat *talent* yang berpotensi
- Memendekkan tempoh latihan
- Mengurangkan kos latihan

3R (*The Right Person in the Right Place at the Right Time*)

- Perancangan latihan lebih teratur
- Pengurusan bajet latihan lebih sistematik
- Pegawai dapat merancang keperluan latihan masing-masing

- Memperkasakan penilaian prestasi yang lebih berkala (3 kali setahun)
- Meningkatkan prestasi pegawai

- Menyediakan laluan kerjaya yang menarik kepada pegawai LHDNM
- Kenaikan pangkat pegawai dilaksanakan mengikut kompetensi dan laluan kerjaya
- Mewujudkan pegawai yang *multi-skilling* dan pakar
- Pegawai dipilih menepati kehendak LHDNM
- Menyediakan pakar mengikut tugas/ keperluan perkhidmatan
- Meningkatkan pakar sebagai perunding (*internal consultant*)
- Memastikan pengekalan kepakaran di LHDNM

- Pemimpin dipilih menepati kehendak LHDNM
- Potensi dan kesesuaian pegawai dikenal pasti melalui pelan laluan kerjaya yang komprehensif dan memenuhi ekspektasi jawatan serta matlamat organisasi

Pemantapan Skim Perkhidmatan LHDNM

Pelaksanaan *Lean Organisation*

- *Employee Engagement*
- *HR4U*
- *Networking*
- *RSOG*
- *Maybank*
- *KWSP*

- Program Pembangunan Talent meningkatkan kompetensi pegawai jawatan kritikal LHDNM
- Pegawai dipilih menepati kehendak LHDNM
- Menyediakan skim perkhidmatan yang menarik dan menyumbang kepada peningkatan KPI LHDNM
- Kedudukan tenaga kerja yang optimum
- Meningkatkan tahap kecekapan pengurusan sumber manusia
- Mengurangkan pembaziran sumber manusia
- Memendekkan proses kerja dan meningkatkan kecekapan
- Memberikan maklumat yang tepat dan menyampaikan matlamat organisasi kepada pegawai LHDNM
- Meningkatkan kerjasama antara agensi / swasta bagi tujuan penambahbaikan.

Work Life Balance

Inisiatif

- Perluasan Pelaksanaan Sistem Kerja Jarak Jauh *Work From Home*
- SOHO (*Flexi Office*) – Boleh bekerja di mana-mana pejabat berdekatan

Implikasi kepada organisasi

- Menjimatkan kos
- Pegawai gembira seterusnya dapat meningkatkan produktiviti pegawai
- Menjimatkan ruang pejabat dengan meningkatkan ruang gunasama

PENCAPAIAN KPI OBJEKTIF STRATEGIK #5



MELAHIRKAN MODAL INSAN YANG KOMPETEN, PROFESIONAL, BERINTEGRITI DAN BERDEDIKASI

Akademi Percukaian Malaysia Sebagai Sebuah Pusat Latihan Berprestij

Akademi Percukaian Malaysia (APM) merupakan institusi latihan yang diamanahkan untuk melatih pegawai LHDNM bagi membolehkan pegawai menjalankan tugas dengan profesional dan kompeten. APM bertanggungjawab melaksanakan program latihan yang berkualiti dan bersesuaian dengan kehendak semasa agar budaya pembelajaran berterusan dapat ditanam di kalangan pegawai LHDNM. Di samping itu, APM juga bertanggungjawab melatih pegawai supaya lebih berpengetahuan, berprestasi tinggi, multi-skilled, berintegriti, kreatif dan inovatif.

Dasar kualiti APM telah menggariskan usaha untuk meningkatkan kemahiran sumber manusia LHDNM ke arah kecemerlangan berteraskan integriti melalui latihan berkesan. Program latihan sentiasa dipertingkatkan dari semasa ke semasa bagi memenuhi kehendak pelanggan selaras dengan keperluan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008.

Dalam tahun 2015, APM telah berjaya menjalankan sebanyak 240 (97.00%) kursus berbanding 248 kursus yang telah dirancang. Jumlah ini adalah tidak termasuk kursus yang telah dijalankan secara ad-hoc dan kursus-kursus yang dianjurkan oleh pihak luar. Pencapaian ini telah melebihi sasaran objektif kualiti yang menetapkan supaya dijalankan sekurang-kurang 85% kursus yang dijadualkan dalam Buku Program Latihan Tahunan.

Prestasi Pelaksanaan Program Latihan

Tahun	Bil. Pegawai Dilatih	Bil. Latihan Dirancang	Bil. Latihan Dilaksanakan	Peratus Pencapaian (%)	Sasaran Objektif Kualiti (%)
2014	10,043	277	243	87.70	85
2015	9,280	248	240	97.00	85

e-Pembelajaran LHDNM

Akademi Percukaian Malaysia telah membangunkan aplikasi e-Pembelajaran yang baru yang dikenali sebagai Sistem e-Pembelajaran LHDNM bagi menggantikan sistem e-Pembelajaran sedia ada iaitu *Multimedia Learning System* (MMLS). MMLS telah digunakan sebagai medium pembelajaran atas talian sejak tahun 2003 lagi. Sistem e-Pembelajaran LHDNM telah dibangunkan secara bersama dengan pihak pembekal (KHR Alliance Sdn Bhd),

Jabatan Teknologi Maklumat dan Akademi Percukaian Malaysia. Ianya telah mula digunakan pada 5 Februari 2013 dan modul yang digunakan ialah assessment oleh Pusat latihan ICT untuk peserta kursus KAP 41 Bil 2/2013. Pada tahun 2015, penggunaan aplikasi e-Pembelajaran semakin meluas digunakan. Di antara kursus yang menggunakan aplikasi ini ialah Kursus Asas Perkhidmatan yang melibatkan Jabatan Kewangan, Jabatan Pungutan Hasil, Jabatan Undang-Undang dan Pusat-Pusat Latihan di APM.

Kursus Menerusi Aplikasi e-Pembelajaran LHDNM

Pusat Latihan	Kursus e-Pembelajaran
Jabatan Kewangan /Jabatan Pungutan Hasil	47
Jabatan Undang-Undang	29
Pusat Latihan Akaun Dan Audit	1
Pusat Latihan Dan Pembangunan ICT	2
Pusat Latihan Pengurusan	1
Pusat Latihan Undang-undang	1

Program Pengajian Usahasama

APM kekal mengadakan pelbagai usahasama bestari dengan organisasi luar di sepanjang tahun 2015. Objektif utama usahasama ini adalah untuk meningkatkan lagi tahap ilmu pengetahuan dan profesionalisme pegawai-pegawai LHDNM. Organisasi yang mempunyai ramai pegawai berpendidikan tinggi akan melonjak produktiviti dalaman dan seterusnya menaikkan imej organisasi berkenaan.

Ilmu pengetahuan merupakan daya penggerak utama ke arah menjadi LHDNM pentadbir cukai bertaraf dunia. Warga LHDNM yang berilmu pengetahuan tinggi berupaya berfikir secara global namun mengambil pendekatan secara lokal dalam melaksanakan tugas yang telah diamanahkan kepada mereka.

Pusat Latihan Antarabangsa, Penyelidikan Dan Inovasi (PLAPI) merupakan salah satu pusat latihan di APM. Selaras dengan dasar kualiti APM untuk meningkatkan kemahiran sumber manusia melalui latihan berkesan, PLAPI komited membangunkan modal insan secara berterusan menerusi program pembelajaran cukai dan kursus-kursus antarabangsa yang berkualiti dan dinamik. PLAPI bertanggungjawab untuk mengendalikan pengajian program usahasama dengan organisasi luar, pengajian Program Kerjasama Teknikal Malaysia dan juga pengajian pembelajaran cukai.

Berikut merupakan **kursus dan program usahasama di antara PLAPI dan organisasi antarabangsa** seperti Commonwealth Association of Tax Administrations (CATA), the Organisation for Economic Cooperation and Development (OECD), the International Bureau of Fiscal Documentation (IBFD) dan Japan International Cooperation Agency (JICA).

Bil.	Kursus
1.	LHDNM-OECD : Compliance By Design - Instruments To Strengthen Tax Compliance
2.	LHDNM-OECD : Tax Treaty Seminar On Taking Forward The Beps Tax Treaty Related Issues
3.	LHDNM – IBFD: Anti-Money Laundering And Tax Evasion
4.	LHDNM-OECD : International Tax Avoidance And Countering Beps
5.	LHDNM - CATA: Workshop On Taxation Of International Transactions (TOIT)
6.	LHDNM-MTCP-JICA TCTP For CLM : Tax Administration-Enforcement Activities
7.	LHDNM-OECD : Transfer Pricing Dispute Resolution And Avoidance (MAPs and APAs)
8.	LHDNM-OECD: Taking Advantage Of The Mac And Automatic EOI
9.	LHDNM-MTCP : Introduction To The Application And Negotiation Of Tax Treaties
10.	Beps Seminar 14 – 18 Dis 2015
11.	LHDNM – IBFD: Taxation Of Financial Markets
12.	LHDNM-OECD : Taxation Of High Net-Worth Individuals

Bil.	Program
1.	LHDNM-CTIM : National Tax Conference
2.	LHDNM – KPM: Kem Cerdik Cukai 2015
3.	Leiden Malaysia Executive Program In International Law (Anjuran bersama LHDNM dan International Tax Centre, Leiden University Netherlands)

Program Kerjasama Teknikal Malaysia (PKTM) yang dianjurkan oleh PLAPI adalah bertujuan untuk menyediakan forum kepada wakil negara-negara yang terlibat dan pegawai-pegawai LHDNM untuk bertemu dan berkongsi pengalaman, pandangan dan membahaskan isu-isu percukaian. Kursus PKTM yang telah dijalankan dalam tahun 2015 ialah IRBM-MTCP: General Tax Administration Course.

Bil.	Kursus ADHOC
1.	Training on E-Governance and Change Management for Sri Lanka Inland Revenue Officers kerjasama antara APM & JPCA
2.	Bengkel Pemantapan Tugas Dan Tanggungjawab Serta Kerja Berpasukan
3.	Training on E-Governance and Change Management for Sri Lanka Inland Revenue Officers kerjasama antara APM & JPCA
4.	Leiden Malaysia Executive Program In International Tax Law (Anjuran bersama LHDNM & International Tax Centre, Leiden University Netherlands)

LHDNM dan Universiti Utara Malaysia (UUM) telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi mengukuh, menggalak dan membangunkan kerjasama antara dua pihak. MoU berkenaan telah ditandatangani oleh Tan Sri Dr. Mohd Shukor Hj. Mahfar, Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM dan Profesor Dato' Wira Dr. Mohamed Mustafa Ishak, Naib Canselor UUM di Ibu Pejabat LHDNM di Cyberjaya pada 5 Februari 2015.

MoU ini akan berkuatkuasa untuk tempoh lima tahun dan ia sebagai landasan kepada LHDNM dan UUM membangunkan kerjasama dalam akademik terutamanya dalam bidang pengurusan percukaian. Ia juga sebagai ruang untuk kedua-dua pihak menerokai peluang kerjasama yang lebih luas dan memberikan manfaat bersama.

Kerjasama yang akan diberikan perhatian untuk dilaksanakan segera adalah membangunkan program usahasama berkaitan perakaunan dan percukaian untuk memenuhi keperluan industri serta berkongsi kemudahan dan tenaga pakar untuk kepentingan penyelidikan serta pendidikan. LHDNM juga akan mengenalpasti ruang kerjasama untuk menempatkan pegawainya di UUM sebagai medan latihan dalam bekerja serta pertukaran kepakaran.

Selain itu, inisiatif usahasama latihan turut dibuat oleh APM dalam tahun 2015 seperti berikut:

- i. Perbincangan di antara LHDNM / APM – Jabatan Kastam DiRaja Malaysia dan UUM
- ii. Perbincangan susulan antara LHDNM / APM – UiTM Melaka
- iii. Kunjungan Muhibah oleh pegawai UKM ke APM Bangi
- iv. Perbincangan dengan persatuan akauntan percukaian Malaysia (MATA)

Pemantapan Budaya Kerja Melalui Pemantauan Kawalan Dalaman

LHDNM melalui Jabatan Inspektorat Dan Integriti sentiasa membuat pemantauan bagi memastikan kawalan dalaman wujud dan mencukupi serta dapat memelihara proses kerja yang berintegriti ke arah pengukuhan tadbir urus percukaian LHDNM. Antara program-program yang dilaksanakan bagi tujuan tersebut sepanjang tahun 2015 adalah seperti Pemantauan Pelaksanaan Pelan Integriti LHDNM (PIL) 2014-2018 (PIL 2.0), Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) dan Ikrar Integriti Korporat.


Pemantauan Pelaksanaan Pelan Integriti Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (PIL) 2014 – 2018 (PIL 2.0)

Pelan Integriti Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (PIL) 2014 – 2018 dikenali sebagai PIL 2.0 mengaplikasikan pelan tindakan yang mengandungi 6 strategi dan **61 program** / aktiviti melalui **91 Agensi Pelaksana** yang dikategorikan sebagai Agensi Pelaksana Umum atau Agensi Pelaksana Khusus.


Pelaksanaan PIL bagi tahun 2014 adalah berdasarkan pemerhatian kepada skop Analisis Tahap Pelaksanaan Program / Aktiviti di bawah Strategi 1 hingga Strategi 6 dan Analisis Prestasi Pencapaian Agensi Pelaksana. Skema pemarkahan bagi pelaporan dipecahkan mengikut segmen berasaskan 6 tahap pelaksanaan dan berasaskan 4 kriteria pencapaian. Agensi Pelaksana telah mengadaptasikan Sistem Penilaian Sendiri (SPS) bagi menilai perkembangan sesuatu program / aktiviti yang dijalankan.

Keputusan analisis menunjukkan sebanyak 60 program / aktiviti daripada 61 program / aktiviti PIL telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2014 iaitu pencapaian 98.36%. Manakala Agensi Pelaksana yang mencapai tahap Cemerlang adalah berjumlah 65 buah agensi.

Prestasi Pelaksanaan Program / Aktiviti PIL



Prestasi Pencapaian Agensi Pelaksana PIL



Nota: Agensi Pelaksana terdiri dari Jabatan (termasuk APM Bangi dan APM Kuching), Bahagian, PPN, Cawangan dan Cawangan Siasatan.

Program Peningkatan Profesionalisme Pegawai

Profesionalisme di kalangan pegawai LHDNM sentiasa diberi perhatian bagi menjaga reputasi LHDNM sebagai pentadbir cukai terunggul. Program Peningkatan Profesionalisme Pegawai dilaksanakan sepanjang tahun 2015 bertujuan antaranya bagi melahirkan pegawai yang bersahsiah tinggi, bertanggungjawab kepada diri sendiri dan organisasi serta dapat memupuk budaya kerja berkumpulan yang lebih positif dan proaktif. Di samping itu, ia juga berperanan menambahbaik keberkesanan organisasi dalam proses pelaksanaan dan penyampaian sesuatu tanggungjawab. Sebanyak 6 Program Peningkatan Profesionalisme Pegawai telah dilaksanakan dalam tahun 2015:

- i. Kursus Kecerdasan Emosi Di Tempat Kerja dan Mesra Ukhuwah (Ketemu)
- ii. Kursus PSMB-Train The Trainer
- iii. Kursus Pengurusan dan Pelupusan Fail dan Rekod
- iv. Taklimat Ekosistem Kondusif Sektor Awam (Eksa) Kepada Penyelaras Eksa LHDNM
- v. Kursus Motivasi Dan Pembangunan Diri Bagi Kumpulan Sokongan APM
- vi. Kursus Penyeliaan Menangani Individu-Individu Sukar

Program Kesedaran Integriti

Program kesedaran integriti dilaksanakan secara berterusan sepanjang tahun 2015. Tujuan utama program ini adalah untuk mendidik hasilian supaya sentiasa mengamalkan nilai-nilai murni dalam melaksanakan tugas harian selain dari menghindari sebarang salah laku yang boleh mendatangkan kesan negatif terhadap organisasi.

a) Mesej Integriti

Mesej integriti berbentuk poster yang diterbitkan oleh Jabatan Pengurusan Insan telah dimuatnaik di Portal Hasil LHDNM untuk disampaikan kepada hasilian. Antara mesej tersebut ialah:

- Bebas Hutang Hati Tenang
- Cintailah Malaysia
- Patuhi Waktu Bekerja Flexi
- Jom Isytihar Harta
- Kesalahan Penggunaan ICT & Media Sosial
- Elakkan Daripada Memberi Dan Menerima Rasuah
- Dilarang Mengetik Kad Perakam Waktu Pegawai Lain
- Patuhi Waktu Bekerja Anda
- Jangan Menggunakan Pengaruh Luar

b) Taklimat/Ceramah Integriti

Beberapa sesi taklimat dan ceramah berkaitan integriti turut disampaikan kepada pegawai dan staf LHDNM yang terdiri daripada pelbagai latarbelakang dan jawatan sepanjang tahun 2015.


c) Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN)

Pelaksanaan Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap amalan nilai dan menambah baik pelaksanaan program nilai-nilai murni di LHDNM. Ianya selaras dengan Arahan Y.A.B. Perdana Menteri No. 1 Tahun 1998, Siri 7 No. 1 Tahun 2007: Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan: Pelaksanaan Sistem Pengurusan Audit Nilai Dalam Perkhidmatan Awam.

Terdapat lima (5) instrumen digunakan untuk menentukan tahap amalan nilai iaitu Rekod Amalan Nilai yang terkandung maklumat pengisytiharan harta, tindakan tatatertib / surcaj, biro pengaduan awam dan laporan penilaian prestasi tahunan. Manakala indeks nilai ideal, indeks nilai peribadi dan indeks nilai organisasi menggunakan kaedah soal selidik secara atas talian menggunakan sistem daripada Jabatan Perkhidmatan

Awam yang melibatkan seramai 432 pegawai LHDNM di 12 Pejabat Pengarah Negeri (PPN). Bagi maklum balas pelanggan ianya diedarkan oleh PPN di Cawangan / Cawangan Siasatan di bawah seliaan masing-masing.

Penemuan Auditan SPAN 2014 menunjukkan tahap pengamalan nilai di LHDNM adalah 88.09 berada pada tahap BAIK iaitu “BOLEH DITERIMA DENGAN MENERUSKAN USAHA PENINGKATAN”.



Petunjuk :

≥ 90	Cemerlang
80-89	Baik
60-79	Sederhana
≤ 59	Lemah

Ikrar Integriti Korporat

Sebagai agensi yang menjaga kepentingan awam, adalah amat penting untuk memberi pemahaman kepada masyarakat bahawa LHDNM sentiasa memberikan perkhidmatan yang telus dan adil kepada semua golongan.

Sehubungan itu, penetapan Polisi Tiada Hadiah & Hospitaliti telah dikuatkuasakan serta merta melalui Kenyataan Media LHDNM bertarikh 10 Julai 2015. Pelaksanaan polisi ini adalah merupakan salah satu tanggungjawab LHDNM dalam menepati prinsip Ikrar Integriti Korporat (IIK) LHDNM yang telah ditandatangani oleh CEO LHDNM pada 13 November 2013. Penetapan polisi ini diharap dapat menyokong hasrat LHDNM untuk menyatakan kepada masyarakat bahawa apa-apa bentuk hadiah dan faedah atau hospitaliti tidak akan mempengaruhi sebarang tindakan oleh pihak LHDNM. Ia adalah selaras dengan Dasar Kualiti LHDNM yang menyatakan 'Berteraskan Integriti, Kami Komited Memberikan Perkhidmatan Yang Terbaik Untuk Pelanggan'.

Selain itu polisi Pemberian Maklumat LHDNM (*Whistleblowing Policy*) juga telah dilancarkan pada 22 April 2015 semasa berlangsungnya Creative Showcase bulan April 2015. Polisi ini bertujuan membolehkan pegawai LHDNM dan individu luar LHDNM membuat pendedahan mengenai Kelakuan Tidak Wajar pegawai LHDNM daripada peringkat awal lagi tanpa gentar terhadap sebarang tindakan yang memudaratkan agar Kelakuan Tidak Wajar dapat dikenalpasti dan diambil tindakan secepat mungkin.

Polisi ini juga akan memastikan pegawai LHDNM dan individu luar LHDNM membuat pendedahan tentang sebarang Kelakuan Tidak Wajar secara telus dan bertanggungjawab



Bagi menjunjung tahap INTEGRITI tertinggi, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dengan ini melaksanakan Polisi Tiada Hadiah & Hospitaliti berkuatkuasa serta merta.

Di bawah polisi ini, Hasilian adalah DILARANG

- MENERIMA hadiah sekiranya berkaitan dengan tugas rasminya sama ada secara langsung atau tidak langsung.
- MEMBERI hadiah sekiranya berkaitan dengan tugas rasminya sama ada secara langsung atau tidak langsung.

**KAMI MEMBERIKAN
PERKHIDMATAN
DENGAN SENYUMAN
TANPA MENGHARAPKAN
SEBARANG BALASAN**

Penilaian Tatad (*Tax Administration Diagnostic Assessment Tools*)

Bagi mempromosikan persekitaran kawalan dalaman yang kukuh demi mengutamakan budaya kerja profesional dan berintegriti bagi kakitangannya, LHDNM telah melaksanakan penilaian TADAT (*Tax Administration Diagnostic Assessment Tools*) dalam tahun 2015 atas akauntabiliti dan ketelusan yang menjadi tunjang utama bagi tadbir urus yang baik. Daripada penilaian yang dibuat, LHDNM telah mendapat kedudukan yang cemerlang bagi dimensi berikut:

- i. Mempunyai rangka kerja kukuh dalam pengawasan luaran (*external oversight*) yang berkecuali terhadap operasi pengurusan cukai dan prestasi kewangannya.
- ii. Mempunyai kawalan dalaman yang kukuh dalam aspek:
 - a. Kawalan dalaman yang mencukupi untuk melindungi sistem pentadbiran daripada kesilapan dan penipuan.
 - b. Mempunyai aras jaminan yang disediakan oleh audit dalaman di mana laporan dibuat secara berfungsi dan terus kepada Ahli Lembaga Pengarah LHDNM.
 - c. Mempunyai pelbagai mekanisme jaminan integriti kakitangan LHDNM.

ANUGERAH & PENGIKTIRAFAN



SENARAI ANUGERAH / PENGIKTIRAFAN YANG DIPEROLEH DALAM TAHUN 2015



VISIONARY LEADER OF THE YEAR AWARD

CEO LHDNM dianugerahkan Highest Category Of Personality For Visionary Leader Of The Year dari McMillan Woods Global Awards

Tarikh: 22 Januari 2015



LIFETIME ACHIEVEMENT AWARD

CEO LHDNM dianugerahkan Lifetime Achievement Award 2015 oleh The Leaders International dan American Leadership Development Association (ALDA).

Tarikh: 05 Mac 2015



SOCIAL MEDIA EXCELLENCE AWARD

LHDNM dianugerahkan Social Media Excellence Award 2015 bagi kategori Social Media Engagement bersempena World Bloggers And Social Media Awards 2015.

Tarikh: 24 April 2015



LIFETIME ACHIEVEMENT AWARD

CEO LHDNM dianugerahkan "2015 Lifetime Achievement Award - Outstanding Contributions In Shaping People" daripada The Asia HRD Awards 2015.

Tarikh: 08 Jun 2015



GLOBAL BEST BRANDS WORLD CLASS INCOME TAX AGENCY AWARD

LHDNM dianugerahkan "Global Best Brands World Class Income Tax Agency - GLC Category 2015" oleh Global Brands Council & The Leaders International 2015.

Tarikh: 08 Jun 2015



GLOBAL FINANCIAL BRAND ICON OF THE YEAR AWARD

CEO LHDNM dianugerahkan "Global Financial Brand Icon Of The Year - Masterclass Category 2015" oleh Global Brands Council & The Leaders International 2015.

Tarikh: 08 Jun 2015



THE EUROPEAN EMERGING MARKET AWARD

LHDNM dianugerahkan The European Emerging Market Awards 2015, bagi kategori Public Financial Institution of The Year – Asia 2015.

Penulisan rencana berkaitan LHDNM dan iklan telah disiarkan dalam majalah The European untuk penerbitan bulan September – Oktober 2015.

Tarikh: September 2015



THE EUROPEAN EMERGING MARKET AWARD

CEO LHDNM dianugerahkan The European Emerging Market Awards 2015, bagi kategori Public CEO of The Year – Asia 2015 oleh majalah The European yang beroperasi di London, England.

Tarikh: September 2015



HR EXCELLENCE AWARDS

LHDNM tersenarai sebagai finalis bagi menerima anugerah kecemerlangan HR Excellence Awards 2015 dalam dua kategori dipertandingkan iaitu:

1. Excellence in Training, Learning and Development Programmes
2. Excellence in Employee Development.

HR Excellence Awards 2015 yang dianjurkan oleh Human Resources Magazine, sebuah penerbitan oleh Lighthouse Independent Media yang berpangkalan di Singapura telah menobatkan LHDNM sebagai Silver Winner dalam kategori Excellence in Employee Development.

Tarikh: 17 September 2015



ASOCIO AWARD

- ASOCIO Awards 2015 (Asian Oceanian Computing Industry Organization)
- Kategori - Digital Government
- Projek: IT Innovation

Tarikh: 6 Oktober 2015



BRONZE ILLUMINATION AWARD

- Pasukan KIK Ocean 10 dari Cawangan Cheras Ocean 10 telah mendapat penganugerahan 'Bronze Illumination' bagi kategori 'Competition' di International Convention on Quality Control Circles (ICQCC) 2015 yang berlangsung di Changwoon Exhibition & Convention Centre, Gyeongnam, South Korea.

Tarikh: 7 Oktober 2015



HR ASIA BEST COMPANIES TO WORK FOR IN ASIA AWARD

- LHDNM dianugerahkan HR Asia Best Companies To Work For in Asia 2015 bersama-sama 37 organisasi lain. Program anugerah ini anjuran HR Asia, antara penerbitan paling terkemuka di Asia bagi pengamal sumber manusia profesional, bertujuan memberikan pengiktirafan terhadap organisasi sebagai antara majikan terbaik di Asia.

Tarikh: 13 November 2015



MASTERCLASS CEO OF THE YEAR AWARD

- CEO LHDNM dianugerahkan Masterclass CEO Of The Year (GLC Category) oleh Dewan Perniagaan Melayu Malaysia - Selangor dengan kolaborasi The Leaders Magazine pada majlis berprestij 'Selangor Excellence Business Awards' di Concorde Hotel, Shah Alam.

Tarikh: 13 November 2015



MASTERCLASS VISIONARY LEADER OF THE YEAR AWARD

CEO LHDNM dianugerahkan Masterclass Visionary Leader of the Year bersempena 6th Middle East Business Leaders Awards 2015 anjuran The Leaders International dan American Leadership Development Association (ALDA).

Tarikh: 30 November 2015



PESTA SUKAN KEMENTERIAN KEWANGAN (PSKK) KE-41

Kontinjen LHDNM telah berjaya menduduki tempat ke-2 dalam Pesta Sukan Kementerian Kewangan Ke-41 (PSKK 2015). Dua extra ordinary Hasilian telah merangkul anugerah olahragawan dan olahragawati PSKK 2015 iaitu:

- En. Jegan a/l Arumugam (Olahragawan)
- Cik Rahilah Othman (Olahragawati)

Tarikh: 27 November 2015 - 6 Disember 2015



IJAZAH KEHORMAT KEDOKTORAN PENGURUSAN

CEO LHDNM dianugerahkan Ijazah Kehormat Kedoktoran Pengurusan, bersempena dengan Majlis Konvokesyen Asia Metropolitan University (AMU) 2015.

Tarikh: 16 Disember 2015



NAIB JOHAN PERTANDINGAN AKHIR DIKIR BARAT KEBANGSAAN

Kumpulan Sri Lubalang Hasil LHDNM muncul selaku Naib Johan bagi Pertandingan Akhir Dikir Barat Kebangsaan 2015 yang telah berlangsung di Auditorium Kompleks Penyiaran Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan.

Tarikh: 20 Disember 2015


PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)



LHDNM Sebagai Ejen Pemungutan Pinjaman PTPTN

LHDNM telah dilantik menjadi ejen pemungutan pinjaman pendidikan bagi Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) di bawah seksyen 25 Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 (Akta 566). Secara keseluruhannya, jumlah pungutan bayaran balik pinjaman PTPTN telah meningkat setiap tahun hasil daripada pertambahan bilangan peminjam yang membuat bayaran balik pinjaman ke LHDNM secara sukarela. **Mulai 1 November 2015, LHDNM tidak lagi menjadi ejen kutipan bagi PTPTN. Semua majikan yang membuat potongan gaji pekerja bagi bayaran balik pinjaman hendaklah mengemukakan bayaran tersebut terus kepada PTPTN.**

Prestasi Pemungutan PTPTN



BANTUAN RAKYAT 1MALAYSIA (BR1M)



Program Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Kewangan Malaysia bagi pelaksanaan tahun keempat dalam pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan (2015) pada 10 Oktober 2014.

Program BR1M diterajui oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) dan LHDNM dilantik sebagai agensi pelaksana. Sebagai agensi pelaksana LHDNM bertanggungjawab terhadap pendaftaran dan pemprosesan permohonan sebanyak 8.2 juta permohonan. Pendaftaran BR1M bermula pada 1 Disember 2014 sehingga 31 Januari 2015 dan tempoh rayuan BR1M yang diterima oleh LHDNM bermula 1 Mac 2015 sehingga 15 Mei 2015.

Terdapat tiga kategori permohonan yang layak bagi BR1M 2015

- a) Ketua isi rumah atau warga emas yang layak **RM950** bagi jumlah **pendapatan kasar bulanan isi rumah RM 3,000 dan ke bawah**
- b) Ketua isi rumah atau warga emas yang layak **RM 750** bagi jumlah **pendapatan kasar bulanan isi rumah RM 3,001 hingga RM4,000.**
- c) Individu Bujang (termasuk Ibu atau Bapa Tunggal / Balu / Janda / duda) yang tiada tanggungan berumur **21 tahun ke atas dengan pendapatan kasar bulanan RM2,000 dan ke bawah layak RM350.**

Statistik Lulus BR1M Mengikut Amaun Kelayakan



RM950
4,169,839





RM750
410,725



RM350
2,708,553

Statistik BR1M 2015





DIREKTORI LHDNM





A black and white photograph of a cup of coffee and an open notebook on a wooden table. The cup is in the upper left, and the notebook is open in the foreground. The text "Diari HASIL" is overlaid on the notebook page.

Diari
HASIL



Januari

Majlis Perasmian Menara Hasil Melaka | 8 Januari 2015



Februari

Sesi Teh tarik Bersama Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar | 23 Februari 2015



Mac

Sambutan Hari Hasil ke 19 | 2 Mac 2015



April

LHDNM-OECD International Tax Avoidance & Countering BEPS | 20 April 2015

BREAKING BARRIERS
HITTING NEW HIGHS



Mei

Majlis Menandatangani Perjanjian Agensi | 29 Mei 2015
Antara Kerajaan Malaysia Dan LHDNM



Jun

Majlis Anugerah Hasil | 16 Jun 2015



Julai

Kempen Cinta Malaysia | 14 Julai 2015



Ogos

Lawatan Rasmi TMK II Ke LHDNM | 24 Ogos 2015

BREAKING BARRIERS
HITTING NEW HIGHS



September

Majlis Apresiasi Anggota Lembaga | 18 September 2015



Oktober

Majlis Taklimat Bajet | 26 Oktober 2015



November

Sambutan Hari Inovasi | 2 November 2015



Disember

Majlis Perasmian Pusat Pemprosesan | 22 Disember 2015

BREAKING BARRIERS
HITTING NEW HIGHS



The background of the page is a grayscale photograph of several coins. One coin is in sharp focus in the lower foreground, showing the word 'MALAYSIA' and a royal emblem. Other coins are visible in the background, some in focus and some blurred, creating a sense of depth. The text is overlaid on the left side of the image.

LAPORAN PENYATA
KEWANGAN LHDNM 2015



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2015 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

Tanggungjawab Anggota Lembaga Terhadap Penyata Kewangan

Anggota Lembaga bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 (Akta 533). Anggota Lembaga juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang

benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

Pendapat

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia pada 31 Disember 2015 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.



(TAN SRI HJ. AMBRIN BIN BUANG)

KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
29 JULAI 2016



PENYATA ANGGOTA LEMBAGA


LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

PENYATA Pengerusi dan Seorang Anggota Lembaga LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Kami, **TAN SRI DR. MOHD IRWAN SERIGAR BIN ABDULLAH** dan **DATO' HAJI CHE PEE BIN SAMSUDIN** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Anggota Lembaga **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota Lembaga, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA** pada 31 Disember 2015 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,


TAN SRI DR. MOHD IRWAN SERIGAR BIN ABDULLAH
Pengerusi

 Julai 2016
SELANGOR


DATO' HAJI CHE PEE BIN SAMSUDIN
Anggota Lembaga

 Julai 2016
SELANGOR

PENGAKUAN PEGAWAI UTAMA

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Saya, **MOHAMMAD NAZRI BIN ISMAIL**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya
Diakui oleh penama di atas,
Mohammad Nazri Bin Ismail
di Selangor
Pada 24 Jun 2016

)
)
)
)
)


MOHAMMAD NAZRI BIN ISMAIL



Di hadapan saya,



PESURUHJAYA SUMPAH

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
CAWANGAN DUTA
KOMPLEKS BANGUNAN KERAJAAN
JALAN SULTAN ABDUL HALIM
50622 KUALA LUMPUR

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

LEMBARAN IMBANGAN
PADA 31 DISEMBER 2015

	Nota	2015 RM	2014 RM
HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN	3	1,397,586,662	1,465,756,936
KERJA DALAM KEMAJUAN	4	32,525,927	41,992,509
PEMBIAYAAN PEKERJA	5	1,128,695	1,582,341
		1,431,241,284	1,509,331,786
ASET SEMASA			
Pembiayaan Pekerja	5	603,423	598,925
Wang Cagaran dan Prabayar	6	2,560,187	8,556,363
Bayaran Pendahuluan	7	191,747	144,149
Pelbagai Penghutang	8	285,029,673	246,610
Faedah Terakru Pelaburan		54,877	389,877
Penjelasan Cukai Barang Dan Perkhidmatan	9	6,502,473	-
Simpanan Tetap dan Pelaburan Jangka Pendek	10	151,000,000	331,000,000
Wang Tunai dan Baki Bank		4,533,361	17,848,984
JUMLAH ASET SEMASA		450,475,741	358,784,908
LIABILITI SEMASA			
Pelbagai Pemiutang	11	152,279,015	98,039,446
Pinjaman Berjangka	12	16,412,384	31,599,764
Pajakan Kewangan	13	2,500,599	2,369,917
Deposit	14	1,462,842	5,125,473
Peruntukan Hapuskira		-	665
Peruntukan Yuran Audit		80,000	80,344
JUMLAH LIABILITI SEMASA		172,734,840	137,215,609
ASET SEMASA BERSIH		277,740,901	221,569,299
		1,708,982,185	1,730,901,085

Nota-nota di muka surat 93 hingga 116 merupakan sebahagian asas Penyata Kewangan ini

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

LEMBARAN IMBANGAN
PADA 31 DISEMBER 2015

	Nota	2015 RM	2014 RM
DIBIAYAI OLEH:			
Kumpulan Wang Pembangunan	15	755,184,303	853,281,529
Kumpulan Wang Amanah	16	3,835,500	2,888,089
Kumpulan Wang Pelaburan	17	18,000,000	18,000,000
Kumpulan Wang Pinjaman	18	18,000,000	18,000,000
Rizab Penilaian Aset		281,646,880	281,646,880
Lebihan Berkumpul	19	624,708,374	530,564,476
		1,701,375,057	1,704,380,974
LIABILITI JANGKA PANJANG			
Pinjaman Berjangka	12	-	16,412,384
Pajakan Kewangan	13	7,607,128	10,107,727
		7,607,128	26,520,111
		1,708,982,185	1,730,901,085

Nota-nota di muka surat 93 hingga 116 merupakan sebahagian asas Penyata Kewangan ini

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	Nota	2015 RM	2014 RM
Hasil	20	2,049,556,644	1,868,220,776
Pendapatan Operasi Lain	21	479,613	1,681,304
Kos Pekerja	22	(1,387,439,679)	(1,335,485,704)
Susutnilai / Rosotnilai Hartanah, Loji dan Peralatan	3	(101,356,529)	(111,623,266)
Perbelanjaan Operasi Lain	23	(459,152,469)	(553,884,006)
Lebihan / (Kurangan) Daripada Operasi		102,087,580	(131,090,896)
Kos Kewangan		(15,997,243)	(15,559,783)
Pendapatan Dari Pelaburan dan Pinjaman		8,053,561	17,061,425
Lebihan / (Kurangan) Pendapatan Tahun Semasa		94,143,898	(129,589,254)

Nota-nota di muka surat 93 hingga 116 merupakan sebahagian asas Penyata Kewangan ini

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	Kumpulan Wang Pembangunan RM	Kumpulan Wang Amanah RM	Kumpulan Wang Pelaburan/ Pinjaman RM	Rizab Penilaian Aset RM	Lebihan Terkumpul RM	Jumlah RM
Baki pada 1 Jan 2015	853,281,529	2,888,089	36,000,000	281,646,880	530,564,476	1,704,380,974
(Kurangan) / Lebihan Semasa	(98,097,226)	947,411	-	-	94,143,898	(3,005,917)
Penilaian Tanah	-	-	-	-	-	-
Penilaian Bangunan	-	-	-	-	-	-
Baki pada 31 Dis 2015	755,184,303	3,835,500	36,000,000	281,646,880	624,708,374	1,701,375,057
Baki pada 1 Jan 2014	865,526,415	2,860,717	36,000,000	281,646,880	660,153,730	1,846,187,742
(Kurangan) / Lebihan Semasa	(12,244,886)	27,372	-	-	(129,589,254)	(141,806,768)
Penilaian Tanah	-	-	-	-	-	-
Penilaian Bangunan	-	-	-	-	-	-
Baki pada 31 Dis 2014	853,281,529	2,888,089	36,000,000	281,646,880	530,564,476	1,704,380,974

Nota-nota di muka surat 93 hingga 116 merupakan sebahagian asas Penyata Kewangan ini

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	Nota	2015 RM	2014 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI			
Terimaan Geran Kerajaan Persekutuan dan Pendapatan Lain	24	1,664,917,245	1,707,781,120
Bayaran Kepada Pembekal dan Pekerja	25	(1,770,286,950)	(1,737,890,663)
TUNAI BERSIH DITERIMA / (DIGUNAKAN) DALAM AKTIVITI OPERASI		(105,369,705)	(30,109,543)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN			
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan termasuk Kerja Dalam Kemajuan		(23,348,805)	(9,262,413)
Terimaan Daripada Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan		92,601	125,019
Pendapatan Dari Pelaburan dan Pinjaman		8,388,561	17,341,521
Pinjaman Kepada Pekerja		449,147	(242,473)
TUNAI BERSIH (DIGUNAKAN) / DITERIMA DALAM AKTIVITI PELABURAN		(14,418,496)	7,961,654
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN			
Kumpulan Wang Pembangunan		(24,910,631)	71,542,427
Kumpulan Wang Amanah		1,350,132	411,610
Pinjaman Berjangka		(31,599,764)	(31,599,764)
Pajakan Kewangan		(2,369,916)	12,477,644
Kos Kewangan Dibayar		(15,997,243)	(15,559,783)
TUNAI BERSIH (DIGUNAKAN) / DITERIMA DALAM AKTIVITI PEMBIAYAAN		(73,527,422)	37,272,134
(Pengurangan) / Pertambahan Bersih Tunai		(193,315,623)	15,124,245
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun		348,848,984	333,724,739
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun		155,533,361	348,848,984
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA 31 DISEMBER			
Simpanan Tetap dan Pelaburan Jangka Pendek		151,000,000	331,000,000
Wang Tunai dan Baki Bank		4,533,361	17,848,984
		155,533,361	348,848,984

Nota-nota di muka surat 93 hingga 116 merupakan sebahagian asas Penyata Kewangan ini

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

1. MAKLUMAT KORPORAT

1.1 Akta Berkaitan dan Fungsi

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah ditubuhkan pada 1 Mac 1996 di bawah Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 (Akta 533).

LHDNM bertindak sebagai ejen kepada Kerajaan dan memberi perkhidmatan dalam pentadbiran, penaksiran, pemungutan dan penguatkuasaan pembayaran cukai pendapatan, cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan harta tanah, cukai aktiviti perniagaan luar persisir Labuan, duti setem, duti harta pesaka dan cukai-cukai lain.

1.2 Pembentangan dan Pengesahan Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015 telah dibentangkan dan disahkan oleh Anggota Lembaga LHDNM pada 29 Julai 2016.

2. DASAR PERAKAUNAN UTAMA

2.1 Asas Penyediaan dan Perakaunan

Penyediaan Penyata Kewangan LHDNM memerlukan pihak pengurusan untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang mempengaruhi pemakaian polisi perakaunan dan laporan amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Walaupun pengetahuan dan tindakan semasa adalah yang terbaik tetapi keputusan sebenar mungkin berbeza.

Anggaran dan andaian disemak atas dasar berterusan. Semakan anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran disemak dan dalam mana-mana tempoh hadapan yang berkenaan.

Asas perakaunan Penyata Kewangan LHDNM adalah mengikut:

- i. Kelaziman kos sejarah; dan

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

- ii Piawaian Perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) iaitu *Private Entity Reporting Standards (PERS)*.

LHDNM akan mengguna pakai *Malaysian Private Entity Reporting Standards* (MPERS) bagi tempoh kewangan bermula atau selepas 01 Januari 2016 selaras dengan ketetapan statutori oleh MASB.

2.2 Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, Loji dan Peralatan diakaunkan pada kos selepas ditolak susutnilai terkumpul dan rosotnilai terkumpul. Kos adalah termasuk kos perbelanjaan yang diagihkan terus semasa perolehan aset tersebut. Semua pembaikan, penyelenggaraan dan pengubahsuaian dicaj di Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan ianya berlaku.

Hartanah, Loji dan Peralatan dengan kos pembeliannya tidak kurang daripada RM1,000 seunit akan dipermodalkan. Walau bagaimanapun permaidani, langsir dan seumpamanya tanpa mengambilkira kos perolehan tidak akan dipermodalkan.

Susutnilai

Semua Hartanah, Loji dan Peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan anggaran usia penggunaan pada kadar berikut:

Tanah - Sewa pajak	Berdasarkan tempoh sewa pajak
Bangunan	2%-3%
Alat Kelengkapan Pejabat	20%
Kenderaan	20%
Komputer	33.33%

Tanah Milik Bebas dan Kerja Dalam Kemajuan tidak disusutnilaikan.

Kerja Dalam Kemajuan dinyatakan pada kos dan dipermodalkan sebagai hartanah, loji dan peralatan setelah sijil akuan siap atau sijil akuan penerimaan diterima oleh LHDNM.

Kadar susutnilai bagi pembelian bangunan siap di mana kos tanah dan kos bangunan tidak dapat dikenalpasti semasa perolehan dibuat akan mengikut kadar susutnilai bangunan iaitu 2%.

Pada setiap tarikh lembaranimbangan, nilai baki bersih dan usia penggunaan aset akan disemak dan diselaraskan jika bersesuaian dan aset perlu dinilai sama ada terdapat petunjuk rosotnilai.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

Penilaian Semula Aset

Penilaian semula ke atas hartanah yang terdiri daripada Tanah dan Bangunan akan dibuat setiap lima (5) tahun. Lebihan akibat penilaian semula akan dikreditkan ke dalam rizab penilaian semula.

Kekurangan akibat penilaian semula akan dicajkan ke dalam rizab penilaian semula setakat baki lebihan yang dipegang dalam rizab penilaian semula bagi aset yang sama. Dalam semua kes yang lain, penurunan dalam nilai bawa aset dicajkan kepada penyata pendapatan.

Dengan penjualan aset-aset yang dinilai semula, jumlah dalam rizab penilaian semula berkaitan dengan aset-aset tersebut dipindahkan ke Lebihan Berkumpul. Tarikh penilaian semula dianggap berlaku pada tarikh lembaran imbangan.

2.3 Rosotnilai Aset

Aset yang tertakluk kepada pelunasan akan disemak untuk rosotnilai apabila berlaku peristiwa atau perubahan pada keadaan yang menunjukkan nilai dibawa berkemungkinan tidak akan diperolehi.

Rosotnilai diiktiraf apabila nilai dibawa aset melebihi nilai diperolehi. Nilai diperolehi adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai saksama aset ditolak kos jualan atau nilai penggunaan.

Rosotnilai akan dicaj di Penyata Pendapatan. Bagi aset-aset lain, jika terdapat sebarang kenaikan dalam amaun yang akan diperolehi, ianya diiktiraf di Penyata Pendapatan kecuali terdapat pembalikan rosotnilai atas aset yang dinilai semula di mana ianya akan diambilkira ke Akaun Lebihan Penilaian Semula.

2.4 Pajakan Kewangan

Pajakan yang mana LHDNM menanggung risiko dan menerima ganjaran atas pemilikan aset dikelaskan sebagai pajakan kewangan.

Hartanah, Loji dan Peralatan yang dimiliki melalui pajakan kewangan akan dipermodalkan dan disusut nilai seperti mana aset-aset lain seperti yang dinyatakan di Nota 2.2. Obligasi sepadan berkaitan dengan bayaran pokok diperakaunkan sebagai liabiliti dan caj pembiayaan dikenakan ke atas penyata pendapatan sepanjang tempoh pelan pajakan.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

2.5 Pajakan Operasi

Pajakan harta di mana bahagian yang signifikan daripada risiko dan ganjaran pemilikan masih kekal di atas tuan sewa dikelaskan sebagai pajakan operasi. Bayaran yang dibuat di bawah perbelanjaan ini dicajkan ke penyata pendapatan mengikut kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

2.6 Pembiayaan Pekerja

Pinjaman pekerja dinyatakan pada kos. Anggaran ke atas hutang ragu dibuat berdasarkan ke atas semakan amaun tertunggak pada akhir tahun kewangan. Hutang lapuk dihapuskan pada tempoh ia dikenalpasti.

2.7 Penghutang

Penghutang adalah dinyatakan pada kos setelah ditolak dengan peruntukan hutang ragu.

2.8 Pemiutang

Pemiutang dinyatakan pada kos iaitu pada nilai setara yang dijangka akan dibayar pada masa hadapan bagi barangan dan perkhidmatan yang diterima.

2.9 Pinjaman Berjangka

Pinjaman berjangka dinyatakan pada kos.

2.10 Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan utama merupakan Fi Agensi yang diterima untuk tujuan pembiayaan kos operasi dan pembangunan. Pendapatan tersebut dan pendapatan lain diambilkira atas dasar akrual kecuali pendapatan keuntungan dari simpanan Skim Al-Mudharabah, Skim Perlindungan Insurans Syarikat Takaful dan pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan diiktiraf apabila keuntungan diterima.

Pada tahun kewangan semasa, LHDNM menerima Fi Agensi dari Kerajaan sebagai gantian kepada Geran Kerajaan Persekutuan sebelum ini berdasarkan Perjanjian yang dimeterai di antara LHDNM dan Kerajaan Malaysia pada 29 Mei 2015. Perjanjian disifatkan sebagai telah berkuat kuasa mulai 6 Januari 2015.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

Pengiraan anggaran Fi Agensi boleh terima dari Kerajaan adalah berdasarkan kepada jumlah anggaran kutipan kasar hasil cukai diperolehi dalam sesuatu tahun. Fi Agensi diakrukan dalam tahun di mana pendapatan diiktiraf dan akan dilaraskan semula berdasarkan kutipan sebenar hasil cukai diterima oleh Kerajaan.

2.11 Pengiktirafan Geran Kerajaan Persekutuan

i. Kumpulan Wang Pembangunan

Tiada Geran Kerajaan Persekutuan yang diterima untuk tujuan pembiayaan kos projek pembangunan dalam tahun kewangan semasa.

Pembiayaan perbelanjaan modal merujuk kepada Geran Kerajaan Persekutuan sebelum tahun 2015, diklasifikasikan sebagai pendapatan tertunda dan akan dikreditkan/dicajkan ke penyata pendapatan sepadan dengan caj susutnilai harta modal tersebut.

ii. Kumpulan Wang Pinjaman, Kenderaan, Komputer, Amanah dan Pelaburan

Tiada Geran Kerajaan Persekutuan yang diterima untuk tujuan pembiayaan kumpulan wang berkenaan dalam tahun kewangan semasa.

2.12 Pertukaran Matawang Asing

Perkara-perkara dalam Penyata Pendapatan ditukarkan pada kadar pertukaran pada tarikh urusaniaga. Perbezaan pertukaran diambilkira dalam Penyata Pendapatan.

2.13 Tunai dan Kesetaraan Tunai

LHDNM telah menuruti kaedah langsung di dalam penyediaan aliran tunai. Untuk tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai adalah terdiri daripada tunai dalam tangan, deposit dengan bank, lain-lain jangka pendek dan pelaburan berkecairan tinggi dalam tempoh kematangan asal sehingga setahun.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

2.14 Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

Polisi pengurusan risiko kewangan LHDNM adalah untuk memastikan LHDNM mempunyai sumber kewangan yang mencukupi bagi tujuan operasi. Operasi yang dijalankan adalah berdasarkan polisi yang telah diluluskan oleh Kerajaan dan LHDNM.

Berikut adalah risiko kewangan yang utama dihadapi oleh LHDNM dan polisi yang berkaitan aktiviti utama pengoperasian:

i. Risiko Kadar Faedah

LHDNM akan mencuba untuk mendapatkan pinjaman pada asas kadar tetap untuk mengurangkan kenaikan kadar faedah dan seterusnya mengurangkan risiko kadar faedah.

ii. Risiko Kredit

Risiko kredit adalah dikawal melalui prosedur kelulusan kredit, had dan pemantauan. Semakin dalaman ke atas kredit akan dilakukan sekiranya risiko tersebut adalah material.

iii. Risiko Kecairan dan Aliran Tunai

Pengurusan risiko kecairan secara berhati-hati melibatkan pengekalan tunai dan kesediaan dana yang mencukupi bagi memenuhi anggaran komitmen daripada perbelanjaan operasi dan liabiliti kewangan.

2.15 Manfaat Pekerja / Faedah Persaraan Pekerja

Manfaat pekerja / faedah persaraan pekerja terdiri daripada berikut:

i. Manfaat Jangka Pendek

Gaji, elaun, imbuhan tahunan dan faedah bukan kewangan diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Pendapatan dalam tempoh di mana perkhidmatan diberikan oleh pekerja LHDNM.

ii. Pelan Caruman Tetap

Caruman dibuat kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial adalah bagi pekerja yang layak dicarum.

LHDNM juga mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi pekerja yang memilih Skim Saraan Lembaga

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

Hasil Dalam Negeri Malaysia atau kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) bagi pekerja yang memilih Skim Saraan Malaysia.

Caruman ini diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Pendapatan dalam tahun di mana perkhidmatan diberikan oleh pekerja kecuali bagi caruman untuk imbuhan tahunan diiktiraf pada tahun ia diterima.

iii. Manfaat Jangka Panjang

Jenis-jenis manfaat jangka panjang yang diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Pendapatan pada tahun ia berlaku adalah seperti berikut:

- a) Manfaat perubatan pesara
- b) Bayaran ganjaran cuti rehat tahunan pesara
- c) Saguhati Tamat Perkhidmatan (STP) pesara

Mesyuarat LHDNM Bil. 3 Tahun 2013 pada 26 Jun 2013 telah meluluskan pemberian STP kepada pesara LHDNM yang bersara di bawah Skim Saraan LHDNM. Ia adalah lanjutan daripada kelulusan Kerajaan Persekutuan berkenaan pemberian STP kepada 7 Badan Berkanun Yang Diasingkan Saraan (BBDS).

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN – KESELURUHAN

	Tanah	Bangunan	Kenderaan	Perabot & Lengkapan	Komputer	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
<u>Kos/Penilaian Semula</u>						
Baki pada 1 Jan 2015	192,884,303	1,174,902,766	50,444,020	55,772,910	375,051,677	1,849,055,676
Penambahan	-	-	128,000	2,445,893	14,334,973	16,908,866
Pelupusan	-	-	(875,172)	(1,270,602)	(97,473,327)	(99,619,101)
Pelarasan	-	-	(182,512)	2,195,436	410,451	2,423,375
Pindahan Daripada Kerja Dalam Kemajuan	1,850,050	-	-	27,370	11,825,158	13,702,578
Baki pada 31 Dis 2015	194,734,353	1,174,902,766	49,514,336	59,171,007	304,148,932	1,782,471,394
<u>Susutnilai Berkumpul</u>						
Baki pada 1 Jan 2015	807,121	24,041,057	34,405,668	37,752,030	286,292,864	383,298,740
Caj bagi Tahun Semasa	906,609	26,699,568	3,720,686	7,146,956	62,882,710	101,356,529
Pelupusan	-	-	(875,156)	(1,269,075)	(97,300,933)	(99,445,164)
Pelarasan	-	-	(164,325)	(152,382)	(8,666)	(325,373)
Baki pada 31 Dis 2015	1,713,730	50,740,625	37,086,873	43,477,529	251,865,975	384,884,732
<u>Nilai Buku Bersih</u>						
Pada 31 Dis 2015	193,020,623	1,124,162,141	12,427,463	15,693,478	52,282,957	1,397,586,662
<u>Kos/Penilaian Semula</u>						
Baki pada 1 Jan 2014	190,890,580	1,041,977,197	35,804,602	48,908,686	295,644,327	1,613,225,392
Penambahan	90,605	-	14,597,863	2,008,919	225,380	16,922,767
Pelupusan	-	-	(1,111,402)	(2,029,947)	(6,348,215)	(9,489,564)
Pelarasan	-	-	1,152,957	4,521,774	1,959,960	7,634,691
Pindahan Daripada Kerja Dalam Kemajuan	1,903,118	132,925,569	-	2,363,478	83,570,225	220,762,390
Baki pada 31 Dis 2014	192,884,303	1,174,902,766	50,444,020	55,772,910	375,051,677	1,849,055,676
<u>Susutnilai Berkumpul</u>						
Baki pada 1 Jan 2014	-	-	32,821,243	34,230,975	212,671,399	279,723,617
Caj bagi Tahun Semasa	807,121	24,041,057	2,637,649	4,220,085	79,917,354	111,623,266
Pelupusan	-	-	(1,111,382)	(2,018,083)	(6,324,599)	(9,454,064)
Pelarasan	-	-	58,158	1,319,053	28,710	1,405,921
Baki pada 31 Dis 2014	807,121	24,041,057	34,405,668	37,752,030	286,292,864	383,298,740
<u>Nilai Buku Bersih</u>						
Pada 31 Dis 2014	192,077,182	1,150,861,709	16,038,352	18,020,880	88,758,813	1,465,756,936

Nota :
46.64% atau RM90,019,541 daripada nilai buku bersih aset tanah pada 31 Dis 2015 adalah tanah hakmilik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Penilaian semula adalah merujuk kepada aset tanah dan bangunan sahaja.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

4. KERJA DALAM KEMAJUAN

	Kumpulan Wang Mengurus RM	Kumpulan Wang Pembangunan RM	Jumlah RM
Baki Pada 1 Jan 2015	13,208,976	28,783,533	41,992,509
Penambahan	998,397	29,667,029	30,665,426
Pindahan Ke Hartanah, Loji dan Peralatan	(1,850,050)	(11,852,528)	(13,702,578)
Pindahan Ke Kumpulan Wang Pembangunan	-	(26,406,083)	(26,406,083)
Pelarasan	(23,347)	-	(23,347)
Baki Pada 31 Dis 2015	12,333,976	20,191,951	32,525,927
 Baki Pada 1 Jan 2014	 12,515,463	 262,538,946	 275,054,409
Penambahan	3,604,143	63,290,275	66,894,418
Pindahan Ke Hartanah, Loji dan Peralatan	(1,969,742)	(218,792,648)	(220,762,390)
Pindahan Ke Kumpulan Wang Pembangunan	-	(80,257,770)	(80,257,770)
Pelarasan	(940,888)	2,004,730	1,063,842
Baki Pada 31 Dis 2014	13,208,976	28,783,533	41,992,509

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

5. PEMBIAYAAN PEKERJA

	Pinjaman Kenderaan RM	Pinjaman Komputer RM	Pinjaman Pengajian RM	Pinjaman Lain RM	Jumlah RM
Baki Pada 1 Jan 2015	560,201	903,626	783,715	15,901	2,263,443
Pemberian Pinjaman	165,400	486,500	117,264	42,000	811,164
	725,601	1,390,126	900,979	57,901	3,074,607
Tolak:					
Bayaran Balik Pinjaman	190,823	451,738	72,093	44,901	759,555
Baki Pinjaman Dihapuskira*	-	-	504,831	-	504,831
Baki Pada 31 Dis 2015	534,778	938,388	324,055	13,000	1,810,221
Tolak :					
Peruntukan Hutang Ragu	73,135	4,968	-	-	78,103
	461,643	933,420	324,055	13,000	1,732,118

Penyesuaian Peruntukan Hutang Ragu adalah seperti berikut :

Baki Pada 1 Jan 2015	77,209	4,968	-	-	82,177
Tolak:					
Peruntukan Dipulihkan	2,000	-	-	-	2,000
Peruntukan Dihapuskira	2,074	-	-	-	2,074
Baki Pada 31 Dis 2015	73,135	4,968	-	-	78,103

Baki Pada 1 Jan 2014	553,823	722,675	746,873	-	2,023,371
Pemberian Pinjaman	216,801	589,100	41,248	47,700	894,849
	770,624	1,311,775	788,121	47,700	2,918,220
Tolak:					
Bayaran Balik Pinjaman	210,423	408,149	4,406	31,799	654,777
Baki Pinjaman Dihapuskira*	-	-	-	-	-
Baki Pada 31 Dis 2014	560,201	903,626	783,715	15,901	2,263,443
Tolak :					
Peruntukan Hutang Ragu	77,209	4,968	-	-	82,177
	482,992	898,658	783,715	15,901	2,181,266

Penyesuaian Peruntukan Hutang Ragu adalah seperti berikut :

Baki Pada 1 Jan 2014	79,609	4,968	-	-	84,577
Tolak:					
Peruntukan Dipulihkan	2,400	-	-	-	2,400
Peruntukan Dihapuskira	-	-	-	-	-
Baki Pada 31 Dis 2014	77,209	4,968	-	-	82,177

* Baki pinjaman dihapuskira adalah merujuk kepada baki pinjaman pengajian pekerja yang telah ditukar statusnya kepada biasiswa setelah pekerja berjaya menepati syarat-syarat perjanjian yang telah ditetapkan oleh pihak LHDNM. Amaun hapuskira akan diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan dalam tahun dimana tempoh ikatan perjanjian pengajian tamat.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

Pinjaman Kepada Pekerja ditunjukkan di dalam:

	2015 RM	2014 RM
Aset Semasa (Jumlah Akan Diterima Dalam Tempoh 12 bulan)	603,423	598,925
Aset Bukan Semasa	1,128,695	1,582,341
	<u>1,732,118</u>	<u>2,181,266</u>

Pembiayaan pekerja adalah seperti berikut :

Jenis	Tempoh Bayaran Balik	Bayaran Perkhidmatan
	Tahun	% / Tahun
Kenderaan	6 – 9	4 % (baki berkurangan)
Komputer	4	4% (baki berkurangan)
Pengajian	5	-
Pinjaman Tanpa Faedah	1	-

6. WANG CAGARAN DAN PRABAYAR

	2015 RM	2014 RM
Cagaran Air	53,110	52,210
Cagaran Elektrik	755,270	754,470
Cagaran Sewa Bangunan	182,290	79,790
Prabayar Premium Insuran Kesihatan	1,406,492	1,328,226
Prabayar Bekalan dan Perkhidmatan	153,676	6,332,318
Prabayar Pelbagai	9,349	9,349
	<u>2,560,187</u>	<u>8,556,363</u>

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

7. BAYARAN PENDAHULUAN

	Emolumen RM	Pekerja RM	Pelbagai RM	Jumlah RM
Baki pada 1 Jan 2015	21,029	63,576	59,544	144,149
Pemberian				
Pendahuluan	76,133	763,872	6,072,920	6,912,925
	97,162	827,448	6,132,464	7,057,074
Tolak:				
Bayaran Balik				
Pendahuluan	65,514	801,369	5,998,444	6,865,327
Baki pada 31 Dis 2015	31,648	26,079	134,020	191,747
Baki pada 1 Jan 2014	9,978	11,370	160,748	182,096
Pemberian				
Pendahuluan	69,346	871,804	7,329,878	8,271,028
	79,324	883,174	7,490,626	8,453,124
Tolak:				
Bayaran Balik				
Pendahuluan	58,295	819,598	7,431,082	8,308,975
Baki pada 31 Dis 2014	21,029	63,576	59,544	144,149

8. PELBAGAI PENGHUTANG

	2015 RM	2014 RM
Penghutang Pekerja	118,934	72,802
Penghutang Perniagaan	65,065	173,808
Penghutang Perkhidmatan*	284,845,674	-
	285,029,673	246,610

*Penghutang Perkhidmatan adalah Fi Agensi Belum Terima daripada Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2015.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

9. PENJELASAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN

Penguatkuasaan cukai barang dan perkhidmatan (CBP) adalah bermula pada 1 April 2015 di bawah Akta Cukai dan Perkhidmatan 2014 (Akta 762). LHDNM adalah organisasi berdaftar di bawah akta tersebut yang membenarkan kenaikan cukai output dilaksanakan ke atas pembekalan barang dan perkhidmatan yang disediakan serta menuntut cukai input yang ditanggung bagi pembelian yang merupakan input bagi operasi organisasi. Ia merangkumi jumlah CBP terkumpul yang dituntut bagi tempoh Julai 2015 sehingga Disember 2015.

10. SIMPANAN TETAP DAN PELABURAN JANGKA PENDEK

	2015 RM	2014 RM
Simpanan Tetap	61,000,000	231,000,000
Perjanjian Belian Balik (Repo)	90,000,000	100,000,000
	<u>151,000,000</u>	<u>331,000,000</u>

Kadar keuntungan efektif bagi pelaburan LHDNM adalah pada kadar antara 2.62% kepada 4.05% setahun (2014 : 3.10% kepada 3.80% setahun) dengan tempoh matang dalam peletakan sehingga 3 bulan.

11. PELBAGAI PEMIUTANG

	2015 RM	2014 RM
Saguhati Tamat Perkhidmatan Terakru*	81,601,019	81,601,019
Bekalan dan Perkhidmatan	66,215,028	15,516,307
Pelbagai Pemiutang Terakru	4,462,968	922,120
	<u>152,279,015</u>	<u>98,039,446</u>

*Saguhati Tamat Perkhidmatan Terakru adalah melibatkan pemberian manfaat kepada pegawai LHDNM yang bersara di bawah Skim Saraan LHDNM bermula dari 01 Mac 1996 sehingga 31 Mac 2013.

Pembayaran telah mula dilaksanakan secara berperingkat-peringkat pada tahun 2016, setelah peruntukan diterima daripada Kerajaan Persekutuan pada Disember 2015 dan Januari 2016.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

12. PINJAMAN BERJANGKA

	2015 RM	2014 RM
Bayaran Balik Pinjaman Berjangka		
- Dalam Setahun	24,514,717	46,927,764
- 1 Hingga 5 Tahun	-	24,514,717
	24,514,717	71,442,481
Tolak: Kos Perkhidmatan Ke Atas Pinjaman Berjangka	8,102,333	23,430,333
Nilai Semasa Pinjaman Berjangka	16,412,384	48,012,148

	2015 RM	2014 RM
Pinjaman Berjangka Ditunjukkan Di Dalam :		
Liabiliti Semasa		
- Dalam Setahun	16,412,384	31,599,764
Liabiliti Jangka Panjang		
- 1 Hingga 5 Tahun	-	16,412,384
Nilai Semasa Pinjaman Berjangka	16,412,384	48,012,148

LHDNM telah memperolehi pinjaman daripada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan). Berikut adalah butiran pinjaman LHDNM dengan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan):

Tahun Pinjaman	Amaun Pinjaman RM	Bayaran Perkhidmatan % / Tahun	Tempoh Bayaran Balik Tahun	Bangunan / Tanah
2008	103,800,000	6 (Kadar Tetap)	8	Menara Hasil, Petaling Jaya, Selangor
2008	140,000,000	6.5 (Kadar Tetap)	8	Akademi Percukaian Malaysia Kuching

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

13. PAJAKAN KEWANGAN

	2015 RM	2014 RM
Bayaran Balik Pajakan Kewangan		
- Dalam Setahun	2,983,860	2,983,860
- 1 Hingga 5 Tahun	8,201,711	11,185,571
	<u>11,185,571</u>	<u>14,169,431</u>
Tolak: Kos Perkhidmatan Ke Atas Pajakan Kewangan	1,077,844	1,691,787
Nilai Semasa Pajakan Kewangan	<u>10,107,727</u>	<u>12,477,644</u>

	2015 RM	2014 RM
Pajakan Kewangan Ditunjukkan Di Dalam :		
Liabiliti Semasa		
- Dalam Setahun	2,500,599	2,369,917
Liabiliti Jangka Panjang		
- 1 Hingga 5 Tahun	7,607,128	10,107,727
Nilai Semasa Pajakan Kewangan	<u>10,107,727</u>	<u>12,477,644</u>

LHDNM telah memperolehi pinjaman secara pajakan kewangan bagi perolehan kenderaan berjumlah RM14,597,863 dalam tahun 2014 dengan kadar bayaran perkhidmatan 5.0% hingga 5.7% setahun (2014: 5.0% hingga 5.7%).

14. DEPOSIT

	2015 RM	2014 RM
Deposit Khas	972,979	4,354,256
Wang Tahanan	475,011	136,182
Wang Cagaran	8,850	16,450
Deposit Pelbagai	6,002	618,585
	<u>1,462,842</u>	<u>5,125,473</u>

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

15. KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN

Kumpulan Wang Pembangunan adalah terdiri daripada pemberian Kerajaan Persekutuan sehingga 31 Disember 2014 bagi membiayai projek-projek pembangunan (bangunan dan pengkomputeran) di bawah Rancangan Malaysia Ke Lapan, Ke Sembilan dan Ke Sepuluh (RMKe-8, RMKe-9 dan RMKe-10). Pelunasan pembangunan dalam tahun semasa diambil kira sebagai manfaat penggunaan ke atas hartanah, loji dan peralatan yang mana ianya sama dengan susutnilai hartanah, loji dan peralatan.

	2015 RM	2014 RM
Baki Pada 1 Januari	853,281,529	865,526,415
Terimaan Tunai Daripada Kerajaan Persekutuan	-	140,408,242
Terimaan Bukan Tunai Daripada Kerajaan Persekutuan	-	7,319,036
	<u>853,281,529</u>	<u>1,013,253,693</u>
 Tolak: Pemberian Pembangunan Dilunaskan	 -	 -
Perbelanjaan Tunai	24,910,631	76,184,851
Susutnilai / Rosotnilai Hartanah, Loji dan Peralatan	73,186,595	83,787,313
	<u>98,097,226</u>	<u>159,972,164</u>
Baki Pada 31 Disember	<u>755,184,303</u>	<u>853,281,529</u>

Mulai tahun 2015 berdasarkan kaedah Fi Agensi, tiada geran pembangunan khas diterima daripada Kerajaan Persekutuan dalam tahun semasa.

16. KUMPULAN WANG AMANAH

Kumpulan Wang Amanah LHDNM adalah merangkumi 2 perkara berikut :

- 16.1 Kumpulan Wang Amanah Akademi Percukaian Malaysia ditubuhkan bagi memperakaunkan segala pendapatan dan perbelanjaan berkaitan kebajikan peserta kursus, aktiviti latihan, penyelidikan dan penerbitan yang dijalankan oleh Akademi Percukaian Malaysia. Ia juga merangkumi program-program melibatkan kursus antarabangsa

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

yang dikendalikan oleh Akademi Percukaian Malaysia dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia.

- 16.2 Tabung Wang Ihsan LHDNM (dikenali sebagai Akaun Amanah) ditubuhkan dan berkuatkuasa pada 1 Januari 2015. Ianya bertujuan untuk mengurus bantuan ihsan kepada pekerja LHDNM, waris serta pihak luar, sumbangan serta bantuan kepada rumah kebajikan, bantuan mangsa banjir dan lain-lain program kebajikan sebagai menyokong fungsi Kerajaan dalam melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (*Corporate Social Responsibility*) kepada pekerja dan masyarakat secara umumnya.

	2015			2014		
	Akademi Percukaian Malaysia RM	Tabung Ihsan RM	Jumlah RM	Akademi Percukaian Malaysia RM	Tabung Ihsan RM	Jumlah RM
<u>Pendapatan</u>						
Hasil Dari Sumber Dalam	358,552	138,540	497,092	451,074	-	451,074
Sumbangan Organisasi Luar	717,038	1,515,235	2,232,273	595,065	-	595,065
Faedah Simpanan Tetap	39,432	-	39,432	27,859	-	27,859
	1,115,022	1,653,775	2,768,797	1,073,998	-	1,073,998
<u>Tolak: Perbelanjaan</u>						
Perbelanjaan Tunai	522,945	895,720	1,418,665	662,388	-	662,388
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan	402,721	-	402,721	384,238	-	384,238
	925,666	895,720	1,821,386	1,046,626	-	1,046,626
Lebihan Semasa	189,356	758,055	947,411	27,372	-	27,372
Lebihan Berkumpul dari Tahun Lepas	2,928,260	-	2,928,260	2,860,717	-	2,860,717
Pelarasan	(40,171)	-	(40,171)	-	-	-
Lebihan Berkumpul Dibawa Ke Hadapan	3,077,445	758,055	3,835,500	2,888,089	-	2,888,089

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

17. KUMPULAN WANG PELABURAN

Kumpulan Wang Pelaburan sebanyak RM18,000,000 adalah merupakan dana pembiayaan yang diberikan oleh Kementerian Kewangan Malaysia melalui surat bertarikh 21 Mac 1997 ketika LHDNM dilembagakan. Dana ini adalah bagi tujuan pelaburan untuk menjana pendapatan tambahan LHDNM.

LHDNM diberi kuasa di bawah Seksyen 28, Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri 1995 untuk membuat pelaburan. Walau bagaimanapun, ianya terhad di dalam bentuk Simpanan Tetap, *Bankers Acceptance* dan *Repurchase Agreement* di bank dan institusi kewangan yang dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 dan diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

18. KUMPULAN WANG PINJAMAN

	Kenderaan RM	Komputer RM	Pengajian RM	Jumlah RM
Had Pembiayaan Yang Diluluskan	14,000,000	3,000,000	1,000,000	18,000,000
Baki pada 1 Jan 2015	13,423,898	2,096,374	216,285	15,736,557
Tolak:				
Pemberian Pinjaman Kepada Pekerja	207,400	486,500	117,264	811,164
	13,216,498	1,609,874	99,021	14,925,393
Campur:				
Bayaran Balik Pinjaman Oleh Pekerja	235,724	451,738	72,093	759,555
Baki Pinjaman Dihapuskira	-	-	504,831	504,831
Baki pada 31 Dis 2015	13,452,222	2,061,612	675,945	16,189,779
Baki pada 1 Jan 2014	13,446,177	2,277,325	253,127	15,976,629
Tolak:				
Pemberian Pinjaman Kepada Pekerja	264,501	589,100	41,248	897,249
	13,181,676	1,688,225	211,879	15,079,382
Campur:				
Bayaran Balik Pinjaman Oleh Pekerja	242,222	408,149	4,406	657,177
Baki pada 31 Dis 2014	13,423,898	2,096,374	216,285	15,736,557

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

19. LEBIHAN TERKUMPUL

	2015 RM	2014 RM
Lebihan Terkumpul Dari Tahun Lepas	530,564,476	660,153,730
Lebihan/(Kurangan) Pendapatan Tahun Semasa	94,143,898	(129,589,254)
Lebihan Terkumpul Dibawa Ke Hadapan	<u>624,708,374</u>	<u>530,564,476</u>

20. HASIL

Mulai tahun 2015, hasil utama LHDNM adalah Fi Agensi yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan atas perkhidmatannya seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 10 Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, 1995. Hasil terdiri daripada pendapatan dari sumber-sumber seperti berikut:

	2015 RM	2014 RM
Fi Agensi	1,818,537,574	-
Geran Kerajaan Persekutuan	128,000,000	1,704,527,700
Pemberian Wang Pembangunan Dilunaskan	98,097,226	159,972,164
Pemberian Wang Amanah Dilunaskan	1,821,386	1,046,626
Terimaan Balik Bayaran Tahun-Tahun Lalu	1,387,440	1,051,182
Sewaan	332,223	807,865
Denda dan Hukuman	173,137	464,307
Jualan Dokumen Bercetak	351,014	146,998
Keuntungan Skim Perlindungan		
Insuran Syarikat Takaful	138,463	107,856
Pendapatan Lain	718,181	96,078
	<u>2,049,556,644</u>	<u>1,868,220,776</u>

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

21. PENDAPATAN OPERASI LAIN

Pendapatan operasi lain terdiri daripada:

	2015 RM	2014 RM
Jualan Barang-Barang Stor	16,144	2,170
Untung Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	94,213	90,222
Terimaan Bukan Tunai (Dalam Bentuk Aset)	369,256	1,588,912
	<u>479,613</u>	<u>1,681,304</u>

22. KOS PEKERJA

Kos pekerja terdiri daripada:

	2015 RM	2014 RM
Gaji dan Upahan	802,725,120	775,354,044
Elaun Tetap	110,575,026	106,371,141
Sumbangan Berkanun Untuk Pekerja	213,789,429	205,040,314
Elaun Lebih Masa	7,539,048	7,963,159
Faedah-Faedah Kewangan Yang Lain	252,811,056	240,757,046
	<u>1,387,439,679</u>	<u>1,335,485,704</u>

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

23. PERBELANJAAN OPERASI LAIN

	2015 RM	2014 RM
Perbelanjaan dan Sara Hidup	21,884,265	23,072,779
Pengangkutan Barang-barang	1,146,068	3,204,850
Perhubungan dan Utiliti	73,886,390	61,062,569
Sewaan	99,443,807	84,791,006
Bekalan Bahan Mentah dan Bahan Untuk Penyenggaraan	1,806,812	1,800,222
Bekalan dan Bahan-bahan Lain	11,416,738	12,373,285
Penyenggaraan dan Pembaikan Kecil	30,524,871	27,880,155
Perkhidmatan Iktisas dan Hospitaliti	103,638,239	100,401,223
Yuran Audit	80,000	80,344
Perkhidmatan Klinik dan Perubatan	20,296,453	19,048,181
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	47,479,910	123,837,996
Bayaran-bayaran Lain	21,219,620	19,484,157
Perbelanjaan Tunai Dilunaskan		
Kumpulan Wang Pembangunan	24,910,631	76,184,851
Perbelanjaan Tunai Dilunaskan		
Kumpulan Wang Amanah	1,418,665	662,388
	<u>459,152,469</u>	<u>553,884,006</u>

24. TERIMAAN FI AGENSI, GERAN KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN PENDAPATAN LAIN

	2015 RM	2014 RM
Fi Agensi	1,533,691,900	-
Geran Kerajaan Persekutuan	128,000,000	1,704,527,700
Teriman Balik Bayaran		
Tahun-Tahun Lalu	1,387,440	1,051,182
Sewaan	332,223	807,865
Denda dan Hukuman	173,137	464,307
Jualan Dokumen Bercetak	351,014	146,998
Keuntungan Skim Perlindungan		
Insuran Syarikat Takaful	138,463	107,856
Pendapatan Lain	718,181	96,078
Jualan Barang-Barang Stor	16,144	2,170
Penghutang Perniagaan	108,743	576,964
	<u>1,664,917,245</u>	<u>1,707,781,120</u>

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

25. BAYARAN KEPADA PEMBEKAL DAN PEKERJA

	2015 RM	2014 RM
Kos Pekerja (Nota 22)	1,387,439,679	1,335,485,704
Perbelanjaan Operasi Lain	432,823,173	477,036,767
Pelbagai Pemiutang	(54,239,569)	(74,249,058)
Deposit	3,662,632	(1,694,743)
Wang Cagaran dan Prabayar	(5,996,177)	1,324,757
Bayaran Pendahuluan	47,598	(37,947)
Penghutang Pekerja	46,132	25,848
Peruntukan Yuran Audit dan Hapuskira	1,009	(665)
Bayaran Cukai Input CBP	6,502,473	-
	<u>1,770,286,950</u>	<u>1,737,890,663</u>

26. PENGLIBATAN MODAL

	2015 RM	2014 RM
Dilulus dan Dikontrakkan	<u>163,489,636</u>	<u>90,814,864</u>

27. TANGGUNGAN LUAR JANGKA

Tuntutan bernilai RM1,470,021 telah difailkan terhadap LHDNM merangkumi tuntutan bayaran yuran ikhtisas perunding sebanyak RM1,246,145 dan kos imbuhan balik sebanyak RM223,876. Pada 29 Mac 2016 pihak mahkamah telah membuat keputusan dan memerintahkan penuntut membawa kes ini di hadapan Timbang Tara dan LHDNM menganggarkan kos timbang tara adalah sebanyak RM50,000. Tiada peruntukan dinyatakan dalam Penyata Kewangan terhadap tuntutan tersebut kerana ianya tidak menjejaskan kedudukan kewangan semasa LHDNM.

28. KOMITMEN PAJAKAN OPERASI

Pembayaran pajakan di bawah pajakan operasi tidak boleh dibatalkan adalah seperti berikut:

	2015 RM	2014 RM
Kurang dari setahun	83,787,560	28,356,535
Lebih dari setahun dan tidak lebih dari lima tahun	64,913,239	148,700,800
	<u>148,700,799</u>	<u>177,057,335</u>

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

29. INSTRUMEN KEWANGAN

29.1. Risiko Kadar Faedah

Risiko kadar faedah di mana instrumen kewangan akan berubah akibat daripada perubahan kadar faedah di pasaran dan kadar faedah efektif berdasarkan kedudukan aset kewangan dan liabiliti kewangan seperti berikut:

	Jumlah Nilai Bawaan	Dalam Setahun	1 Hingga 5 Tahun	Selepas 5 Tahun	Kadar Faedah Efektif
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	%
2015					
Aset Kewangan					
Pembiayaan Pekerja	1,732	603	1,128	-	4.0
Simpanan Tetap dan Pelaburan Jangka Pendek	151,000	151,000	-	-	2.62 – 4.05
Tunai Di Bank dan Di Tangan	4,533	4,533	-	-	
	<u>157,265</u>	<u>156,136</u>	<u>1,128</u>	<u>-</u>	
Liabiliti Kewangan					
Pinjaman Berjangka	16,412	16,412	-	-	6.0 – 7.0
Pajakan Kewangan	10,108	2,501	7,607	-	5.0 – 5.7
	<u>26,520</u>	<u>18,913</u>	<u>7,607</u>	<u>-</u>	
2014					
Aset Kewangan					
Pinjaman Kepada Pekerja	2,181	599	1,582	-	4.0
Simpanan Tetap dan Pelaburan Jangka Pendek	331,000	331,000	-	-	3.1 – 3.8
Tunai Di Bank dan Di Tangan	17,849	17,849	-	-	-
	<u>351,030</u>	<u>349,448</u>	<u>1,582</u>	<u>-</u>	
Liabiliti Kewangan					
Pinjaman Berjangka	48,012	31,600	16,412	-	6.0 – 7.0
Pajakan Kewangan	12,478	2,370	10,108	-	5.0 – 5.7
	<u>60,490</u>	<u>33,970</u>	<u>26,520</u>	<u>-</u>	

29.2. Risiko Kredit

Risiko kredit maksimum berkaitan dengan aset kewangan yang dikenalpasti adalah nilai bawaan yang dinyatakan di dalam Lembaran Imbangan. LHDNM tidak mempunyai penumpuan khas terhadap risiko kredit dengan mana-mana pihak.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

29.3. Nilai Saksama

Nilai bawaan bagi semua aset kewangan dan liabiliti kewangan LHDNM pada tarikh Lembaran Imbangan adalah dianggarkan pada nilai saksama.

30. CUKAI PENDAPATAN

Merujuk kepada kuasa Menteri pada seksyen 127 (3) (b) Akta Cukai Pendapatan 1967, LHDNM telah diberikan pengecualian daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan semua pendapatan (kecuali pendapatan dividen) bagi tempoh mulai tahun taksiran 1997 sehingga ke tahun-tahun taksiran berikutnya. Perintah pengecualian ini adalah merujuk kepada P.U.(A) 171/2000 [Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (Bil. 20) 2000].

Bagi pendapatan dividen, LHDNM turut dikecualikan cukai berdasarkan pendapatan dividen di bawah sistem satu peringkat (single-tier) [perenggan 21B, Jadual 6 Pengecualian Cukai, Akta Cukai Pendapatan 1967].

31. ANGKA-ANGKA PERBANDINGAN

Angka-angka perbandingan tertentu telah disusun semula untuk disesuaikan dengan persembahan akaun bagi tahun semasa.

	Dinyatakan semula	Seperti Dinyatakan Sebelum
	RM	RM
Penyata Pendapatan		
- Kos Pekerja	1,335,485,704	1,243,947,990
- Perbelanjaan Operasi lain	553,884,006	645,421,720

32. MAKLUMAT AM

Bilangan pekerja (status tetap, kontrak dan sambilan) pada akhir tahun kewangan adalah seramai 13,793 orang berbanding dengan 13,717 orang pada tahun 2014. Perbezaan adalah merangkumi penurunan 236 orang untuk status tetap dan penambahan sebanyak 18 orang untuk status kontrak dan 294 orang untuk status sambilan. Penurunan bilangan pekerja status tetap adalah disebabkan persaraan pekerja pada tahun 2015.

LAPORAN PRESTASI KEWANGAN

PENDAPATAN

Jumlah Pendapatan LHDNM bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 adalah berjumlah RM2,058.09 juta yang terdiri daripada:

Fi Agensi

Mulai tahun 2015, hasil utama LHDNM adalah Fi Agensi yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan atas perkhidmatannya seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 10 Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995. LHDNM menerima Fi Agensi sebagai gantikan kepada Geran Kerajaan Persekutuan sebelum ini berdasarkan perjanjian yang dimeterai di antara LHDNM dan Kerajaan Malaysia pada 29 Mei 2015. Perjanjian disifatkan sebagai telah berkuatkuasa mulai 6 Januari 2015. Pengiraan anggaran Fi Agensi boleh terima dari kerajaan adalah berdasarkan kepada jumlah anggaran kutipan kasar hasil cukai diperolehi dalam sesuatu tahun. Jumlah Fi Agensi yang diterima dalam tahun 2015 berjumlah RM1,818.54 juta yang merujuk kepada jumlah kutipan cukai tahunan bagi tahun 2015 iaitu RM121.236 billion. Terimaan fi adalah meliputi 88.36% daripada keseluruhan pendapatan LHDNM.

Pemberian Kerajaan


LHDNM tidak lagi menerima geran mengurus dan pembangunan (2014: RM1,634.53 juta) yang mana ianya digantikan dengan Fi Agensi selaras dengan perubahan dasar dan polisi dari '*Government-Based Financing Entity*' kepada '*Self-Financing Entity*'. Walau bagaimanapun dalam tahun semasa, LHDNM telah menerima geran pemberian kerajaan sebanyak RM128 juta yang meliputi peruntukan BR1M sebanyak RM68 juta (2014: RM70 juta) dan Saguhati Tamat Perkhidmatan (STP) sebanyak RM60 juta. Geran dilunaskan pada tahun 2015 adalah sebanyak RM99.92 juta bagi Pemberian Peruntukan Pembangunan (RM98.10 juta) dan Pemberian Wang Amanah (RM1.82 juta).

Pendapatan Lain

Selain daripada Fi Agensi dan pemberian kerajaan, pendapatan LHDNM turut disumbangkan oleh sumber pendapatan lain seperti Faedah Pelaburan dan Pinjaman RM8.05 juta (2014: RM17.06 juta), Pendapatan Sewaan RM0.33 juta (2014: RM0.81 juta), Terimaan Balik Bayaran Tahun-Tahun Lalu RM1.39 juta (2014: RM1.05 juta) dan pendapatan lain sebanyak RM1.86 juta (2014: RM2.50 juta).

Secara keseluruhannya, pendapatan LHDNM meningkat sebanyak 9.07% berbanding RM1,886.96 juta pada tahun 2014. Peningkatan pendapatan adalah berdasarkan penerimaan Fi Agensi, geran bagi Saguhati Tamat Perkhidmatan (STP), peningkatan jualan dokumen bercetak, jualan barang-barang stor dan pendapatan lain.

Carta 1: Pendapatan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015




PERBELANJAAN

Rumusan Perbelanjaan

Jumlah Perbelanjaan Keseluruhan LHDNM bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 adalah berjumlah RM1,963.95 juta (2014: RM2,016.55 juta). Kos pekerja merupakan perbelanjaan terbesar LHDNM iaitu sebanyak RM1,387.44 juta (2014: RM1,335.49 juta) diikuti oleh perbelanjaan perkhidmatan iktisas dan hospitaliti sebanyak RM124.01 juta (2014: RM119.53 juta). Selain itu, perbelanjaan lain yang terlibat ialah kos susutnilai/rosotnilai hartanah, loji dan peralatan RM101.36 juta (2014: RM111.62 juta), perbelanjaan sewaan RM99.44 juta (2014: RM84.79 juta), perbelanjaan perhubungan dan utiliti RM73.89 juta (2014: RM61.06 juta), pemberian dan kenaikan bayaran tetap RM47.48 juta (2014: RM123.84 juta), penyenggaraan dan pembaikan kecil RM30.52 juta (2014: RM 27.88 juta), perbelanjaan pembangunan dan amanah dilunaskan berjumlah RM26.33 juta (2014: RM76.85 juta), perjalanan dan sara hidup RM21.88 juta (2014: RM23.07 juta), kos kewangan RM16.00 juta (2014: RM15.56 juta) dan lain-lain perbelanjaan berjumlah RM51.67 juta (2014: RM52.50 juta).

Carta 2: Perbelanjaan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015



Analisa Perbelanjaan

LHDNM membelanjakan 70.65% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan bagi membiayai kos pekerja berstatus tetap, kontrak dan sambilan. Sumber manusia merupakan aset terpenting yang menjamin kepada pencapaian prestasi KPI LHDNM. Peningkatan kos pekerja adalah disebabkan kenaikan kadar gaji tahunan 6% dan diseimbangkan dengan persaraan pekerja LHDNM yang belum dibuat pengisian perjawatan menghasilkan peningkatan keseluruhan kos kepada 3.89% berbanding tahun 2014. Perbelanjaan kedua terbesar adalah perbelanjaan perkhidmatan iktisas dan hospitaliti iaitu merangkumi perbelanjaan seperti bayaran lesen komputer, perkhidmatan perundangan, perkhidmatan pencetakan, pengiklanan, perubatan dan lain-lain.

Jadual 1: Perbandingan Perbelanjaan LHDNM Bagi Tahun 2015 Dan Tahun 2014

Jenis Perbelanjaan	Tahun 2015 (RM)	Tahun 2014 (RM)
Kos Pekerja	1,387,439,679	1,335,485,704
Perkhidmatan Iktisas dan Hospitaliti	124,014,692	119,529,748
Susutnilai/Rosotnilai Hartanah, Loji dan Peralatan	101,356,529	111,623,266
Sewaan	99,443,807	84,791,006
Perhubungan dan Utiliti	73,886,390	61,062,569
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	47,479,910	123,837,996
Penyenggaraan dan Pembaikan Kecil	30,524,871	27,880,155
Perbelanjaan Tunai Dilunaskan	26,329,296	76,847,239
Perjalanan dan Sara Hidup	21,884,265	23,072,779
Kos Kewangan	15,997,243	15,559,783
Perbelanjaan Lain	35,589,238	36,862,514
Jumlah	1,963,945,920	2,016,552,759

Perbandingan Perbelanjaan


Secara keseluruhan, perbelanjaan LHDNM telah berkurangan sebanyak 2.61% berbanding RM2,016.55 juta pada tahun 2014. Penyumbang terbesar kepada penurunan perbelanjaan ini adalah disebabkan oleh perbelanjaan pemberian dan kenaan bayaran tetap (61.66%) iaitu merujuk kepada perbelanjaan STP terakru tahun 2014 bagi pesara tahun 1997 sehingga 31 Mac 2013 yang berjumlah RM81.60 juta. Selain itu perbelanjaan tunai dilunaskan bagi Pemberian Peruntukan Pembangunan dan Pemberian Wang Amanah menunjukkan penurunan sebanyak 65.74% disebabkan oleh penyelarasan semula cadangan projek-projek pembangunan.

Namun begitu terdapat juga peningkatan kepada kos sewaan (17.28%) disebabkan oleh perpindahan beberapa cawangan ke bangunan atau ruang pejabat baru bersesuaian dengan peningkatan jumlah pekerja dan bilangan pembayar cukai. Manakala peningkatan perhubungan dan utiliti (21.00%) disebabkan oleh perbelanjaan bagi caj talian pajakan bagi keperluan sistem talian data intranet LHDNM.

Jadual 2: Prestasi Kewangan Bagi Tempoh 5 Tahun (2011-2015)

Perangkaan Kewangan Yang Penting	2011 RM' JUTA	2012 RM' JUTA	2013 RM' JUTA	2014 RM' JUTA	2015 RM' JUTA
Pendapatan	1,191.54	1,696.55	1,948.13	1,886.96	2,058.08
Perbelanjaan	1,118.48	1,582.77	1,907.27	2,016.55	1,963.94
Lebihan/(Kurangan) Pendapatan	73.06	113.78	40.86	(129.59)	94.14
Lebihan Terkumpul	505.52	619.30	660.15	530.56	624.71
Aset Bukan semasa	1,436.50	1,405.07	1,609.95	1,509.33	1,431.24
Aset Semasa	269.50	327.38	343.15	358.78	451.48
Liabiliti Semasa	81.43	62.82	58.90	137.22	172.73
Liabiliti Jangka Panjang	113.71	79.61	48.01	26.52	7.61

Carta 3: Prestasi Komponen Lembaran Imbangan Bagi Tempoh 5 Tahun



RUMUSAN KOMPONEN LEMBARAN IMBANGAN LHDNM

Peningkatan aset semasa sebanyak 25.84% adalah disebabkan peningkatan Fi Agensi belum terima bagi tahun 2015. Hasil daripada itu, liabiliti semasa juga meningkat sebanyak 25.88% iaitu merupakan pemiutang bekalan dan perkhidmatan yang belum membayar.

Bagi liabiliti jangka panjang, terdapat penurunan sebanyak 71.30% disebabkan oleh pembiayaan pinjaman daripada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) akan selesai bagi pembiayaan bangunan LHDNM iaitu Cawangan Petaling Jaya dan Akademi Percukaian Malaysia Kuching. Pinjaman masih berbaki satu tahun dan dijadualkan akan tamat bayaran balik pada Oktober 2016.

Carta 4: Prestasi Komponen Penyata Pendapatan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015



RUMUSAN KOMPONEN PENYATA PENDAPATAN LHDNM

Pendapatan LHDNM memainkan peranan yang penting dalam merancang perbelanjaan semasa dan bukan semasa LHDNM. Pendapatan LHDNM merupakan Pembolehubah Tidak Bersandar (*Independent Variable*) di mana terimaan hasil akan mempengaruhi corak perbelanjaan semasa dan perancangan perbelanjaan jangka panjang LHDNM. Penurunan perbelanjaan bagi tahun 2015 berbanding tahun sebelumnya iaitu 2.60% adalah merupakan permulaan kepada cadangan langkah penjimatan LHDNM pada hujung tahun 2015 dan tahun seterusnya.

PRESTASI PERBELANJAAN OPERASI MENGIKUT PROGRAM DAN AKTIVITI


Peruntukan LHDNM diagih dan dibelanjakan mengikut 6 program utama yang mengandungi 8 aktiviti. Program di Peringkat Ibu Pejabat adalah Perkhidmatan Percukaian, Pematuhan, Dasar, Operasi Percukaian dan Pengurusan manakala Program Negeri meliputi aktiviti di peringkat cawangan di seluruh Malaysia. Statistik perbelanjaan mengikut program adalah seperti di bawah.

Jadual 3: Perbelanjaan Mengikut Program Bagi Tahun 2015 Dan Tahun 2014

Program	Tahun 2015	2012 RM'JUTA	2013 RM'JUTA
Perkhidmatan Percukaian	120,977,905	183,412,049	(34.04)
Pematuhan	94,291,066	101,172,419	(6.80)
Dasar	28,733,799	29,095,275	(1.24)
Operasi Percukaian	194,911,878	188,707,922	3.29
Pengurusan	189,224,038	187,329,063	1.01
Negeri	1,157,071,486	1,100,584,206	5.13
Jumlah	1,785,210,172	1,790,300,934	(0.28)

Perbelanjaan di Jadual 3 adalah tidak termasuk perbelanjaan susutnilai/rosotnilai hartanah, loji dan peralatan dan perbelanjaan BR1M

Carta 5: Prestasi Perbelanjaan LHDNM Mengikut Program Bagi Tahun 2015



Program Perkhidmatan Percukaian

Perbelanjaan di bawah Program Perkhidmatan Percukaian adalah merangkumi semua aktiviti-aktiviti seperti penyelidikan percukaian, khidmat korporat, auditan dalaman, inspektorat, pengurusan risiko, rayuan cukai, perisikan dan siasatan khas serta pengurusan kewangan. LHDNM telah memperuntukkan sebahagian perbelanjaan bagi program kesedaran percukaian seperti penglibatan pengiklanan berkaitan percukaian melalui radio, televisyen dan akhbar semasa. Perbelanjaan di bawah program perkhidmatan percukaian menunjukkan penurunan sebanyak 34.04% berikutan perbelanjaan tahun 2014 adalah termasuk perbelanjaan STP terakru bagi pesara LHDNM yang bersara pada tahun 1997 sehingga 31 Mac 2013.

Program Pematuhan

Perbelanjaan di bawah Program Pematuhan adalah merangkumi semua perbelanjaan aktiviti-aktiviti seperti penggubalan dasar berkaitan pematuhan cukai, siasatan, pengauditan cukai korporat dan cukai bagi syarikat multinasional serta petroleum. Aktiviti penguatkuasaan dan penyiasatan bagi kesalahan-kesalahan berkaitan percukaian adalah tunjang kepada pematuhan cukai negara. Program ini adalah dilaksanakan oleh beberapa Jabatan dan Bahagian yang berada di bawah Ibu Pejabat di LHDNM.

Program Dasar

Program Dasar merangkumi aktiviti penggubalan dasar bagi operasi percukaian dalam negara dan antarabangsa. Program ini turut merangkumi fungsi undang-undang seperti pengendalian kes-kes mahkamah dan bertindak sebagai penasihat undang-undang kepada LHDNM. Program ini melibatkan perbelanjaan yang terendah iaitu 1.61% daripada keseluruhan perbelanjaan pada tahun 2015 dan sebahagian besar daripada kos adalah melibatkan kos pekerja, perjalanan dan sara hidup.

Program Operasi Percukaian

Program Operasi Percukaian merupakan komponen terpenting dalam memastikan kecekapan proses kutipan cukai di LHDNM. Aktiviti dibawah program ini merangkumi aktiviti operasi percukaian dan pungutan hasil serta pengurusan teknologi maklumat. Perbelanjaan tertinggi bagi program ini adalah melibatkan perbelanjaan berkaitan perkhidmatan komputer dan pemprosesan data. Perbelanjaan ini adalah bertujuan memastikan mutu sistem penyampaian LHDNM kepada para pelanggan sentiasa dalam keadaan yang terbaik .

Program Pengurusan

Program Pengurusan terdiri daripada aktiviti yang melibatkan pembangunan organisasi, pengurusan sumber manusia, pengendalian kursus dan latihan serta pengurusan aset termasuk bangunan pejabat LHDNM. LHDNM juga memberi penekanan kepada latihan yang komprehensif dan pembangunan sumber manusia yang berterusan. Pelaksanaan aktiviti ini dilihat sebagai satu pelaburan jangka panjang LHDNM bagi melahirkan pegawai-pegawai yang berkompentensi tinggi bagi melaksanakan fungsi yang telah digariskan.

Program Negeri

Program Negeri merupakan program yang menyumbang kepada perbelanjaan terbesar di LHDNM iaitu 64.81% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan dan lebih 50% daripada perbelanjaan ini adalah melibatkan kos pekerja. Aktiviti di bawah Program Negeri adalah seperti aktiviti Pentadbiran di negeri, audit cukai, pungutan, duti setem, siasatan, pengesanan, perundangan dan khidmat pelanggan.

PRESTASI PERBELANJAAN MODAL LHDNM BAGI TAHUN 2015

Selaras dengan pelaksanaan 'Self Financing' bermula tahun 2015, LHDNM tidak lagi menerima peruntukan pembangunan melalui Rancangan Malaysia (RMK) daripada pihak Kerajaan. Peruntukan pembangunan dijenamakan semula sebagai peruntukan perbelanjaan modal yang mana pembiayaan utama adalah melalui Fi Agensi yang diterima oleh LHDNM. Bagi tahun 2015, peruntukan perbelanjaan modal yang diluluskan adalah berjumlah RM115,093,900 bagi membiayai pelaksanaan Projek ICT (RM108,116,500) dan Projek Infrastruktur Pejabat (RM6,977,400).

Projek ICT yang diluluskan adalah untuk mewujudkan satu sistem pengurusan percukaian yang cekap dan efisien selari dengan perkembangan teknologi terkini. Ianya dirangka secara atas talian bagi memudahkan urusan pembayar cukai dan secara tidak langsung memberi impak positif terhadap peningkatan kutipan cukai.

Projek Infrastruktur Pejabat yang diluluskan adalah untuk menyediakan kemudahan dan bangunan pejabat sendiri yang lebih selesa serta mesra pengguna sama ada bagi pegawai-pegawai LHDNM mahupun pembayar cukai.

PENCAPAIAN KESELURUHAN

Secara keseluruhannya, pengurusan kewangan LHDNM dilaksanakan dengan berhemah, telus dan *value for money*. Semua perbelanjaan yang dibuat adalah membolehkan ianya memberi impak positif kepada fungsi utama LHDNM iaitu mengutip hasil cukai bagi pendapatan negara. Penurunan kos sebanyak 3% (2015:RM1,963.94 juta) berbanding tahun 2014 (RM2,016.55 juta) memberi petunjuk yang baik terhadap pengurusan kewangan di LHDNM dan ianya selaras dengan pencapaian melebihi sasaran LHDNM dalam keseluruhan petunjuk prestasi utama (KPI) percukaian yang ditetapkan kecuali komponen kutipan hasil.



Lembaga Hasil Dalam Negeri

Menara Hasil,
Persiaran Rimba Permai
Cyber 8, 63000 Cyberjaya,
Selangor.

Customer Service Centres
1-800-88-5436



03 8313 8888



**03 8313 7801
03 8313 7806**



www.hasil.gov.my



/LHDNM



/LHDNM



LhdnTube